Jilid II
Bil. 18

Hari Selasa
21hb Julai, 1992

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGAN

PENYATA RASMI PARLIMEN—RISALAT-RISALAT MESYUARAT [Ruangan 3897]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 3900]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 4011]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) [Ruangan 4012]

USUL:

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 4094]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Kenaikan Tambang Kapalterbang Dalam Negeri—Y.B. Tuan Liew Ah Kim (Seputeh) [Ruangan 4094]

DICETAK OLEH PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
IBU PEJABAT, KUALA LUMPUR
1993

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

,, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.M.S. (Labis).

,, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

,, Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

,, Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

,, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

,, Menteri Pendidikan, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

,, Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

,, Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P., S.S.S.A. (Permatang Pauh).

,, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

,, Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

,, Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.M.S. (Pekan).

,, Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S., D.P.M.S (Temerloh).

,, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

,, Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).

,, Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).

,, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).

,, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

,, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).

,, Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).

,, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).

,, Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

,, Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).

,, Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).

,, Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).

,, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).

,, Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

,, Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

,, Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

,, Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

,, Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).

,, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).

,, Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

,, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).

,, Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).

,, Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).

,, Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

,, Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).

,, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).

,, Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' MOHAMED FARID BIN ARIFFIN, D.S.P.N. (Balik Pulau).

,, Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

,, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).

,, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).

,, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).

,, Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).

,, Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).

,, Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

,, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).

,, Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).

,, Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).

,, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).

,, Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).

,, Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

" Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. J.P. (Bagan Datok).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

" Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tapah).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A,M.S. (Segamat).

" TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).

" DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.I.S. (Mersing).

" TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

" TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).

" DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.. P.P.T. (Kuala Terengganu).

" TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).

" DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).

" DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).

" TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

" DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

" TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

" TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

Yang Berhormat Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan (Machang).

,, Dato' Alias bin Md. Ali, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

,, Datuk Amir Kahar bin Tun Datu Mustapha (Marudu).

,, Tuan Haji Awang bin Jabar, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

,, Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin, B.K.M., P.J.K. (Jerai).

,, Datuk Haji Basri bin Bajuri, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

,, Datuk Bernard Giluk Dompok, P.G.D.K. (Penampang).

,, Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang).

,, Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok).

,, Tuan Chian Heng Kai (Bukit Mertajam).

,, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar).

,, Tun Daim Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).

,, Dr V. David (Puchong).

,, Tuan Fong Kui Lun (Klang).

,, Tuan Foo Piew Kok (Batu Gajah).

,, Tuan George Sangkin (Bandau).

,, Tuan Gooi Hock Seng (Bukit Bendera).

,, Tuan Haji Hamzah bin Mohamed Zain (Tasek Chenderoh).

,, Tuan Harrison Ngau Laing (Baram).

,, Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas).

,, Tuan Haji Ibrahim bin Jendol, P.J.K. (Alor Gajah).

,, Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai).

,, Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah).

,, Che Ibrahim bin Mustafa (Sungai Petani).

,, Lt. Kol. (B) Ibrahim bin Sareh (Jelebu).

,, Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak (Kota Bharu).

,, Tuan Haji Ishak bin Arshad (Kangar).

,, Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis (Rompin).

,, Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu).

,, Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit).

,, Tuan Joseph Mauh Ak Ikeh (Selangau).

,, Tuan Kang Chow Oh (Kluang).

,, Tuan R. Karpal Singh (Jelutong).

Yang Berhormat Tuan Kerk Kim Hock (Pasir Pinji).

,, Dr Kua Kia Soong (Petaling Jaya).

,, Tuan Lai Lun Tzee (Sandakan).

,, Tuan Lau Dak Kee (Ipoh).

,, Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu).

,, Tuan Liew Ah Kim (Seputeh).

,, Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka).

,, Tuan Lim Hock Seng (Bagan).

,, Tuan Lim Kit Siang (Tanjong).

,, Puan Lim Lay Hoon (Padang Serai).

,, Datin Ling Chooi Sieng (Lumut).

,, Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim (Sabak Bernam).

,, Tuan Maidom P. Pansai (Kota Belud).

,, Dr T. Marimuthu (Telok Kemang).

,, Tuan Michael Asang, b.s.k. (Jambongan).

,, Tuan Michael Lisa Kaya @ Gor Kaya (Bukit Mas).

,, Dato' Haji Mohamad bin Abdullah, d.i.m.p., p.j.k. (Maran).

,, Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri).

,, Tuan Mohamed Kamal bin Hussain (Lembah Pantai).

,, Tuan Mohamad Khaled bin Nordin (Johor Bharu).

,, Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim, d.s.d.k., k.m.n. (Kuala Kedah).

,, Dato' Haji Mohd. Sharif bin Jajang, d.p.m.s., a.m.n., p.j.k. (Sepang).

,, Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar (Batu Berendam).

,, Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, p.m.p., a.m.p. (Larut).

,, Datuk Monggoh Orow, p.g.d.k., k.m.n., a.d.k. (Tuaran).

,, Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun, s.m.n., s.p.d.k., s.i.m.p., p.n.b.s., s.p.m.j., s.p.m.p., s.p.c.m., k.c.r.l., k.st.j. (Limbawang).

,, Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin, a.m.p. (Parit).

,, Dr Nawawi bin Mat Awin (Tambun).

,, Tuan Nurnikman bin Abdullah (Kimanis).

,, Tuan Ong Tin Kim (Telok Intan).

,, Dr Osman Minudin (Kinabalu).

,, Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau).

,, Tuan G. Palanivel (Hulu Selangor).

Yang Berhormat Dr Patau Rubis, p.b.s. (Mas Gading).

,, Datuk Dominic Joseph Puthucheary (Nibong Tebal).

,, Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, d.p.m.p., p.c.m., k.m.n., b.c.k., p.j.k. (Bagan Serai).

,, Tuan Radin Malleh (Padas).

,, Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap (Shah Alam).

,, Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian).

,, Puan Rohani binti Abd. Karim (Santubong).

,, Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong).

,, Y.B.M. Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, d.k., p.s.m.., s.p.m.k., s.s.a.p., s.p.m.s. (Gua Musang).

,, Tuan Saidin @ Yusof bin Adam (Tanjqng Karang).

,, Dr Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang).

,, Tuan Shahidan bin Kassim, a.m.p. (Arau).

,, Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching).

,, Puan Siti Zainabon binti Abu Bakar (Tebrau).

,, Tuan Haji Shukri bin Haji Mohamed (Kok Lanas).

,, Tuan Taimin bin Lumaing (Pensiangan).

,, Datuk Daniel Tajem Anak Miri, p.n.b.s., j.m.n. (Sri Aman).

,, Tuan Tan Kok Wai (Sungai Besi).

,, Dr Tan Seng Giaw (Kepong).

,, Tuan Thomas Salang Siden (Julau).

,, Tuan Wahab bin Suhaili (Batang Sadong).

,, Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman (Kota Setar).

,, Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar).

,, Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat).

,, Wan Omar bin Wan Majib (Pasir Puteh).

,, Tuan Wee Choo Keong (Bukit Bintang).

,, Tuan Wong Wing On (Kampar).

,, Tuan Vun Shin Choi @ Joseph Voon (Tanjong Aru).

,, Datuk Amar James Wong Kim Min (Bintulu).

,, Tuan Jason Wong Sing Nang (Lanang).

,, Tuan Woon See Chin, s.m.j., a.m.n., p.i.s. (Senai).

,, Tuan Geoffrey Yee Ling Fook (Tawau).

,, Tuan Yim Chee Chong (Seremban).

,, Tuan Philip Yong Chiew Lip (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Zamani bin Sulaiman

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Ramaswamy

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Haji Hassan.
Hajah Kalsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Norishah binti Mohd. Thani.
Zaharah binti Naim.
Su Soon Chuan.
Norwahidah binti Azizi.
Rozita binti Abd. Samad.
Jainah binti Sakimin.
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 21hb Julai, 1992

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

PENYATA RASMI PARLIMEN—RISALAT-RISALAT MESYUARAT

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, ini adalah mengenai Penyata Rasmi Parlimen bagi hari Isnin kelmarin. Oleh kerana peruntukan Peraturan Mesyuarat 20(3) berbunyi, dengan izin:

> "20 (3) Setelah risalat-risalat mesyuarat dibawa ke dalam mesyuarat maka hal itu hendaklah dimasukkan dalam buku Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat bagi hari risalat itu dibawa atau bagi hari mesyuarat yang akan datang jika Majlis Mesyuarat tidak bersidang."

Soal ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah mengenai video lucah yang telah diterima sebagai barang kes kelmarin, exhibit. Bolehkah saya tahu, Tuan Speaker, bagaimana video lucah itu yang tidak ditayangkan di dalam Dewan ini ada dimasukkan dalam Penyata Rasmi Parlimen, iaitu isi kandungannya? Oleh kerana sudah diterima sebagai exhibit dalam Dewan yang mulia ini kelmarin oleh kedua-dua Timbalan Speaker, jikalau apa yang ada dalam video lucah itu mengenai D.P. Vijandran, bagaimanakah apa yang ada dalam video itu yang tidak nampak hendak ditengok oleh sesiapa, melainkan saya, bagaimana kandungan video itu boleh dimasukkan dalam Penyata Rasmi Parlimen? Saya mahu dapat tahu, Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baiklah. Tetapi jikalau sekiranya kita membaca Peraturan Mesyuarat 20 (3) "Setelah risalat-risalat mesyuarat dibawa ke dalam mesyuarat . . . .", "risalat-risalat" itu jikalau kita melihat dalam bahasa Inggeris ialah "all papers", kertas-kertas, bukannya lain-lain barang seperti video dan sebagainya. Jadi, pada fikiran saya perkara point of order itu tak patut dibawa pada masa sekarang ini, dan lagi berkenaan dengan video itu adalah dalam perhatian saya dan saya akan memberi satu ruling berkenaan dengannya dalam sedikit hari lagi.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, adakah Tuan Speaker dan Timbalan-timbalannya menonton apa yang ada dalam pita video itu?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Adakah cadangan untuk berbuat demikian?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sama ada bercadang atau tidak . . . .

Tuan R. Karpal Singh: Oleh kerana, Tuan Speaker, jikalau tidak mengetahui isi kandungannya tidaklah bermakna; ini tidak terjadi di mana-mana Parlimen di dalam dunia ini. Ini pertama kali, tidak ada precedent. Oleh itu, saya mahu dapat tahu bagaimana apa yang ada dalam video lucah itu boleh dimasukkan dalam Penyata Rasmi.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman (Kota Setar): *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Setar hendak apa?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Penjelasan dari Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu daripada Tuan Yang di-Pertua, yang manakah yang salah, yang membawa kaset video itukah atau pelakon di dalam kaset itu? Sebab kalau mengikut undang-undang, yang bawa itu lebih bersalah. Kalau kita hendak tangkap orang yang berlakon dalam kaset "blue" ini, kalau di pasar barangkali terlalu banyak pelakon-pelakon untuk kita mengambil tindakan. Jadi, saya rasa apa yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Jelutong itu iaitu kaset, selepas itu hendak menggalakkan kita pula tengok 'blue film'. Saya tidak mahu lihat, kalau dia minta saya lihat, dia kena beri kepada saya sebuah televisyen, sebuah set video player dan sekali dengan kaset itulah, kalau dia hendak suruh saya lihat. Saya sendiri pun tak biasa lihat. Kalau dia bawa video untuk diberikan kepada Tuan Yang di-Pertua, hendak proof kepada kita, kononnya ada gambar si anu dan si anu. Saya pun boleh bawa kaset, bawa beri kepada Tuan Yang di-Pertua, sebab kaset itu bukan hendak ditunjuk kepada ramai. Saya boleh bawa esok, menunjukkan kepada Yang Berhormat mengatakan bahawa kaset ini telah diberi oleh salah seorang untuk menunjukkan kepada Dewan bahawa kaset ini adalah skandal Yang Berhormat dari Jelutong. Saya pun boleh bawa. Sekian, terima kasih.

Tuan R. Karpal Singh: Kalau berani bawa besok satu pita video. Saya cabar bawa satu pita video besok. Saya sudah membawa satu di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong, jangan, jangan.

Tuan. R. Karpal Singh: Dia cabar saya, bukan saya cabar dia.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan, jangan cabar-mencabar Yang Berhormat.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduklah. Sila duduk, kedua-dua Yang Berhormat sila duduk.

Tuan R. Karpal Singh: *(Menyampuk)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong, saya telah bercakap tadi . . . .

Tuan R. Karpal Singh: *(Menyampuk)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong, sila duduk. Saya telahpun memberi keputusan tadi iaitu saya akan mengeluarkan satu ruling berkenaan dengan kaset itu dalam sedikit masa lagi. Biarlah pada masa sekarang ini kita masuk kepada perkara-perkara yang lain.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

TELAGA MINYAK DI PERAIRAN NEGERI PAHANG

1. Dato' Haji Mohamad bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) adakah Kerajaan telah menjumpai telaga minyak di perairan Negeri Pahang, kalau benar bilakah operasi pengeluaran hasil minyak tersebut akan dimulakan;

(b) berapa lamakah masa pengambilan hasil minyak tersebut boleh digunakan; dan

(c) kalau tidak didapati telaga minyak di perairan Negeri Pahang apakah Kerajaan telah berpuashati di atas kajian yang telah dibuat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Usaha mencarigali minyak di luar pantai Negeri Pahang ketika ini dijalankan di bawah Perjanjian Perkongsian Pengeluaran (PSC) bagi Blok PM 14 oleh sebuah konsortium yang terdiri daripada syarikat-syarikat Texaco Exploration Penyu, Clyde Expro, Santos Oil Exploration Malaysia dan PETRONAS Carigali. Setakat ini, sebanyak 4 buah telaga eksplorasi telah digerudi iaitu Cherating-1, Rumbia-1, Merchong-1 dan Rhu-1.Hanya di telaga Rhu-1 sahaja didapati minyak. Syarikat Texaco ketika ini sedang menjalankan usaha-usaha penilaian bagi menganggarkan jumlah sebenar simpanan minyak di telaga Rhu-1. Sekiranya jumlah simpanan didapati komersial, kerja-kerja untuk membangunkan lapangan tersebut akan bermula pada pertengahan dekad ini.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tempoh yang dibenarkan bagi kontraktor untuk mengeluarkan minyak di bawah Kontrak Perkongsian Pengeluaran (PSC) adalah selama 20 tahun (termasuk tempoh pembangunan lapangan).

(c) Memandangkan usaha-usaha mencarigali petroleum adalah berisiko tinggi, PETRONAS, melalui Kontrak Perkongsian Pengeluaran (PSC) yang ditandatangani dengan kontraktor-kontraktornya sentiasa mempastikan kajian yang menyeluruh dan profesional dibuat bagi setiap prospek di Blok-blok yang ditawarkan kepada kontraktor-kontraktor berkenaan. Sekiranya tamat sesuatu proses eksplorasi di dalam kawasan yang ditawarkan dan kontraktor menyerah balik (relinquish) kawasan berkenaan kepada Kerajaan, pada ketika itu Kerajaan akan menilai sama ada kawasan berkenaan patut dikontrakkan semula kepada kontraktor lain pula.

TAHUN MELAWAT ASEAN—KEJAYAAN MALAYSIA

2. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

(a) Setakat hari ini apakah kejayaan dan hasil yang diperolehi oleh negara kita berbanding dengan negara-negara ASEAN yang lain dalam program Tahun Melawat ASEAN; dan

(b) apakah langkah-langkah yang diatur oleh Kementerian bagi mempastikan supaya program Tahun Melawat Malaysia yang kedua nanti akan mendapat kejayaan yang lebih cemerlang dari Tahun Melawat Malaysia yang pertama.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Suliman): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Setakat ini imej Malaysia sebagai satu destinasi pelancongan yang menarik telah meningkat hasil daripada kempen bersepadu mengenai Program Tahun Melawat ASEAN yang bermula daripada penghujung tahun 1990. Dari segi bilangan ketibaan pelancong asing ke Semenanjung Malaysia sehingga bulan Mei 1992, jumlah pelancong adalah

sebanyak 2,103,360 berbanding dengan sebanyak 2,052,782 pada tahun 1991. Jumlah ini memperlihatkan peningkatan sebanyak 50,578 pelancong.

Mengikut angka-angka yang diperolehi dari Asean Tourism Information Centre (ATIC), kedatangan pelancong ke negara-negara ASEAN yang lain dari Januari hingga Mei 1992 adalah seperti berikut:

Negara	*Bil. Pelancong*
Singapura	2,399,832
Thailand	1,002,746
Indonesia	940,282
Filipina	248,000
Brunei Darussalam	(Tidak ada perangkaan yang diperolehi)

(b) Cadangan mengadakan Tahun Melawat Malaysia 1994 adalah sebahagian daripada strategi negara untuk mempercepatkan proses perkembangan sektor pelancongan. Program khas penggalakan pelancongan Tahun Melawat Malaysia 1994 akan menumpukan perhatian kepada usaha memperbaiki prestasi industri pelancongan ke arah meningkatkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang patut dilawati di antara negara-negara di rantau ini.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Yang pertama, apakah tindakan Kementerian untuk menyelaraskan penyediaan infrastruktur pelancong di seluruh negara supaya tidak ada sebuah negeri-negeri tertentu tertinggal di belakang dalam industri pelancong?

Yang kedua, baru-baru ini saya nampak dalam kaca televisyen menunjukkan perhotelan dan kemudahan yang diberi di negara Europe dan adakah tindakan yang sama untuk menunjukkan kemudahan perhotelan, kemudahan-kemudahan pelancong yang ada di negara ini ditunjukkan di Eropah dan negara-negara lain?

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang pertama, untuk makluman Dewan, memang kita telahpun sebenarnya menubuhkan sepertimana yang disebutkan di masa-masa yang lepas iaitu Jawatankuasa Induk Pelancongan yang mana keahliannya terdiri daripada ahli-ahli EXCO Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab mengenai industri pelancongan di negeri-negeri. Dan melalui Jawatankuasa inilah kita membincang serta mendapatkan maklumat-maklumat dan seterusnya mengambil langkah-langkah menyelaraskan dari segi infrastruktur dan juga produk-produk pelancongan sama ada yang dianjurkan oleh Kementerian begitu juga yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan-kerajaan Negeri.

Jadi sudah tentulah tidak timbul perkara seperti yang diragukan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Mengenai perkara yang kedua, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Dewan ini bahawa di dalam promosi penggalakan yang kita buat, bukan sahaja kita mempamerkan ataupun memberitahu mereka yang ingin datang ke negara kita mengenai kemudahan-kemudahan perhotelan, tempat tinggal dan sebagainya. Tetapi kita juga memaklumkan bahawa di negara kita kemudahan-kemudahan lain, infrastruktur produk-produk pelancongan ditawarkan dan strategi kita iaitu menyatakan bahawa negara kita adalah sebuah negara yang selamat, masyarakat kita yang bersopan santun juga adalah merupakan perkara yang penting. Kemudahan-kemudahan hotel sudah tentulah merupakan sebagai satu faktor

yang hendak menentukan juga, kalau tidak ada hotel sudah tentulah pelancong-pelancong tidak boleh dapat tinggal di sini.Jadi, itu adalah perkara yang memang kita laksanakan. Tetapi perkara-perkara lain juga adalah penting dari segi strategi untuk menarik pelancong-pelancong datang ke negara kita terutamanya apakah yang kita tawarkan kepada pelancong-pelancong.

Jadi, negara kita adalah merupakan seperti yang saya sebutkan tadi adalah satu negara yang mendapat perhatian daripada pelancong-pelancong luar negeri kerana kita menawarkan perkara-perkara pada negara-negara lain tidak terdapat seperti kesopanan, kebersihan dan keselamatan negara. Ini adalah faktor yang penting dalam industri pelancongan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini seorang juruperunding pelancongan dari luar negeri telah membuat satu komen di dalam New Straits Times mengatakan bahawa Malaysia tidak mempunyai identiti pelancongannya tersendiri. Dan justeru itu dia tidak dapat menarik pelancong-pelancong dari negara-negara yang mempunyai purchasing power yang tinggi seperti negara EC, Amerika Utara dan lain-lain negara lagi. Apakah komen ini tepat dan kalau ianya tepat apakah langkah-langkah Kementerian untuk mengadakan ataupun mengwujudkan apa yang dipanggil identiti pelancongan sendiri yang unik kepada negara Malaysia?

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat. Sebenarnya komen ini kalau kita lihat dari segi keadaan sebenarnya adalah tidak tepat. Dari segi perancangan kita sendiri pun kita tidak akan menuju seperti mana arah yang dinyatakan oleh pihak yang memberi komen itu. Kerana mengikut kajian yang dibuat oleh pihak Kementerian, kita mempunyai satu unit yang membuat kajian, bahawa kedatangan pelancong-pelancong ke negara kita ini yang berulang kali atau repeat tourist terdapat lebih daripada 80% daripada kedatangan pelancong keseluruhan. Ini membuktikan bahawa bukan satu tahun tetapi setiap tahun.

Ini membuktikan kepada kita bahawa pelancong-pelancong bukan melihat identiti. Umpamanya kalau kita katakan kita tidak ada Great Wall of China, kita tidak ada Menara Pisa, kita tidak ada Taj Mahal dan sebagainya, tetapi yang kita wujudkan iaitu satu identiti dari dalaman yang boleh memberi ataupun menjamin kepada pelancong-pelancong bahawa mereka datang ke sini akan mendapat kepuasan-kepuasan tersebut. Umpamanya kita menjamin bahawa negara kita adalah selamat. Pelancong-pelancong tidak takut hendak pergi walaupun ke dalam kawasan pedalaman, tepi pantai seorang diri dan sebagainya—tidak jadi masalah. Kemudian kita menawarkan produk pelancongan yang berdasarkan kepada alam semula jadi dan kita menawarkan kebudayaan kita yang bersopan-santun, ramah-tamah. Kita tidak mengambil sikap yang kasar kepada pelancong-pelancong. Ini adalah satu imej baru yang kita sedang tuju dan kita hendak wujudkan supaya imej ini menjadi sebagai satu daya tarikan dalaman kepada pelancong-pelancong itu. Kalau kita hendak pergi tengok Taj Mahal, sekali kita pergi tengok selepas itu kita tidak mahu pergi lagi. Begitu juga kalau kita pernah tengok the Great Wall of China, sekali kita pergi kita tidak pergi lagi. Tetapi benda-benda ini yang dari dalaman, keselamatan, kesopanan, budaya kita yang unik inilah yang akan kita wujudkan supaya pelancong-pelancong itu akan datang berulang kali dan ini telahpun menunjukkan bukti-bukti kepada kita daripada research yang kita buat bahawa lebih daripada 80% pelancong-pelancong yang berulang kali datang ke negara kita.

PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA MEMBURUKKAN NAMA MALAYSIA

3. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah tindakan-tindakan Kerajaan terhadap Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) apabila ada bukti jelas MTUC terbabit dalam usaha menyingkirkan Malaysia daripada menganggotai Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) khasnya dalam persidangan ILO baru-baru ini.

27.7.92

63. Tuan Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

(a) apakah Kerajaan berpuashati dengan peranan dan tanggung-jawab yang dimainkan oleh pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja, terutamanya pemimpin Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC);

(b) apakah Kerajaan berhasrat untuk mengambil tindakan terhadap pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja yang sering memburuk-kan imej Negara di luar negara; dan

(c) apakah Kerajaan berhasrat untuk menggubal peraturan agar pemimpin-pemimpin politik tidak dibenarkan memimpin Kesatuan Sekerja, demi untuk memperjelaskan lagi tanggung-jawab yang hakiki.

4.8.92

38. Tuan Mohamad bin Sabu minta Menteri Sumber Manusia menyatakan adakah benar beliau mempunyai bukti untuk menuduh Presiden MTUC telah membuat fitnah memburuk-burukkan Malaysia dalam sidang ILO di Geneva yang lalu. Jika benar, sila buktikan fitnah itu. Dapatkah Yang Berhormat Menteri nyatakan mengapakah pemimpin MTUC itu membuat fitnah tersebut. Setakat manakah imej negara terjejas bercadang untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap beliau. Jika tiada, mengapa dan jika ada, bila.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani pada 27.7.92 dan soalan Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri pada 4.8.92 mengenai perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia memang sedar bahawa ada sebilangan pemimpin-pemimpin Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) yang memburuk-burukkan nama baik negara ini di mata dunia dengan membuat aduan yang tidak tepat terhadap dasar-dasar Kerajaan mengenai perkara-perkara perburuhan kepada organisasi-organisasi kesatuan sekerja luar seperti International Metal Workers Federation (IMF), dengan izin, dan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

Kerajaan sentiasa mengawasi situasi ini dan mengkaji kesan-kesan buruk terhadap negara akibat dari tindak-tanduk mereka itu. Tindakan yang sewajarnya akan diambil apabila perlu bersesuaian dengan kesan-kesan buruk yang berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini, adalah jelas bahawa pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja yang terlibat mempunyai hasrat liar untuk mencapai objektif mereka iaitu untuk menyingkirkan Malaysia dari menganggotai Persatuan Buruh Antarabangsa (ILO) dengan tidak mengambil kira kepentingan negara. Mereka itu tidak wajar memegang jawatan sebagai pemimpin-pemimpin

Kesatuan Sekerja. Akibat dari tindak-tanduk yang tidak bertanggungjawab mereka untuk menjejaskan imej negara di mata dunia, Kementerian Sumber Manusia terpaksa kena mengambil beberapa langkah untuk memperbetulkan maklumat-maklumat palsu tentang perkara-perkara perburuhan iaitu dengan mengeluarkan kenyataan-kenyataan akhbar dan membidas kenyataan-kenyataan yang palsu badan-badan antarabangsa berkenaan dari masa ke semasa supaya gambaran sebenar di negara ini dapat difahami oleh semua pihak di dalam dan di luar negeri. Di samping itu, semasa menghadiri Persidangan ILO pada 3hb hingga 23hb Jun tahun ini, Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia dan rombongannya telah menemui beberapa wakil di persidangan tersebut untuk menerangkan polisi perburuhan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan terus memerhati dan mengawasi tindak tanduk pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja kita yang bertindak secara sulit atau terbuka untuk kepentingan peribadi bukan untuk kepentingan kaum pekerja.

Kerajaan yakin bahawa rakyat kita terutamanya golongan pekerja sudah sedar terhadap putar-belit dan tindakan-tindakan yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja ini yang menjejaskan imej dan ekonomi negara serta kepentingan masyarakat pekerja sendiri. Oleh itu, ingin ditegaskan di sini bahawa golongan pekerja sendiri harus lebih berjaga-jaga akan tingkahlaku dan daya muslihat pemimpin-pemimpin mereka.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kerajaan telah mengatakan bahawa pemimpin MTUC tidak melanggar apa-apa undang-undang yang ada di negara ini apabila mereka membawa isu buruh, lebih khusus isu berhubung dengan Pendaftaran Kesatuan Sekerja Kebangsaan bagi pekerja-pekerja elektronik di ILO. Sekarang saya ingin tahu mengapakah MTUC dianggap sebagai satu kesalahan besar membawa isu penubuhan Kesatuan Kebangsaan Elektronik di ILO.Saya juga ingin tahu mengapakah apa yang dikritik oleh pihak MTUC di ILO terhadap dasar dan tindak-laku Kerajaan berhubung dengan dasar buruh di negara ini dianggap sebagai musuh negara dan cuba hendak menjejaskan ekonomi negara ini? Adakah segala yang dikatakan, iaitu mengkritik Kerajaan itu semuanya dianggap sebagai musuh negara dan mereka yang sabotaj? Saya ingin minta penjelasan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah itu.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Bayan Baru itu ialah seorang bekas union member dan sekarang menjadi adviser. Memang beliau boleh memberi advice kepada union-union supaya jangan kita burukkan nama negara kita. Kalau kita ada masalah di dalam negara, kita selesaikan dalam negara, bukan luar. *(Tepuk)*

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, pada saya begitu serius kerana membabitkan soal martabat dan kedudukan negara kita. Saya ingin mengetahui apakah pihak Kementerian Sumber Manusia bercadang, pertama untuk mengemukakan satu pindaan undang-undang bagi menentukan supaya pemimpin-pemimpin parti politik tidak diizinkan memegang jawatan dalam pertubuhan Kesatuan-kesatuan Sekerja bagi membolehkan mereka tidak ada conflict of interest supaya diperjelaskan fungsi dan peranan mereka sebagai pemimpin Kesatuan Sekerja atau pemimpin politik yang mencari kesempatan.

Kedua, adakah Kerajaan bercadang untuk meminda undang-undang dan menetapkan syarat supaya pemimpin-

pemimpin Kesatuan Sekerja tidak boleh menerima bayaran elaun lebih daripada $500 sebulan? Seperti mana sekarang ini mereka menerima ribuan ringgit, hampir $10,000 daripada hasil titik peluh kaum pekerja dan mereka menggunakan wang tersebut untuk melancong keluar negeri untuk memburukkan negara. Kita hendak tengok mereka sanggup atau tidak memegang jawatan dengan gaji $500. Di sini baru kita tahu sama ada mereka ini jujur ataupun tidak.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, menjawab Yang Berhormat dari Pasir Mas, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Manusia sedang mengkaji implikasi di mana ahli-ahli politik yang juga memimpin Kesatuan Sekerja. Jikalau sistem yang diamalkan sekarang tidak bersesuaian, Kementerian Sumber Manusia tidak akan teragak-agak untuk mencadangkan pindaan ke atas Akta Kesatuan Sekerja.

SISTEM MAKLUMAT RANCANGAN TERNAKAN

4. Tuan Haji Nik Abdullah bin Nik Arshad minta Menteri Pertanian menyatakan:

(a) sebab-sebab wang pungutan dari penjualan binatang ternakan seperti lembu, kerbau dan kambing kepada penternak oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan bagi tempoh 1987 hingga 1989 tidak dikembalikan Kumpulan Wang Pembangunan seperti yang diisytiharkan oleh Akta berkenaan sebaliknya dimasukkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan.

(b) apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi melengkap dan mengemaskinikan sistem maklumat rancangan-rancangan ternakan sejak ditubuhkan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan, dan bilakah maklumat sebenar dan jumlah wang pungutan sebenar dapat diketahui; dan

(c) mengapa pendapatan berjumlah $585,000 yang dipungut dalam tempoh 1987 hingga 1989 oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Selangor dijadikan hasil negeri itu. Dan apakah ada cadangan wang itu akan dituntut, dan jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Hanya ada satu atau dua kes hasil dari penjualan ternakan berkenaan telah dikreditkan ke dalam Akaun Hasil yang disatukan. Tindakan sudah diambil untuk menentukan perkara ini diperbetulkan.

(b) Langkah-langkah telah dan sedang diperkenalkan untuk menentukan segala ternakan yang dibeli dari peruntukan Persekutuan direkod sedemikian di peringkat pelaksanaan di negeri dan daerah.

(c) Hasil berkenaan telah dipungut oleh kakitangan Jabatan Perkhidmmatan Haiwan Negeri Selangor dan juga telah tersilap dikreditkan sebagai Hasil Negeri. Jumlah ini sekarang sedang dituntut daripada Kerajaan Negeri Selangor untuk dikembalikan kepada Hasil Persekutuan.

DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL—MATLAMAT

5. Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) sama ada Dasar Pembangunan Negara (DPN) yang menggantikan Dasar Ekonomi Baru (DEB) masih lagi menjalankan

dasar serampang dua mata DEB ataupun menumpukan kepada matlamat pertumbuhan ekonomi semata-mata;

(b) sama ada dalam perlaksanaan DPN konsep dan matlamat penyusunan semula masyarakat seperti di bawah DEB masih lagi penting dan dilaksanakan dan apakah kemajuan semenjak setahun DPN dilaksanakan khususnya di dalam bidang ekuiti dan tenaga manusia; dan

(c) sama ada Kerajaan akan terus melaksanakan peranan pengagihan ekonomi walaupun sektor swasta menjadi pendorong ekonomi negara.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Dasar Pembangunan Nasional (DPN) yang menggantikan Dasar Ekonomi Baru adalah merupakan satu dasar yang lebih luas tetap memaktubkan serampang dua mata DEB untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat. Di bawah DPN, pencapaian kedua-dua matlamat ini sedang diperkukuhkan ke arah pembangunan seimbang serta pengwujudan masyarakat yang lebih bersatu dan adil. Selaras dengan hasrat ini DPN digubal berasaskan prinsip pertumbuhan dengan pengagihan saksama, dengan izin, growth with equity, bukannya pertumbuhan semata-mata. Oleh itu, soal DPN hanya menumpukan kepada pertumbuhan ekonomi tidak timbul.

(b) Seperti dinyatakan dalam *(a)*, konsep dan matlamat penyusunan semula masyarakat tetap penting di bawah DPN. Bagaimanapun, pendekatan ke arah pencapaiannya telah diubahsuai dan diperkukuhkan kerana di bawah DPN perkara-perkara utama yang ditekankan ialah soal kualiti, pengurusan, penyertaan aktif serta kemampuan mengekalkan kekayaan yang sedia ada dan bukan lagi pencapaian kuantitatif semata-mata. Setakat ini data-data mengenai prestasi matlamat penyusunan semula masyarakat masih lagi sedang dikumpulkan dan dianalisa oleh agensi-agensi berkenaan. Kerajaan yakin pencapaian matlamat dalam penyusunan semula masyarakat di masa-masa depan akan menjadi lebih berdaya tahan jika perhatian lebih serius diberikan kepada aspek-aspek sikap, nilai dan kepakaran di kalangan masyarakat bumiputra.

(c) Kerajaan akan terus memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi, walaupun sektor swasta dikenalpasti sebagai menjadi pendorong utama. Ini jelas terbukti dari polisi-polisi dan program-program yang terkandung dalam RRJP2, Rancangan Malaysia Keenam dan juga corak Belanjawan Tahunan Kerajaan. Adalah menjadi harapan kita supaya kedua-dua sektor awam dan swasta akan sentiasa bertindak secara saling melengkapi dalam memenuhi tanggung-jawab membangunkan negara sama ada dari segi ekonomi atau sosial.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam kita menghasilkan Dasar Pembangunan Negara yang selaras dengan Dasar Ekonomi Baru selama ini adalah dikatakan iaitu masyarakat

bumiputra sama ada dalam bidang profesional ataupun dalam bidang ekonomi adalah dipandangkan sebagai kurang berpengalaman dan kurang kepakaran. Soalan saya, bagaimanakah tindakan-tindakan dan adakah penerimaan dan pemberian telah diberi oleh bumiputra yang berpengaruh, yang berkuasa dan yang kaya memberi peluang yang sama kepada pihak bumiputra supaya menceburkan diri di dalam bidang-bidang perdagangan dan perindustrian.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita menggalakkan bumiputera-bumiputera yang telahpun berjaya memberi bimbingan kepada rakan-rakan mereka yang sedang bergiat di dalam bidang perniagaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan mengambil tindakan dalam usaha untuk membentuk suatu masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera (MPPB) yang mana ia akan dikendalikan oleh pihak PNB, MARA, PKEN dan beberapa agensi Kerajaan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Dalam usaha Kerajaan untuk menimbulkan dan membangkitkan satu masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera di samping kita merayu memohon kepada peniaga-peniaga Melayu bumiputera yang telahpun berjaya untuk memberi dorongan. Ini satu usaha yang saya rasa amat baik jika sekiranya dapat dilaksanakan.

Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri tentang ekuiti. Dalam DEB diadakan syarat agar penyertaan bumiputera mesti sekurang-kurangnya 30% dan penyertaan tenaga manusia mestilah pada jumlah yang tinggi. Adakah Kerajaan masih mengenakan syarat-syarat ini kepada syarikat-syarikat yang memohon lesen pengilangan dan juga syarikat-syarikat yang hendak disenaraikan di dalam BSKL. Itu soalan saya yang pertama.

Soalan yang kedua. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, sektor swasta akan menjadi pendorong kepada ekonomi negara dalam dekad-dekad yang akan datang. Oleh kerana itu, bila Kerajaan kurang mengambil kesempatan atau withdraw daripada ekonomi, sektor swasta akan memainkan peranan yang penting. Ini bermakna banyak pembangunan MPPB sudah semestinya perlu dipikul oleh sektor swasta. Oleh kerana itu, adakah Kerajaan bercadang untuk mengenakan satu syarat dan peraturan ataupun sasaran (target) tentang matlamat yang perlu dibangunkan ataupun disasarkan oleh sektor swasta ini?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, tentang dasar yang pertama iaitu penyertaan ataupun ekuiti dalam syarikat-syarikat, ini tidak berubah. Ianya masih lagi berterusan seperti biasa. Bagi jawapan yang kedua tentang pembentukan MPPB, saya sebutkan tadi bahawa sektor swasta telah dikenali sebagai agensi ataupun agen yang memang memainkan peranan dalam pembangunan ekonomi negara kita. Jadi seperti saya sebutkan tadi bahawa dalam usaha bagi membentuk MPPB, Kerajaan akan berusaha untuk melatih masyarakat bumiputera melalui agensi-agensi Kerajaan yang telah saya sebutkan tadi supaya mereka dapat sama-sama bersaing di dalam masyarakat. Itu tujuannya. Apabila swasta memainkan peranan dan bumiputera dilatih dengan begitu baik dari segi keupayaan mengendalikan syarikat,kekuatan mereka bersaing dalam masyarakat ekonomi, maka dengan itu Kerajaan bercadang untuk melepaskan mereka untuk sama-sama bertanding dalam masyarakat bebas ekonomi di negara kita.

SUKAN MERDEKA 1992— PERBELANJAAN

6. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

(a) jumlah perbelanjaan bagi mengendalikan Sukan Merdeka di peringkat Daerah dan Negeri pada tahun 1992;

(b) bilangan penyertaan rakyat di seluruh negara; dan

(c) mengapakah Pesta Sukan Merdeka 1992 di Peringkat Kebangsaan tidak diadakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Dato' Ismail bin Said): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Jumlah perbelanjaan bagi mengendalikan Sukan Merdeka 1992 di peringkat Daerah adalah sebanyak $922,960.00 dan di peringkat Negeri adalah sebanyak $621,280.00.

(b) Bilangan penyertaan rakyat di seluruh negara dari peringkat Mukim hingga peringkat Negeri adalah dianggarkan lebih dari 100,000 orang.

(c) Pesta Sukan Merdeka 1992 di peringkat Kebangsaan tidak diadakan disebabkan oleh beberapa perkara:

(i) supaya tumpuan sepenuhnya dapat diberikan kepada peringkat bawahan di samping dapat mencungkil ahli-ahli sukan berbakat;

(ii) supaya semua persatuan belia dan sukan dapat mengembeling tenaga dan mengambil bahagian dalam pengurusan sukan tersebut;

(iii) agar segala kemudahan-kemudahan sukan yang ada di peringkat Negeri dan Daerah dapat digunakan sepenuhnnya.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebentar tadi jelas menunjukkan bahawa matlamat asal Sukan Merdeka di peringkat Daerah dan Negeri bagi melibatkan penyertaan massa yang lebih luas telah tercapai. Dan sepatutnya kemuncak kepada pesta sukan ini ialah bagi mengadakan Pesta Sukan di peringkat Kebangsaan. Oleh kerana ianya ditiadakan pada tahun ini ramai yang sepatutnya mewakili negeri telah kecewa. Apakah Pesta Sukan ini akan terus diadakan di peringkat Kebangsaan pada tahun hadapan dan tahun-tahun yang seterusnya?

Soalan kedua, apakah benar peruntukan yang disediakan bagi mengadakan Pesta Sukan di peringkat Kebangsaan ini telah digunakan untuk melobby supaya Malaysia menjadi tuan rumah kepada Sukan Komanwel, 1998? Apakah benar bahawa beberapa pengarah Jabatan Belia dan Sukan negeri dan pegawai-pegawai yang tidak bersetuju dengan pendapat ataupun keputusan pentadbiran Kementerian telah ditukarkan ke jabatan-jabatan tertentu kerana tidak bersetuju dengan pendapat Kementerian?

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan yang pertama, bagi tahun-tahun yang akan datang, Kementerian Belia dan Sukan boleh menimbangkannya.

Bagi jawapan kepada soalan tambahan yang kedua, saya tidak sedar dan perkara yang disebutkan tadi memang tidak benar berlaku.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang kita sedar, sukan dan olahraga sekarang bukan lagi suatu pastime tetapi tidak ubah sebagai satu industri. Jadi, dengan adanya keadaan

yang demikian, apakah tindakan Kementerian untuk menggalakkan sukan bukan sahaja di golongan masyarakat yang di bandar yang mana kemudahan-kemudahan sukannya baik dan teratur, mengaturkan kemudahan-kemudahan ini bukan sahaja di peringkat bahagian umpamanya di Sarawak, tetapi juga di peringkat daerah, kerana masyarakat di luar bandar ada kemungkinan berpotensi baik daripada segi sukan dan olahraga yang tidak mendapat peluang untuk mempamerkan kebolehan mereka.

Dan adakah Kerajaan membuat satu penyelidikan untuk mengadakan ataupun to identify, dengan izin, satu-satu tempat untuk dijadikan satu pusat kemudahan sukan di peringkat daerah?

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan telahpun mengkategorikan sukan di negara kita kepada dua, iaitu satu, sukan berpotensi tinggi (high performance sports). Yang keduanya, sukan untuk semua (mass sports).

Jadi, mengenai penglibatan rakyat keseluruhannya dalam sukan ini, pihak Kementerian Belia dan Sukan memberi perhatian kepada "sukan untuk semua" dan program ini akan kita laksanakan pada tahun hadapan.

Berkait dengan kemudahan-kemudahan tempat bersukan ataupun infrastruktur sukan, yang sebenarnya bukanlah menjadi tugas Kementerian Belia dan Sukan semata-mata, ianya juga menjadi tugas pihak-pihak lain seperti Kerajaan Negeri dan juga Penguasa-penguasa Tempatan. Namunpun demikian, pihak Kementerian Belia dan Sukan sentiasa berusaha untuk mengenalpasti mana-mana tempat ataupun daerah yang didapati sesuai untuk dijadikan pusat untuk bersukan bagi rakyat di negara kita ini.

SRJK(T)—PENGAMBILAN GURU PELATIH

7. Dr. T.Marimuthu minta Menteri Pendidikan menyatakan bahawa memandangkan, kira-kira 30 peratus daripada guru yang mengajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) di seluruh negara masih merupakan guru-guru sandaran yang belum menerima latihan perguruan asas, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah Tamil ini.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sentiasa peka kepada keperluan guru-guru di semua jenis sekolah di negara ini, termasuk juga di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil). Sehubungan dengan itu, pengambilan guru-guru pelatih untuk sekolah-sekolah tersebut telah meningkat kepada 25% bagi tahun 1992 berbanding dengan tahun 1990. Di samping itu juga, kemahiran guru-guru tersebut juga dipertingkatkan melalui beberapa program latihan perguruan.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah faedah-faedah yang dinikmati oleh guru-guru sandaran berbanding dengan guru-guru tetap?

Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang ada bezanya di antara guru-guru sandaran dan guru-guru yang terlatih dalam skim perkhidmatan.Guru sandaran merupakan tenaga sementara untuk sekolah-sekolah tersebut, mereka digunakan untuk mengisi kekosongan. Namun demikian, oleh kerana kita pentingkan kepada perkhidmatan mereka, guru-guru tersebut diberi latihan asas yang diperlukan supaya mereka bolehlah mengajar anak-anak kita dengan suatu tahap yang boleh dikatakan sebagai memuaskan.

Dan guru sandaran tersebut juga diberi keutamaan untuk memasuki Maktab Perguruan, umpamanya kita telah menaikkan had umur mereka dibandingkan dengan calon-calon terbuka supaya mereka boleh dimasukkan ke Maktab Perguruan.

Di Semenanjung Malaysia pada masa sekarang, untuk guru sandaran, had umurnya ialah 30 tahun dibandingkan dengan 27 tahun untuk calon-calon yang lain dan di Sabah dan Sarawak, had umur mereka dinaikkan ke 32 tahun.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak tanya Timbalan Menteri Pendidikan sama ada beliau mengaku bahawa beliau telah memberi jaminan di Dewan ini bahawa kekurangan guru khasnya di sekolah-sekolah rendah termasuk Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina atau Tamil akan dapat di atasi pada hujung tahun ini khasnya bagi negeri-negeri seperti negeri Perak. Tetapi nampaknya sekarang, guru-guru di sekolah-sekolah khasnya sekolah-sekolah rendah masih menghadapi kekurangan yang serius khasnya kepada Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil. Maka saya hendak tahu, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menunaikan perjanjian daripada beliau bahawa perjanjian itu akan dapat ditunaikan?

Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Ipoh, Kerajaan Barisan Nasional memang merupakan Kerajaan rakyat, jadi, kita selalu berusaha sedaya upaya supaya kita boleh mengatasi semua masalah kekosongan tenaga, ini termasuklah di semua sekolah-sekolah kita. Dan memang kita akan terus berusaha supaya kita boleh kurangkan masalah tersebut. Tidak boleh dinafikan bahawa atas kebolehan dan pembangunan ekonomi dengan satu carta yang cepat, pemuda-pemudi sekarang ada banyak peluang pekerjaan lain selain daripada bidang pendidikan.

Namun demikian, Kementerian Pendidikan akan terus melaksanakan beberapa langkah untuk mengatasi masalah kekurangan guru terlatih di sekolah-sekolah kita. Ini termasuk seperti yang saya katakan:

(i) Menaikkan had umur untuk guru sandaran supaya mereka boleh diberi keutamaan untuk memasuki Maktab Perguruan;

(ii) Memperluaskan bilangan calon-calon yang boleh memasuki Maktab Perguruan, memang ini terpulanglah kepada calon-calon yang telah ditawarkan supaya mereka boleh menerima tawaran untuk berkhidmat di sekolah-sekolah kita ini; dan

(iii) Langkah ini dilaksanakan pada tahun ini, kita sekarang mengizinkan guru-guru yang bersara supaya mereka terus boleh berkhidmat dibidang pendidikan dalam mata-pelajaran-matapelajaran tertentu, ini termasuk mata-pelajaran bahasa Inggeris, matapelajaran Agama, mata-pelajaran bahasa Cina, bahasa Tamil dan Vokasional.

Skim ini dilaksanakan mulai tahun ini sebagai satu langkah sementara untuk mengatasi masalah kekurangan guru. Dan di sini saya merayu kepada guru-guru yang telah bersara tetapi kurang daripada 58 tahun dan akan bersara supaya mereka timbang sekali lagi dan seterusnya berkhidmat dalam sistem pendidikan kita ini.

RUMAH KEBAJIKAN ANAK YATIM/RUMAH ORANG TUA—MENYATUKAN

8. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan kemajuan yang telah dicapai setakat ini untuk menyatukan

Rumah Kebajikan Anak Yatim dengan Rumah Orang Tua di bawah satu bumbung. Apakah maklumbalas yang diterima daripada Majlis Kebajikan Negara, Kelab Rotary, Kelab Lions dan organisasi-organisasi lain yang berkaitan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Tuan Yong Khoon Seng): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu majlis perbincangan telah diadakan dengan institusi-institusi Kerajaan dan Badan-badan Sukarela untuk membincangkan Konsep Menempatkan Kanak-kanak dan Orang Tua di Bawah Satu Bumbung.

Setelah memperbincangkan konsep tersebut secara mendalam, majlis perbincangan telah membuat keputusan bahawa konsep tersebut tidak dapat diamalkan kerana sebab-sebab berikut.

Yang pertama, perkembangan kanak-kanak dari segi fizikal, emosi dan mental sangat berbeza jika dibandingkan dengan orang tua. Kanak-kanak juga mempunyai kelakuan yang berbeza iaitu kenakalan yang mungkin menimbulkan kemarahan orang tua. Orang tua biasanya suka suasana yang sunyi.

Kedua, untuk makluman Yang Berhormat juga, majlis perbincangan telah memutuskan bahawa kedua-dua sasaran itu perlu ditempatkan di institusi kebajikan yang asing kerana mereka mempunyai masalah peribadi masing-masing.

Ketiga, masalah percantuman pernah dialami di institusi-institusi di bawah pentadbiran badan-badan sukarela. Majlis Perbincangan berpendapat bahawa kanak-kanak memerlukan suasana kekeluargaan supaya mereka dapat mencapai pertumbuhan dari aspek emosi, saikologi dan mental. Satu cara yang diamalkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat ialah dengan menempatkan kanak-kanak dengan keluarga angkat supaya mereka dapat menikmati suasana kekeluargaan. Sekian, terima kasih.

Puan Rakibah binti Haji Abdul Manap: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Buat masa ini saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, berapa rumah anak-anak yatim dan berapakah rumah orang-orang tua mengikut pecahan negeri-negeri dan berapa agaknya bilangan penghuni-penghuni di rumah-rumah anak yatim dan di rumah-rumah orang tua dan juga berapakah program projek pembangunan yang akan diadakan atau sebagai tambahan kepada projek rumah-rumah anak yatim ataupun orang tua ini? Sekian, terima kasih.

Tuan Yong Khoon Seng: Oleh kerana soalan ini adalah spesifik sedikit dan saya tidak ada angka-angka di tangan saya. Kita tahu bahawa institusi yang mengamalkan penjagaan kanak-kanak dan orang tua dari segi pihak Kerajaan memang kurang kalau di bandingkan dengan pihak swasta. Saya tahu ada 6 buah rumah anak-anak yatim dan 8 buah untuk orang tua sahaja.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak tahu mengapa selalunya berlaku bahawa bantuan seperti bantuan kewangan selalunya lambat sampai ke rumah-rumah orang tua sehingga mereka menghadapi banyak masalah dan rumah-rumah orang tua ini adalah di bawah jagaan Kerajaan dan mengapa perkara ini sentiasa berlaku?

Kedua, mengapa Kerajaan tidak boleh membina ataupun mewujud satu suasana yang lebih baik bagi rumah orang-orang tua berbanding dengan rumah orang tua swasta. Adakah Kerajaan tidak berdaya ataupun kurang daya untuk bersaing dengan rumah orang-orang tua swasta memandangkan Kerajaan adalah satu syarikat yang besar dan mempunyai kemampuan yang besar, mengapa pula perkara ini berlaku?

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada bantuan untuk orang tua ini lambat, silalah merujuk kepada Jabatan-jabatan tersebut. Saya tidak ada maklumat di sini. Bagi suasana untuk orang-orang tua, tadi saya sudah kata bahawa dari segi Kerajaan, kita ada 8 buah sahaja kalau dibandingkan dengan pihak swasta yang ada beratus dan untuk mewujudkan suatu masyarakat penyayang, kita perlukan semua penglibatan dari orang ramai.

SEKOLAH LATIHAN JURURAWAT DI SIBU

9. Tuan Wong Sing Nang minta Menteri Kesihatan menyatakan:

(a) sama ada Kementerian bercadang membina sekolah latihan jururawat dan pembantu hospital di Sibu memandangkan hospital Lau King Howe mengalami kekurangan tenaga ini dengan ketara;

(b) sama ada Kementerian akan menaikkan gaji kakitangan-kakitangan hospital khasnya doktor memandangkan perkhidmatan mereka sangat diperlukan dan sebagai cara untuk menarik lebih ramai lepasan sekolah menceburi bidang kesihatan; dan

(c) jumlah peruntukan oleh Kementerian yang disalurkan kepada Kementerian Kesihatan Sarawak pada tahun 1991 dan 1992.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' K. Kumaran): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kementerian Kesihatan Malaysia akan membuat Sekolah Latihan Jururawat di Hospital Lau King Howe, Sibu pada bulan September, 1992 dengan pengambilan seramai 30 orang Jururawat Pelatih. Walau bagaimanapun, memandangkan pada masa ini di Negeri Sarawak telah ada sebuah sekolah Latihan Pembantu Perubatan di Hospital Umum, Kuching yang boleh melatih seramai 40 orang pelatih setahun, maka pihak Kementerian pada masa kini tidak bercadang untuk membuka sebuah lagi sekolah Latihan berkenaan di Sibu.

(b) Dengan perlaksanaan Sistem Saraan Baru, pihak Kerajaan buat masa ini tidak bermaksud untuk membuat apa-apa cadangan menaikkan gaji kakitangan hospital khasnya para doktor memandangkan perlaksanaan SSB baru sahaja dilaksanakan dan munasabah.

(c) Peruntukan yang telah disediakan di bawah Kementerian Kesihatan untuk Jabatan Perkhidmatan dan Perubatan Negeri Sarawak bagi tahun-tahun 1991 dan 1992 adalah seperti berikut:

Tahun	*Belanja Mengurus*	*Belanja Pembangunan*
1991	$166,874,000	$72,005,000
1992	$167,225,000	$90,799,000

BAS MINI—MENARIK BALIK PEMBEKUAN LESEN

10. Tuan Foo Piew Kok minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada pihak Kementeriannya pernah mengeluarkan lesen bas mini itu sejak pembekuan pengeluaran lesen itu pada tahun 1983. Jika ada, berapakah bilangannya dan apakah alasan mengeluarkannya. Jika tidak, bilakah pembekuan tersebut akan ditarik balik.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, lesen bas mini dikeluarkan semula pada bulan September, 1991 dan jumlah lesen

yang diluluskan sehingga ke tarikh semasa ialah 289. Lesen bas mini tersebut ialah bagi memenuhi keperluan pengangkutan awam semasa seperti yang diperakukan dalam kajian keperluan bas mini yang telah dilaksanakan untuk juruperunding dalam tahun 1990.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain Kuala Lumpur Bandar, manakah lagi bas mini dibenarkan beroperasi dan apakah kriterianya yang dikenakan untuk kelulusan penggunaan lesen? Terima kasih.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Selain daripada Wilayah Persekutuan, satu lagi bandar yang diluluskan ialah di Kuala Trengganu dan kriterianya ialah berasaskan kepada kemampuan pengurusan dan keupayaan modal.

Dr. Tan Seng Giaw: Adakah benar bahawa Menteri telah mengatakan bahawa lesen-lesen yang dikeluarkan kepada syarikat pengangkutan awam, khususnya bas-bas mini dan teksi gagal memperbaiki kualiti perkhidmatannya. Kalau itu benar, bilakah dasar ini akan dikuatkuasakan?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Yang Berhormat sekali lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Pada dua bulan yang lepas, Menteri Perusahaan Awam telah menyatakan bahawa Kerajaan akan menamatkan secara berperingkat-peringkat lesen syarikat pengangkutan awam khususnya bas-bas mini dan teksi yang gagal memperbaiki kualiti perkhidmatan. Kerana kita sangat perlukan kualiti yang diperbaiki terutamanya daripada pengangkutan awam, teksi misalnya, kerana saya pernah naik teksi dengan kadar bayaran yang sengaja dinaikkan dan sebagainya.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Ia akan dilaksanakan selepas dibuat perakuan oleh pihak yang membuat penilaian.

SISA TOKSID DI PANTAI REMIS—PEMBUANGAN

11. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood minta Menteri Pertahanan menyatakan:

(a) adakah pembuangan sisa toksid yang dibuat di Pantai Remis menjejaskan keselamatan Pengkalan TLDM Lumut dan alam sekitarnya. Jika tidak, sila jelaskan;

(b) dengan Pantai Remis di pilih sebagai tempat membuat curi sisa toksid, adakah ia suatu percubaan untuk menganggu Pengkalan TLDM Lumut dan tidakkah ia suatu ujian untuk mengetahui rapi atau tidaknya kawalan kawasan itu; dan

(c) apakah langkah-langkah kawalan bagi mengelakkan Pengkalan itu terdedah kepada ujian musuh.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Pembuangan sisa toksid di Pantai Remis tidak menjejaskan keselamatan Pengkalan TLDM Lumut kerana lokasinya yang agak jauh. Jarak melalui susuran pantai, kedudukan Pengkalan TLDM ialah sejauh 18 batu daripada Pantai Remis. Sementara jaraknya mengikut garisan lurus ialah 12 batu yang mana di antara dua lokasi itu dihalangi oleh hutan belukar dan bukit bukau.

Yang kedua, pembuangan curi sisa toksik itu tidak dianggap sebagai cubaan untuk mengganggu Pengkalan TLDM

Lumut. Yang ketiga, langkah-langkah kawalan keselamatan memang sedia termaktub seperti dalam Perintah dan Plan Kontigensi Pertahanan Pengkalan sepertimana dikuatkuasakan di kem-kem tentera mengikut suasana semasa, aman atau darurat ataupun peperangan.

BEKALAN ELEKTRIK DAN AIR DI LUAR BANDAR

12. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

(a) peratusan bagi penduduk luar bandar yang mempunyai bekalan air paip dan elektrik bagi seluruh negeri di Malaysia;

(b) apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi mempercepatkan taraf pembaikan bagi bekalan air paip dan lektrik untuk penduduk luar bandar di negeri-negeri yang kurang membangun, seperti Sarawak yang mempunyai peratusan kawasan luar bandar yang besar; dan

(c) adakah benar bahawa paip air utama yang baru dibuat dari Bintangor ke Paradom telah rosak disebabkan oleh pembinaan jalan. Kalau ya, bilakah ianya akan dibaiki kerana penduduk daripada Teluk Selalo ke kawasan Tanjung Pan amat memerlukan bekalan air paip.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mohd. Yasin bin Kamari): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Peratusan penduduk-penduduk luar bandar yang mendapat bekalan elektrik dan air paip bagi semua negeri di Malaysia sehingga akhir 1991 adalah seperti berikut:

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjangkah butir-butir itu bagi semua negeri itu?

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari: Tidak panjang. Saya akan jawab dengan lajunya:

Negeri	*Bekalan Elektrik* %	*Bekalan Air* %
Perlis	99	82.0
Kedah	95	56.0
Pulau Pinang	99	87.5
Perak	93	78.5
Selangor	99	92.0
Negeri Sembilan	99	93.0
Melaka	99	95.6
Johor	95	91.0
Pahang	90	75.0
Terengganu	90	57.0
Kelantan	89	64.0
Sabah	54	54.4
Sarawak	56	51.0
PURATA	68%	75.2%

(b) Langkah-langkah yang diambil untuk mempercepatkan pembekalan elektrik ke kawasan pedalaman seperti di Sarawak adalah dengan membuat kajian-kajian untuk mengenalpasti kaedah-kaedah yang terbaik untuk memberi bekalan elektrik ke kawasan pedalaman. Kajian ini sedang dijalankan sekarang dan dijangka selesai pada akhir tahun ini juga. Dengan siapnya kajian ini adalah diharapkan Kerajaan akan dapat mengetahui kaedah yang paling ekonomik untuk mempercepatkan pelaksanaan bekalan elektrik ke kawasan pedalaman seperti di Sarawak. Bagi bekalan air di luar bandar pula, di antara langkah-langkah yang diambil untuk mempercepatkan pembekalan air ke kawasan pedalaman di Sarawak adalah dengan cara-cara seperti berikut:

(i) peruntukan bagi Program Bekalan Air Luar Bandar di bawah Rancangan Malaysia Keenam telahpun

dinaikkan kepada $70.3 juta daripada $14.04 juta di bawah Rancangan Malaysia Kelima;

(ii) di tempat-tempat yang terpencil serta jauh di pedalaman dilaksanakan projek-projek Bekalan Air Masyarakat seperti 'gravity feed';

(iii) pelaksanaan program yang akan dicadangkan di dalam kajian pelan induk yang sedang giat dibuat bagi Bekalan Air Luar Bandar di kawasan persisiran Sarawak;

(iv) pelaksanaan projek-projek penyambungan paip-paip air kepada masyarakat-masyarakat luar bandar dan ke kawasan-kawasan yang berpinggiran dengan skim-skim bekalan air yang sedia ada;

(v) pembesaran ke atas loji-loji pembersihan air dan kemudahan-kemudahan yang sedia ada; dan

(vi) pelaksanaan skim-skim bekalan air di pusat-pusat penduduk luar bandar yang tidak dibekalkan dengan air terutama sekali di kawasan-kawasan pedalaman Sarawak.

(c) Oleh kerana pembinaan jalan, maka beberapa bahagian di sepanjang paip-paip utama yang baru dari Bintangor ke Paradom perlu dijajarkan semula (re-alignment) dan paip berkenaan bukannya rosak. Penyambungan paip air di bahagian-bahagian berkenaan yang terlibat sedangpun dijalankan dan akan siap tidak lama lagi. Selepas siap, paip utama berkenaan perlu melalui proses-proses pengujian tekanan pancuran dan pembasmian kuman sebelum ia digunakan untuk membekalkan air kepada para pengguna.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu adakah Kerajaan sedar bahawa walaupun di Kedah 56% bekalan air telah diberikan tetapi ada di kawasan-kawasan luar bandar termasuk kawasan Jerai, paip-paip itu dipasang semasa zaman British dahulu. Jadi, paip tersumbat. Bila paip tersumbat, airnya tidak jalan kuat. Jadi, tekanan air kurang dan paip-paip itu perlu diganti dengan paip-paip yang baru.

Begitu juga dengan bekalan elektrik di luar bandar kadang-kadang terputus dalam seminggu 4 kali. Jadi, ini menyebabkan rasa tidak puas hati orang luar bandar. Adakah Kerajaan akan memberi peruntukan yang lebih banyak kepada pengguna-pengguna luar bandar terutama sekali bekalan air dan api supaya mereka ini akan dapat nikmat yang secukupnya sama seperti yang di bandar?

Masalah paip air itu, Tuan Yang di-Pertua, memang serius. Lubangnya kecil sudah lama air tembak perlahan. *(Ketawa)*

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari: Kerajaan sedar dan inilah kesan daripada pembangunan. Apabila pembangunan berjalan dengan pesat, maka keperluan-keperluan untuk kemudahan asas bagi seluruh penduduk termasuk di luar-luar bandar kian bertambah.

Paip-paip yang telah lama dipasang memang benar merupakan halangan-halangan kepada usaha untuk mengemaskinikan ataupun mengalirkan air dengan sempurna kerana paip-paip tersebut didapati ukurannya kecil, telahpun berkarat dan banyak pecah dan ini telahpun sentiasa berada dalam perhatian Kerajaan. Maka itu usaha untuk membaikpulih dengan mengganti-

kan paip-paip yang lama kepada yang baru sentiasa dijalankan secara terus-menerus.

Begitu juga dengan bekalan api ke seluruh luar bandar. Jadi, untuk bekalan air dan api akan sentiasa menjadi perhatian kepada Kerajaan bagi mempastikan luar bandar tidak akan ketinggalan dengan pembangunan jika dibandingkan dengan bandar.

Tuan Yang di-Pertua: Masa pertanyaan sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 69 adalah diberi di bawah ini)

KERETAPI TANAH MELAYU— KES KEGELINCIRAN

13. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

(a) jumlah bilangan kes kegelinciran keretapi dari awal tahun 1990 hingga Jun 1992; dan

(b) jumlah kemalangan jiwa dan juga taksiran kerugian dari kes-kes tersebut.

Apakah punca-punca utama yang menyebabkan kes-kes ini berlaku dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk mengurangkan dan mengelakkan perkara ini dari berulang.

23.7.92

50. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

(a) bilangan kes-kes Keretapi Tanah Melayu (KTM) yang terlibat dalam kemalangan atau kegelinciran;

(b) bilangan penumpang yang terkorban atau tercedera akibat kemalangan tersebut;

(c) setelah disiasat, adakah kes-kes kemalangan ini diakibatkan oleh perbuatan sabotaj, sengaja dilakukan oleh kanak-kanak nakal atau kecuaian kakitangan sendiri; dan

(d) apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menangani masalah ini agar KTM akan terus mendapat kepercayaan rakyat sebagai sistem pengangkutan paling murah, selamat serta selesa.

30.7.92

21. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

(a) berapakah jumlah bilangan kemalangan yang telah dialami oleh Keretapi Tanah Melayu sejak lima tahun yang lepas. Berapakah nilai kerugian; dan

(b) adakah benar bahawa kemalangan-kemalangan keretapi yang kerap berlaku baru-baru ini adalah disebabkan oleh tindakan sabotaj. Jika benar, apakah langkah-langkah Kementerian untuk mengatasinya.

4.8.92

35. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengenai kekerapan berlakunya kejadian nahas keretapi di negara kita sejak 3 tahun kebelakangan ini serta nyatakan:

(a) sebab-sebab kejadian boleh berlaku;

(b) jumlah kemalangan yang berlaku;

(c) jumlah kemalangan jiwa;

(d) jumlah kerugian yang ditanggung; dan

(e) adakah landasan Keretapi Tanah Melayu sudah tidak selamat digunakan lagi.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Saya meminta izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama soalan-soalan daripada:

(i) Y.B. Che Ibrahim bin Mustafa yang ditetapkan bagi 23.7.1991;

(ii) Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol yang ditetapkan bagi 30.7.1992; dan

(iii) Y.B. Tuan Ahmad bin Omar yang ditetapkan bagi 4.8.1992.

(a) Kes-kes kemalangan atau kegelinciran yang dialami oleh Keretapi Tanah Melayu (KTM) sejak lima tahun yang lepas adalah seperti berikut:

(i) Tahun 1987 sebanyak 53 kegelinciran

(ii) Tahun 1988 sebanyak 59 kegelinciran

(iii) Tahun 1989 sebanyak 41 kegelinciran

(iv) Tahun 1990 sebanyak 48 kegelinciran

(v) Tahun 1991 sebanyak 35 kegelinciran

(vi) Tahun 1992 (sehingga 30.6.92) sebanyak 16 kegelinciran.

(b) Bilangan penumpang yang terkorban atau tercedera akibat kemalangan/kegelinciran tersebut adalah seperti berikut:

Tahun	*Maut*	*Cedera*
1987	4	32
1988	—	1
1989	—	—
1990	—	—
1991	—	1
1992	1	17 (30.6.92)

Jumlah kerugian yang dialami akibat kejadian kegelinciran-kegelinciran tersebut adalah seperti berikut:

(i) Tahun 1987 jumlah kerugian sebanyak $5,884,177

(ii) Tahun 1988 jumlah kerugian sebanyak $1,197,663

(iii) Tahun 1989 jumlah kerugian sebanyak $538,087

(iv) Tahun 1990 jumlah kerugian sebanyak $5,427,908

(v) Tahun 1991 jumlah kerugian sebanyak $1,075,221

(vi) Tahun 1992 (sehingga 30.6.92) jumlah kerugian dianggarkan sebanyak $2,000,000.

Kegelinciran-kegelinciran keretapi berlaku kerana beberapa sebab utama iaitu:

(i) kerosakan pada rel atau keadaan kurang memuaskan bagi landasan;

(ii) stokereta iaitu gerabak dan koc atau peralatannya rosak; dan

(iii) kecuaian kakitangan dalam pengawasan operasi atau penyelenggaraan yang kurang memuaskan.

Kerja-kerja yang telah dan sedang diambil bagi mencegah kemalangan keretapi adalah seperti berikut:

(i) Kerja-kerja pembaikpulihan landasan sedang dan akan dilaksanakan dan ini akan mengukuhkan tapak landasan yang dikenalpastikan sebagai kurang memuaskan.

(ii) Gerabak dan koc yang telah lanjut usianya atau prestasi mekanismanya tidak memuaskan akan dihapuskan secara berperingkat.

Selain dari itu, pengawasan rapi terhadap penyelenggaraan yang lebih bersistematik dijalankan supaya kegelinciran gerabak dan koc dapat dikawal.

(iii) Bagi mengatasi kecuaian kakitangan, KTM sentiasa mengadakan latihan untuk meningkatkan kemahiran serta membentuk semangat bertanggungjawab di kalangan para pegawai dan kakitangan.

(iv) Membuat rondaan di kawasan-kawasan yang disyaki, khususnya di waktu malam sehingga pagi.

RTM TV4—TENDER TERBUKA

14. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Penerangan menyatakan:

(a) bilakah tender terbuka RTM TV4 akan diadakan;

(b) garis panduan untuk memilih penender-penender bagi mengurus kan RTM TV4;

(c) sebutkan dengan pecahan peratusan rangkaian program-program yang akan diadakan oleh RTM TV4 dalam masa depan mengikut bahasa—Malaysia, Cina, Tamil, Inggeris dan lain-lain; dan

(d) nyatakan perbelanjaan yang akan ditanggung oleh Kerajaan, jika ada.

22.7.92

49. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Penerangan menyatakan apakah syarat-syarat yang dikenakan terhadap syarikat swasta yang akan mengendalikan Rangkaian TV4 dan rangkaian-rangkaian seterusnya. Apakah garis panduan terhadap program-program yang akan disiarkan.

4.8.92

36. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Penerangan menyatakan:

(a) adakah benar bahawa Kerajaan berura-ura untuk menambahkan satu rangkaian TV Swasta lagi yang akan menumpukan pancarannya ke Lembah Kelang; dan

(b) adakah dengan penambahan rangkaian baru ini, tidak akan membebankan lagi masalah yang sedia ada, khususnya kemampuan untuk mengisi rancangan rancangan yang dapat memberi sumbangan ke arah pembentukan bangsa dan negara.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Marang pada 22.7.1992 dan Yang Berhormat dari Sungai Petani pada 4.8.1992, memandangkan soalan-soalan ini adalah berkaitan dengan perkara yang sama.

Kerajaan memang bercadang untuk mengadakan stesen tambahan yang dikenali sebagai TV4. Perjalanan stesen ini akan diswastakan dan tawaran akan dilakukan setelah Kementerian menyiapkan dokumen tendernya.

Program-program yang akan diisikan dalam TV4 akan diasaskan selaras dengan dasar Kementerian, iaitu memberi maklumat, pendidikan dan juga hiburan. Berkenaan dengan detail penuh program-program dan penjadualannya tidaklah dinyatakan sekarang oleh kerana ianya masih dalam peringkat perancangan.

LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SUBANG—KEBAKARAN DI TERMINAL SATU

15. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

(a) berapakah jumlah kerugian akibat kebakaran di Terminal Satu Lapangan Terbang Antarabangsa (LTAB) Subang;

(b) apakah sebab utama berlakunya kebakaran tersebut dan apakah

langkah keselamatan yang sedang dan akan diambil bagi mempastikan kejadian tersebut tidak akan berulang di masa-masa akan datang; dan

(c) berapakah jumlah peruntukan yang akan diperuntukkan bagi kerja-kerja membaikpulih dan bilakah LTAB ini dapat digunakan sepenuhnya.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:

(a) Setakat ini pemulihan semua kawasan tidak termasuk kawasan Kedai Bebas Cukai dianggarkan dalam lingkungan $4.76 juta. Taksiran untuk kedai bebas cukai belum dapat dibuat kerana ianya bergantung kepada laporan 'Structural Verification' yang sedang dikendalikan oleh JKR pada masa ini. Manakala kerugian oleh pihak pengusaha Kedai Bebas Cukai dianggarkan kira-kira $20 juta. Kerugian-kerugian lain belum dapat ditaksirkan lagi.

(b) Kebakaran tersebut disebabkan oleh "electrical circuit". Pihak berkuasa lapangan terbang telahpun mengambil langkah-langkah tertentu bagi mengelakkan kejadian seperti ini berlaku lagi.

Antara langkah-langkah yang diambil ialah:

- mempertingkatkan lagi sistem pencegah kebakaran di semua bangunan lapangan terbang;
- latihan-latihan kawad mengosongkan bangunan dan menambahkan lagi kekerapan melatih semua kakitangan DCA dan penghuni lapangan terbang cara-cara menggunakan alat-alat memadam kebakaran; dan
- membuat pemeriksaan yang kerap terhadap pemasangan tetap sistem mencegah kebakaran di setiap bangunan di lapangan terbang.

(c) Anggaran keperluan bagi membaikpulih bahagian bangunan yang terbakar belum dapat dipastikan sehingga 'Structural Verification' oleh JKR selesai. Lapangan Terbang Antarabangsa Subang—Kuala Lumpur telah dibuka untuk operasi semula secara berperingkat-peringkat mulai 6 April 1992.

SAHAM TELEKOM KEPADA MAIKA HOLDINGS BERHAD—SIASATAN BPR

16. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Perdana Menteri menyatakan perkembangan penyiasatan Badan Pencegah Rasuah terhadap skandal saham yang melibatkan MAIKA Holdings.

43. Tuan Chian Heng Kai minta Perdana Menteri menyatakan perkembangan terbaru dan hasilnya berkenaan dengan siasatan Badan Pencegah Rasuah terhadap:

(a) M.I.C. dan MAIKA Holdings tentang kes pengagihan saham Syarikat Telekom Malaysia; dan

(b) Kementerian Penerangan tentang kes yang disyaki terlibat rasuah.

22.7.92

37. Tuan Fong Kui Lun minta Perdana Menteri menyatakan apakah hasil siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) ke atas para pemimpin MIC, MAIKA Holdings, 3 syarikat (Advance Personal Computers Sdn. Bhd., SB Management Sdn. Bhd. dan Clearway Sdn. Bhd.) yang menerima saham Telekom bernilai $9 juta yang ditawarkan pada MAIKA

termasuk siasatan ke atas Ketua Pembangkang berhubung tindakan Y.B. Dato' S. Samy Vellu memasukkan saham $9 juta itu kepada 3 syarikat di atas.

23.7.92

44. Tuan Tan Kok Wai minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) dalam isu saham Telekom kepada MAIKA sudah dibuat dan berapa bilangan orang yang sudah disiasat dan siapakah mereka.

Tuan Othman bin Abdul: Saya memohon untuk menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Krai bersekali dengan soalan-soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat seperti berikut:

1. Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam pada hari ini iaitu 21.7.92;
2. Ahli Yang Berhormat dari Kelang pada 22.7.92; dan
3. Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi pada 23.7.92.

Ini adalah kerana soalan-soalan yang dikemukakan itu didapati sama.

Kes yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan masih lagi dalam siasatan Badan Pencegah Rasuah. Oleh yang demikian, ianya belum lagi dapat dimaklumkan di dalam Dewan ini.

SUKAN OLIMPIK DI BARCELONA—PERUNTUKAN KEPADA ROMBONGAN ATLIT NEGARA

17. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan untuk rombongan atlit negara ke Sukan Olimpik di Barcelona; berapakah jumlah ahli sukan negara yang menyertai rombongan dan dari punca manakah peruntukan itu didapati.

Dato' Ismail bin Said: Jumlah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan untuk rombongan atlit negara ke Sukan Olimpik di Barcelona ialah sebanyak $350,000. Peruntukan ini didapati dari pihak Perbendaharaan. Jumlah ahli sukan negara yang menyertai rombongan ke Sukan Olimpik ialah seramai 50 orang.

PENDATANG HARAM INDONESIA—PENDAFTARAN

18. Tuan Wee Choo Keong minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

(a) berapakah pendatang haram Indonesia telah didaftarkan dengan Jabatan Imigresen;

(b) berapakah pendatang haram Indonesia ini telah diberi Kad Pengenalan Biru dan Merah;

(c) kini, pendatang haram Indonesia telah didaftarkan dengan Jabatan Imigresen, apakah tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan. Sila berikan butir-butir tindakan-tindakan yang akan diambil atau telah diambil oleh Kerajaan; dan

(d) semenjak tahun 1985 sehingga bulan Julai 1992, berapakah pendatang haram Indonesia telah diusir dan siapa yang bertanggungjawab untuk menanggung perbelanjaan untuk melakukan pengusiran tersebut.

Tuan Ong Ka Ting:

(a) Jumlah Pekerja Asing Tanpa Izin (PATI) Indonesia yang telah didaftarkan dengan Jabatan Imigresen Malaysia adalah seramai 293,187.

(b) Tidak ada PATI yang dikeluarkan dengan Kad Pengenalan Biru atau Merah.

(c) Bagi PATI yang telah berdaftar dengan Jabatan Imigresen Malaysia, permohonan Pas Kerja mereka akan dipertimbangkan seandainya mereka mempunyai dokumen perjalanan dan dijamin oleh majikan.

(d) Jumlah Pendatang Tanpa Izin (PTI) Indonesia yang telah dihantar pulang sejak tahun 1985 hingga akhir tahun 1991 adalah seramai 175,601 orang dan kos pengusiran dibiayai oleh Kerajaan.

PERSATUAN PEKERJA ELEKTRONIK KEBANGSAAN— PENUBUHAN

19. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Sumber Manusia menyatakan mengapa Kerajaan tidak bersedia untuk membenarkan penubuhan Persatuan Pekerja Elektronik Kebangsaan.

Dato' M. Mahalingam: Kedudukan pekerja-pekerja kilang elektronik terhadap penubuhan kesatuan kebangsaan telah banyak dipersoalkan di Dewan yang mulia ini. Ada yang mengatakan bahawa Kerajaan menyekat kebebasan dan hak-hak pekerja. Di saat ini, saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan mengamalkan prinsip demokrasi dalam mentadbirkan negara. Oleh itu, mengikut prinsip demokrasi ini Kerajaan memberi kebebasan kepada pekerja-pekerja untuk menubuhkan kesatuan sekerja asalkan ia mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan kesatuan sekerja. Dalam kontek ini, pekerja-pekerja dalam industri elektronik adalah bebas untuk menubuhkan kesatuan dalam bagi menjaga kepentingan mereka. Pekerja-pekerja kilang elektronik ini telah diberi saluran yang efektif dalam sistem Kesatuan Sekerja Dalaman (In-House Union) untuk mengadu masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka dan menerima perhatian berat pihak majikan dan Kerajaan.

Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat faham bahawa industri elektronik adalah salah satu industri yang sangat sensitif dan mengalami persaingan hebat dalam pasaran antarabangsa. Oleh itu, Kerajaan mempunyai tanggungjawab yang berat untuk menjamin pekerjaan bagi 120,000 pekerja industri ini dan juga sangat mengambil berat untuk mewujudkan iklim yang baik bagi menarik pelaburan asing ke negara kita.

Maka, dengan mengambilkira kepentingan negara pada keseluruhannya, Kerajaan berpendapat masanya belum tiba untuk membenar menubuhkan kesatuan kebangsaan bagi sektor elektronik.

PELAJAR-PELAJAR INDIA DI SEKOLAH-SEKOLAH— PENEMPATAN KELAS

20. Tuan G. Palanivel minta Menteri Pendidikan menyatakan setakat manakah kenyataan akhbar oleh NUTP iaitu Kesatuan Kebangsaan Profesyen Pendidikan yang mengatakan bahawa di kebanyakan sekolah kebangsaan di kawasan bandar, dua kelas terakhir terdiri daripada majoriti pelajar-pelajar India. Jika benar, apakah langkah yang akan diambil untuk membaiki keadaan ini.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut amalan yang dijalankan di sekolah-sekolah, penempatan murid ke kelas-kelas tidaklah berdasarkan kepada mana-mana kaum.

STESEN KERETAPI—MENGGANTIKAN BANGUNAN LAMA

21. Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

(a) sama ada K.T.M. akan menggantikan bangunan-bangunan stesen keretapi yang lama di seluruh negara dengan kemudahan-kemudahan yang kemaskini dan canggih; dan

(b) bilakah bangunan stesen keretapi Kuala Kangsar akan dibina baru.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Beberapa bangunan stesen keretapi merupakan bangunan lama yang telah dikenalpasti untuk dikekalkan rekabentuknya kerana mempunyai nilai sejarah. Bagaimanapun, pengubahsuaian bangunan-bangunan tersebut yang tidak menjejaskan nilai sejarah ini akan dilakukan untuk melengkapnya dengan kemudahan-kemudahan pelanggan.

Dalam memberi perkhidmatan yang selesa kepada pengguna, yang penting adalah untuk mempastikan bahawa segala kemudahan untuk pelanggan disediakan dengan mencukupi di stesen-stesen, baik yang baru mahupun yang lama. Permodenan bangunan stesen lama yang lain hanya dapat dibuat secara berperingkat-peringkat.

Pada masa ini tidak ada rancangan untuk menggantikan stesen Kuala Kangsar yang sedia ada dengan yang baru.

PELABURAN TAIWAN DI MALAYSIA—KEMPEN GALAKAN

22. Tuan Wong Wing On minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada Kerajaan sedar hakikat pelabur-pelabur Taiwan tidak lagi memandang Malaysia sebagai tempat pelaburan yang baik dan mula memindah fokus pelaburan mereka ke Vietnam, Indonesia, Republik Rakyat China dan negara-negara Amerika Latin, jika ya, nyatakan sebab-sebab atau faktor-faktor yang mengakibatkan situasi ini serta langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

22.7.92

5. Puan Lim Lay Hoon minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada Kementeriannya sedar bahawa Kerajaan Negeri Taiwan tidak menggalakkan pelabur-pelabur dari negaranya melabur di Malaysia dan nyatakan tindakan yang diambil oleh Kementeriannya untuk mengatasi keadaan ini.

28.7.92

36. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa terdapat kempen di Taiwan untuk tidak menggalakkan usahawannya melabur di Malaysia. Jika sedar, apakah punca kempen tersebut dan apa pula tindakan balas Kementerian.

Tuan Chua Jui Meng: Saya ingin memohon izin untuk menjawab soalan ini bersama soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Padang Serai pada 22hb Julai 1992 dan Ahli Yang Berhormat dari kawasan Kuala Krai pada 28hb Julai 1992 kerana kesemua soalan-soalan ini adalah berkaitan perkara yang sama.

Kerajaan sedar bahawa ada usaha-usaha di Taiwan untuk mengalih perhatian pelabur-pelabur Taiwan melabur di negara-negara selain daripada Malaysia dengan alasan bahawa iklim pelaburan di Malaysia tidak lagi sesuai bagi mereka. Walau bagaimanapun, adalah tidak tepat dinyatakan yang Kerajaan Taiwan tidak lagi menggalakkan pelabur-pelabur dari

negaranya melabur di Malaysia. Laporan-laporan yang diterima setakat ini hanyalah mengenai kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh pihak-pihak individu dan tidak melambangkan pendirian Kerajaan Taiwan. Berkaitan dengan perkara ini, usaha-usaha sedang dan akan terus dilaksanakan bagi meningkatkan iklim pelaburan negara bagi pelabur-pelabur dari Taiwan.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan untuk melabur di mana-mana negara dibuat oleh pelabur swasta berdasarkan pertimbangan mereka ke atas faktor yang dapat memberi pulangan yang baik kepada pelaburan mereka. Dalam hal ini, Kerajaan akan terus mengadakan usaha-usaha untuk mempastikan yang iklim pelaburan di Malaysia akan tetap menarik, sesuai dengan teras pembangunan industri semasa dan sesuai dengan keperluan pelabur-pelabur asing.

Dengan teras pembangunan dan pendekatan pembangunan perindustrian yang sedia ada, Kerajaan yakin bahawa langkah-langkah yang dibuat untuk mengalihkan pelaburan dari mana-mana satu sumber ke negara-negara lain daripada Malaysia dapat disaingi dan dalam kes ini Kerajaan yakin bahawa pelabur-pelabur Taiwan akan terus menimbang dan membuat keputusan bagi melabur di Malaysia atas dorongan bahawa iklim pelaburan negara ini adalah baik dan kemudahan-kemudahan yang diberi dapat bertanding dan berdaya saing dengan mana-mana negara lain.

KLON DURIAN BERMUTU TINGGI—PASARAN

23. Puan Lim Lay Hoon minta Menteri Pertanian menyatakan bilakah klon durian yang bermutu tinggi, jenis MDUR 78 dan MDUR 79 akan terdapat dalam pasaran secara besar-besaran di Semenanjung Malaysia.

Dato' S. Subramaniam: Setakat ini MARDI telah membekalkan lebih 20,000 anak pokok benih MDUR 78 dan MDUR 79 kepada pekebun-pekebun dan pengusaha-pengusaha durian tempatan. Di samping itu, MARDI juga telah membekalkan 10,000 anak pokok benih MDUR 88 yang telah diisytiharkan baru-baru ini. Lebih banyak benih durian baru ini dan D24 akan dapat dibekalkan dalam tempoh 1-2 tahun lagi. Dengan andaian pokok-pokok ini ditanam dalam tahun 1991 dan 1992, klon-klon ini dijangka akan mengeluarkan hasil mulai tahun 1998 iaitu 6-7 tahun selepas ditanam.

UNIVERSITI/PUSAT PENGAJIAN TINGGI—JUMLAH TENAGA PROFESIONAL

24. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Pendidikan menyatakan:

(a) berapakah jumlah tenaga-tenaga profesional yang wujud di Malaysia sekarang ini. Sekiranya jumlah tersebut tidak mencukupi, apakah peranan yang dimainkan oleh pihak universiti-universiti dan pusat-pusat pengajian tinggi untuk memenuhi keperluan-keperluan tersebut;

(b) adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menambahkan jumlah pusat-pusat pengajian tersebut sekiranya didapati bahawa tenaga di bidang-bidang itu masih banyak diperlukan; dan

(c) apakah penekanan yang diberikan sewaktu di pusat pusat pengajian tersebut untuk memastikan bahawa tenaga-tenaga profesional yang dilahirkan itu tidak terlibat di dalam kes-kes penipuan, rasuah, penyalahgunaan kuasa dan seumpamanya.

Dr Fong Chan Onn:

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (1991-2000) pada tahun 1990 bagi kumpulan profesional dan teknikal terpilih (jurutera, pembantu jurutera, perubatan dan kesihatan, pembantu perubatan, pembantu kesihatan dan guru sekolah) terdapat lebih kurang 355,400 orang tenaga kerja sahaja. Jumlah ini memang belum mencukupi.

Tindakan bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga profesional dan teknikal sedang dan akan diambil oleh Kementerian Pendidikan dan institusi pengajian tinggi dengan meningkatkan bilangan pelajar dalam bidang-bidang yang diperlukan. Kementerian Pendidikan juga akan menambah bilangan institusi pengajian tinggi seperti Universiti Kelapan di Sarawak dan pembinaan 5 buah politeknik di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Program akademik di institusi pengajian tinggi sentiasa dikaji dan kursus-kursus baru diperkenalkan selaras dengan perkembangan sanis dan teknologi serta keperluan negara.

(b) Kerajaan sedia menimbang untuk menambahkan pusat-pusat pengajian tinggi sekiranya terdapat keperluan.

(c) Antara langkah yang dijalankan oleh institusi pengajian tinggi ialah dengan memasukkan input berkaitan dengan etika dalam kurikulum di universiti. Contohnya, Etika Pengurusan diajar kepada pelajar-pelajar di Fakulti Pengurusan dan Perniagaan. Di samping itu, pelajar-pelajar digalakkan mengambil kursus-kursus elektif sebagai usaha untuk menghasilkan pelajar-pelajar yang lebih bertanggungjawab. Di antara kursus-kursus elektif yang ditawarkan ialah: Kenegaraan, Tamadun Islam, Sejarah Islam, Ekonomi Islam, Sains Alam Sekitar dan sebagainya. Pelajar-pelajar juga digalakkan menganjurkan program-program bercorak keagamaan, sukan dan kebajikan dalam aktiviti persatuan dan aktiviti di asrama.

KEGELINCIRAN KERETAPI PENUMPANG DAN KEBAKARAN FERI "PULAU AMAN"

25. Tuan Lim Hock Seng minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengapa ada begitu banyak kemalangan dan masalah-masalah berlaku di bidang jagaan Kementerian Pengangkutan:

(a) adakah ini kerana kecuaian dan kelalaian Menteri berkenaan;

(b) dalam kes kegelinciran koc penumpang baru di Rawang pada 20.6.1992, berapa jumlah kerugian dan siapa kena tanggung kerugian tersebut; dan

(c) dalam kes kebakaran feri "Pulau Aman" di Pulau Pinang, nyatakan sebab-sebab kebakaran dan jumlah kerugian.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:

(a) Kegelinciran-kegelinciran keretapi berlaku kerana beberapa sebab utama, iaitu:

(i) kerosakan pada rel atau keadaan kurang memuaskan bagi landasan;

(ii) stokereta iaitu gerabak dan koc atau peralatannya rosak; dan

(iii) kecuaian kakitangan dalam pengawasan operasi atau penyeleng-

garaan yang kurang memuaskan. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa memastikan keselamatan penumpang keretapi terjamin.

(b) Kes kegelinciran koc penumpang di Rawang pada 20.6.92 yang lalu, masih dalam peringkat penyiasatan dari semua aspek dan pihak yang menanggung kerugian dan tanggungjawab akan ditentukan selepas siasatan dijalankan. Oleh yang demikian, jumlah kerugian dan pihak yang bertanggungjawab belum dapat ditentukan lagi.

(c) Pada masa kebakaran berlaku di atas feri "Pulau Aman" pada 4 Jun 1992, feri ini telah dijual kepada Syarikat Hema Sdn. Bhd. yang sedang menjalankan kerja-kerja pengubahsuaiannya. Syarikat Hema telah membuat laporan polis mengenai kebakaran tersebut dan siasatan tentang punca-punca kebakaran telah dijalankan oleh pihak Polis DiRaja Malaysia dan Jabatan Bomba Butterworth. Pada setakat ini, hasil siasatan belum diketahui.

JEMAAH HAJI KETINGGALAN WUKUF—BILANGAN

26. Dr Nawawi bin Mat Awin minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar atau tidak laporan-laporan yang mendakwa ramai jemaah haji tahun ini tidak dapat mengerjakan wukuf dan, jika benar:

(a) berapa orang rakyat Malaysia yang terlibat;

(b) agensi-agensi atau kumpulan yang terlibat; dan

(c) apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengelakkan perkara ini berlaku lagi di masa hadapan.

Tuan Othman bin Abdul: Adalah tidak benar laporan-laporan yang mendakwa ramai jemaah haji tahun ini di bawah kelolaan Tabung Haji tidak dapat mengerjakan wukuf. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga ke hari ini tidak ada laporan dari mana-mana orang perseorangan serta syarikat-syarikat swasta atau kumpulan yang mengendalikan jemaah haji dari Malaysia yang datang mendakwa ianya atau mana-mana jemaah haji yang dikendalikan olehnya tidak dapat berwukuf.

Mengenai soalan *(c)*, perkara ini tiada berkenaan.

JEMAAH HAJI DARI MALAYSIA—KUOTA

27. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) adakah Kerajaan akan merayu kepada pihak berkuasa Arab Saudi supaya kuota pemergian jemaah haji Malaysia ke Tanah Suci tahun depan seramai 20,000 orang sahaja dapat ditambah; dan

(b) apakah langkah-langkah Lembaga Urusan dan Tabung Haji untuk mengelakkan kejadian jemaah Malaysia dari terkandas dan terus gagal menunaikan fardu haji seperti yang berlaku baru-baru ini.

Tuan Othman bin Abdul:

(a) Berasaskan perkiraan kuota 0.1% dari jumlah penduduk sebenarnya kuota jemaah haji untuk Malaysia ialah 18,000 orang sahaja setahun yang dipersetujui oleh OIC pada 1987. Walau bagaimanapun, Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan mengunjungi Menteri Haji dan Wakaf Arab Saudi dalam bulan November ini dan, di antara lain, Menteri di Jabatan Perdana

Menteri akan merundingkan penambahan bilangan jemaah haji dari Malaysia untuk menunaikan fardu haji pada tahun hadapan.

(b) Soalan ini telahpun dijawab pada 20 Julai 1992.

TABUNG KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN EKONOMI BELIA

28. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

(a) garispanduan untuk meminjam dari 'Tabung Kumpulan Wang Pembangunan Ekonomi Belia';

(b) memandangkan sebanyak hampir $1 juta hutang tidak dapat dibayar balik, apakah langkah-langkah yang berkesan dan tindakan Kerajaan akan diambil untuk meminta peminjam-peminjam membayar hutang;

(c) adakah peminjam-peminjam dari tabung tersebut diikat dengan penjamin semasa memohon pinjaman, jika ada, apakah tindakan Kerajaan akan ambil terhadap penjamin-penjamin berkenaan dan jika tidak, mengapa;

(d) sebutkan jumlah peminjam-peminjam dan jumlah pinjaman dari Tabung Kumpulan Wang Pembangunan Ekonomi Belia setakat hari ini.

Dato' Ismail bin Said:

(a) Garispanduan untuk meminjam dari 'Tabung Kumpulanwang Pembangunan Ekonomi Belia' adalah seperti berikut:

(i) berumur di antara 18-35 tahun;

(ii) keutamaan diberi kepada Ahli Persatuan Belia yang berdaftar;

(iii) telah mengikuti kursus-kursus kemahiran dan keusahawanan;

(iv) telah mengikuti Kursus Pengurusan Perniagaan atau Pertanian.

Selain daripada garispanduan tersebut, aspek-aspek berikut juga diambilkira di dalam memproses dan menimbang sesuatu permohonan iaitu:

(i) kemahiran dalam bidang yang diterokai;

(ii) latar belakang pemohon dan keluarga;

(iii) ada jaminan pasaran;

(iv) keupayaan bersaing;

(v) lokasi;

(vi) ada potensi mendapat keuntungan;

(vii) keupayaan membuat bayaran balik; dan

(viii) kos projek yang munasabah.

(b) Kementerian Belia dan Sukan telah mengambil beberapa langkah dan sedang meneruskan tindakan untuk mempastikan peminjam-peminjam membayar hutang iaitu seperti berikut:

(i) menguatkan lagi usaha-usaha penguatkuasaan dan bimbingan projek dan peminjam;

(ii) mengeluarkan surat-surat peringatan dan amaran kepada peminjam-peminjam yang tertunggak bayaran mengikut jadual masa yang ditetapkan;

(iii) mempastikan mana-mana peminjam yang engkar dan memanjangkan kes-kes tersebut kepada Jabatan Peguam Negara untuk tindakan mahkamah;

(iv) mengkaji dan menilai semula pentadbiran dan sistem pungutan hutang dari semasa ke semasa.

(c) Ya. Peraturan Tabung ada mensyaratkan dua (2) orang penjamin semasa permohonan diluluskan. Kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang ke atas penjamin-penjamin mengikut keputusan yang dibuat oleh pihak mahkamah.

(d) Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 30 Jun 1992, seramai 925 orang belia telah mendapat pinjaman melibatkan sejumlah $12.9 juta dari Tabung Kumpulanwang Pembangunan Ekonomi Belia.

PILIHANRAYA UMUM DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH—JUMLAH PERBELANJAAN

29. Dr Sanusi bin Daeng Mariok minta Perdana Menteri menyatakan berapakah anggaran perbelanjaan bagi mengadakan pilihanraya umum Dewan Undangan Negeri Sabah yang akan datang dan apakah langkah Kerajaan Pusat untuk memastikan tidak ada mana-mana parti menyalahgunakan jentera atau wang Kerajaan untuk kepentingan politik semasa pilihanraya itu nanti.

Tuan Douglas Uggah Embas: Oleh kerana Suruhanjaya Pilihanraya tidak mengetahui pilihanraya akan diadakan, tidak ada anggaran perbelanjaan dibuat untuk masa ini. Walau bagaimanapun untuk makluman Yang Berhormat, ketika Pilihanraya Umum Dewan Undangan Negeri Sabah tahun 1990, sebanyak $2,645,242 telah dibelanjakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Untuk makluman Yang Berhormat, tidak ada penyalahgunaan jentera dan wang Kerajaan digunakan semasa pilihanraya. Ini memang menjadi amalan Kerajaan Barisan Nasional. Adalah tidak wajar untuk Yang Berhormat mengemukakan pertanyaan berkenaan perkara yang tersebut berasaskan kepada yang belum berlaku. Saya percaya Yang Berhormat tahu dan faham semua pilihanraya diadakan mengikut akta-akta dan peraturan-peraturan yang sedia ada.

PENDATANG HARAM DI SABAH—TINDAKAN PENYELESAIAN

30. Tuan Joseph Voon minta Perdana Menteri menyatakan apakah sebenarnya penemuan-penemuan ataupun findings yang telah didapati oleh "National Task Force" yang mengendalikan masalah pelarian dan pendatang haram di Sabah setakat ini. Dan apakah pula tindakan-tindakan serta strategi-strategi yang sedang dan bakal diambil untuk menyelesaikan masalah pendatang haram di Sabah.

Tuan Douglas Uggah Embas: Pasukan Petugas Khas Persekutuan masih lagi menjalankan kerja-kerja pengkategorian dan penganalisaan data Pendatang Luar Negeri (PLN) yang telah berdaftar dengan Pasukan ini. Proses penganalisaan data dibuat bagi memenuhi beberapa keperluan keselamatan. Penemuan-penemuan atau "findings" yang diperolehi daripada proses penganalisaan tersebut akan digunakan untuk membantu tindakan-tindakan penyelesaian. Antara penemuan yang dapat dilihat dengan jelas sekarang ialah masalah PLN di Sabah ini bukan hanya melibatkan PLN dari Filipina sahaja, tetapi melibatkan juga PLN dari Indonesia. Malahan jumlah PLN dari Indonesia sekarang telah melebihi jumlah PLN dari Filipina.

Proses pengkategorian adalah strategi utama yang disusun dalam usaha ke arah penyelesaian ini. PLN akan dikategorikan kepada tiga golongan, iaitu Pendatang Tanpa Izin, Buruh Asing dan

Pelarian. Tindakan-tindakan akan diambil mengikut golongan masing-masing selepas tamat proses pengkategorian dan pengeluaran dokumen kepada golongan Buruh Asing dan Pelarian. Pendatang Tanpa Izin akan ditangkap dan dihantar pulang kembali ke negara asal. Buruh Asing dibenarkan bekerja mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Manakala golongan Pelarian dibenarkan tinggal sementara di negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan atas dasar perikemanusiaan.

Persediaan bagi melancarkan gerakan penangkapan dan penghantaran balik secara besar-besaran selepas tamat tempoh proses pengkategorian dan pengeluaran dokumen kepada golongan Buruh Asing dan Pelarian sedang diambil sekarang. 14 buah Balai dan Ibu Pejabat Polis Daerah serta 3 buah penjara di seluruh Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan telah diisytiharkan sebagai Depot Imigresen. Sementara itu, tindakan juga sedang diambil bagi menubuhkan 3 buah Pusat Tahanan Sementara di Sabah dan sebuah di Wilayah Persekutuan Labuan. Pusat Tahanan Sementara di Tawau dijangkakan siap dalam tempoh dua bulan lagi. Langkah-langkah ini diambil bagi menambahkan lagi kemudahan tempat-tempat tahanan untuk menempatkan golongan Pendatang Tanpa Izin sebelum mereka dihantar pulang ke negara asal masing-masing.

Dalam aspek Buruh Asing pula, Pasukan Petugas Khas dengan kerjasama agensi-agensi Persekutuan yang berkaitan sedang menyediakan satu Sistem Pengendalian Buruh Asing yang baru bagi menggantikan Sistem Pengendalian yang ada. Sistem Pengendalian yang diamalkan sekarang tidak dapat memenuhi keperluan-keperluan semasa. Tindakan ini adalah sebahagian daripada usaha-usaha ke arah penyelesaian masalah PLN pada keseluruhannya. Sistem ini dijangka akan dilaksanakan pada awal tahun 1993.

MOTOSIKAL MEMASANG LAMPU WAKTU SIANG— PERATURAN

31. Tuan Kerk Kim Hock minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

(a) apakah keberkesanan yang akan dicapai dalam usaha Kementeriannya untuk mengurangkan kes kemalangan jalan raya di negara kita dengan melaksanakan peraturan mewajibkan motosikal memasang lampu pada waktu siang; dan

(b) apakah lojik peraturan ini dilaksanakan memandangkan cuaca negara kita adalah panas dan terang sepanjang tahun.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:

(a) Kementerian Pengangkutan ingin memaklumkan bahawa tujuan Kerajaan melaksanakan peraturan mewajibkan penunggang-penunggang motosikal memasang lampu di siang hari adalah untuk mengurangkan kemalangan jalan raya yang membabitkan penunggang-penunggang motosikal. Keberkesanan peraturan baru ini dapat dilihat di negara-negara maju seperti Peranchis dan Republik Demokratik Jerman yang telah melaksanakan peraturan ini yang mana dapat mengurangkan kadar kemalangan yang melibatkan motosikal di jalan raya. Kerajaan yakin bahawa dengan pelaksanaan peraturan baru ini kita akan dapat mengurangkan jumlah kemalangan jalan raya yang melibatkan motosikal.

(b) Memang benar cuaca negara ini adalah panas dan terang sepanjang tahun. Perlu dijelaskan di sini bahawa lampu yang dipasang di siang hari bukannya untuk menerangi jalan sepertimana pada malam hari.

Memandangkan motosikal adalah kecil berbanding dengan lain-lain kenderaan seperti kereta, bas dan lori, maka pemasangan lampu di siang hari akan menambahkan tahap kebolehlihatan (visiblity) oleh pemandu kenderaan yang lain.

KENAIKAN TAMBANG PENERBANGAN DALAM NEGERI

32. Tuan Kerk Kim Hock minta Menteri Pengangkutan menyatakan, ekoran keputusan Kerajaan untuk menaikkan tambang penerbangan dalam negeri di antara 15 dan 20 peratus mulai 1 Julai 1992:

(a) berapakah kerugian terkumpul yang dialami oleh Penerbangan Malaysia dalam sektor penerbangan negeri;

(b) berapakah keuntungan terkumpul yang diperolehi oleh Penerbangan Malaysia dalam sektor penerbangan antarabangsa; dan

(c) berapakah pendapatan tambahan yang dijangka diperolehi oleh Penerbangan ekoran kenaikan tambang mulai 1.7.92.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:

(a) Kerugian terkumpul yang dialami oleh Penerbangan Malaysia (MAS) dalam sektor dalam negeri bagi 10 tahun yang lepas (1982-1992) ialah $293.5 juta.

(b) Keuntungan terkumpul yang diperolehi oleh MAS dalam sektor antarabangsa untuk 10 tahun yang lepas (1982-1992) ialah $376.6 juta.

(c) Berikutan kenaikan tambang penerbangan-penerbangan domestik; MAS dijangka memperolehi tambahan $88.8 juta bagi tempoh Julai 1992 hingga 31 Mac 1993.

SEKOLAH RENDAH/MENENGAH SEMUA JENIS—BILANGAN

33. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan sekolah rendah dan menengah semua jenis (termasuk swasta) yang ada di negara ini. Sejak 1980, berapa buah sekolah semua jenis telah dibina. Apakah dasar Kerajaan mengenai pembinaan sekolah di taman-taman kediaman yang mempunyai ramai penduduk. Bagaimanakah jenis sekolah termasuk SRJK(C) dan (T) diluluskan di taman-taman tersebut. Adakah beliau sedar bahawa terdapat kekurangan sekolah rendah termasuk SRJK(C) di kebanyakan taman di negara ini. Adakah beliau bercadang untuk mengadakan sebuah SRJK(C) lagi di kawasan Kepong, Kajang dan Klang.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan sekolah rendah dan menengah semua jenis termasuk swasta pada 30 Jun 1991 adalah seperti berikut:

Bilangan Sekolah Rendah dan Menengah Bantuan Kerajaan

Jenis Sekolah	*Bilangan*
SK	5001
SRJK(C)	1289
SRJK(T)	543
Rendah Khas	26
Menengah Biasa	1223
Asrama Penuh	32
Menengah Agama	33
Menengah Khas	3
Vokasional	57
Teknik	9

Bilangan Sekolah Rendah dan Menengah Swasta Sepenuh Masa

Jenis Sekolah	*Bilangan*
Rendah Biasa	14
Rendah Cina	10
Rendah Dagang	22
Menengah Biasa	48
Menengah Cina	61
Menengah Dagang	11

Sejak tahun 1980 sejumlah 458 sekolah rendah dan 369 buah sekolah menengah baru bantuan penuh Kerajaan telah dibina.

Syarat atau kriteria yang biasanya dipertimbangkan, antaranya ialah tidak terdapat sekolah di kawasan yang berkenaan dan kawasan-kawasan yang berhampiran, sekolah yang sedia ada tidak dapat menampung pertambahan murid di kawasan tersebut, tidak ada rancangan untuk menambah bangunan atau bilik darjah di sekolah-sekolah yang sedia ada di kawasan-kawasan berkenaan dan adanya peruntukan kewangan untuk projek berkenaan.

KANAK-KANAK/GADIS/ ISTERI—PERLINDUNGAN

34. Puan Rohani binti Abdul Karim minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan apakah langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian untuk memberi perlindungan/perhatian terhadap:

(a) kanak-kanak gadis remaja;

(b) isteri-isteri/wanita dan wargatua dari penganiayaan yang tidak bertanggungjawab.

Apakah langkah-langkah dan tindakan yang harus dan akan diambil oleh Kementerian.

Tuan Yong Khoon Seng:

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat memberi perlindungan kepada kanak-kanak gadis remaja dalam berbagai bentuk. Antara berbagai khidmat perlindungan kepada kanak-kanak remaja ialah:

(i) Bagi kanak-kanak remaja di bawah umur 18 tahun yang menjadi mangsa kepada penyalahgunaan, penderaan dan penganiayaan, perlindungan akan diberi di bawah Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991.

(ii) Bagi gadis-gadis remaja yang terdedah kepada bahaya moral atau diugut, terpedaya atau tertipu untuk melibatkan diri dalam aktiviti maksiat, mereka boleh diselamatkan dan diberi perlindungan dan pemulihan di bawah Akta Perlindungan Wanita & Gadis 1973.

Selain daripada itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat juga bersama beberapa pertubuhan sukarela yang lain sedang memberi khidmat kaunseling kepada gadis-gadis yang menghadapi masalah sosial. Pertubuhan sukarela terus didorongkan untuk memberi khidmat kaunseling serta pendidikan 'parenting' kepada ibubapa.

(b) Dalam usaha mengatasi masalah penganiayaan atau keganasan terhadap isteri-isteri dan kaum wanita, Kementerian berusaha memulih atau memperbaiki keadaan serta berikhtiar mengukuhkan ikatan kekeluargaan dengan sokongan semua ahli keluarga ke arah kesejahteraan hidup. Pegawai-pegawai Kementerian bertindak sebagai kaunselor atau pendamai dan untuk setiap perselisihan dicari penyelesaian melalui kaunseling atau rundingcara di antara pihak-pihak yang terlibat.

Setakat ini, pihak Kementerian tiada menerima laporan mengenai warga tua yang dianiayai. Namun demikian, ramai orang tua yang tinggal berseorangan, yang daif atau memerlukan jagaan dan perlindungan. Bagi golongan ini,

Kementerian adalah memberi bantuan kewangan atau menempatkan mereka di institusi-institusi kebajikan seperti yang bersesuaian.

Pihak Kementerian juga bercadang mewujudkan Pusat Harian untuk warga tua di mana merupakan kemudahan tempat untuk mereka bertemu di antara satu dengan lain, bersemuka, membaca dan bagi mereka yang berkeupayaan mengatur program untuk menyumbang khidmat kepada masyarakat.

SINDIKET IMPORT KERETA TERPAKAI DARI SINGAPURA

35. Datin Ling Chooi Sieng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa orang yang telah ditangkap dan dituduh di mahkamah kerana terlibat dalam pengimportan kereta terpakai dari Singapura. Adakah Kerajaan bercadang mengembalikan kereta kepada pembeli yang tulen ("bona fide purchasers").

Tuan Ong Ka Ting: Di bawah "Ops Saga Lelong" yang dilancarkan pada 24.4.1991 yang melibatkan kereta terpakai yang diseludup masuk dari Singapura, seramai 21 orang telah ditangkap. 2 orang daripada mereka telah dituduh di mahkamah dan bakinya telah dibebaskan selepas siasatan dijalankan ke atas mereka. Manakala pelepasan secara "Bona Fide Purchasers" hanya akan diketahui selepas proses perbicaraan selesai.

UNIVERSITI/KOLEJ TEMPATAN—"TWINNING PROGRAMME"

36. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin minta Menteri Pendidikan menyatakan:

(a) berapa banyak "Twinning Programme" antara universiti/ kolej luar negeri dengan universiti/ kolej tempatan; dan

(b) jumlah pelajar mengikut kaum yang belajar di pusat-pusat pendidikan ini.

Dr Fong Chan Onn:

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan institusi pendidikan yang telah dibenarkan oleh Kementerian untuk mengendalikan program berkembar (twinning programme) adalah 13 buah dan kebanyakannya terdapat di Lembah Kelang.

(b) Jumlah pelajar yang mengikuti program berkembar:

Keturunan Cina	998 orang
Keturunan India	88 orang
Keturunan Bumiputera	58 orang
Keturunan Lain	53 orang
JUMLAH	1197 orang

KEBAKARAN KAPAL MINYAK KOREA SELATAN—TUNTUTAN PAMPASAN

37. Tuan Wahab bin Suhaili minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) adakah Kerajaan menuntut pampasan daripada pihak Korea Selatan di atas pencemaran alam disebabkan kebakaran kapal minyak dari Korea Selatan di Pelabuhan Kelang baru-baru ini; dan

(b) berapakah anggaran kerugian yang dialami oleh Kerajaan Malaysia dalam kebakaran tersebut.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi soalan *(a)* dan *(b)* pihak Kerajaan belum boleh membuat keputusan sekarang, kerana siasatan belum siap dijalankan oleh Lembaga Siasatan.

PENDAFTARAN BERGERAK DI KAWASAN PEDALAMAN SABAH

38. Tuan George Sangkin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Jabatan Pendaftaran Negara dapat mengadakan khidmat Pendaftaran bergerak dari satu pusat kampung ke satu pusat kampung di negeri Sabah bagi membolehkan rakyat yang tinggal jauh terpencil tidak mampu untuk mendaftar atau mengganti Kad Pengenalan mereka.

Tuan Ong Ka Ting: Saya ingin memberi jaminan bahawa Jabatan Pendaftaran Negara akan terus memberi perkhidmatan kepada rakyat di kawasan-kawasan pedalaman sebagaimana yang telah dibuat selama ini, iaitu melalui Unit Bergerak Jabatan Pendaftaran Negeri Sabah. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya bergantung kepada kemampuan Jabatan dan sambutan penduduk tempatan.

PENDATANG HARAM ASING— LESEN PENJAJA/PENIAGA

39. Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa jumlah pendatang haram asing yang menceburkan diri sebagai penjaja dan peniaga kecil seluruh negara dari segi jumlah yang sudah dilesenkan dan yang berniaga secara haram dan apakah dasar Kerajaan terhadap para penjaja/peniaga asing ini.

Tuan Ong Ka Ting: Berhubung dengan isu pengeluaran lesen penjaja kepada pendatang haram asing tersebut, sukalah saya menjelaskan bahawa Pihak-berkuasa Tempatan tidak pernah mengeluarkan lesen penjaja kepada pendatang haram asing. Ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan hanya membenarkan pekerja pendatang didaftarkan untuk bekerja di bidang-bidang tertentu sahaja seperti bidang pembinaan dan perladangan. Walau bagaimanapun, Kementerian ini menyedari kemungkinan ada pendatang haram yang menjalankan perniagaan sebagai penjaja dan penjaja kecil, tetapi mereka menjalankan kegiatan tersebut sama ada secara memajak lesen dari pemegang lesen penjaja yang sah terdiri daripada warganegara kita ataupun berniaga secara haram dan tidak berlesen. Oleh kerana kegiatan mereka adalah secara haram, maka mustahil bagi Kerajaan merakamkan bilangan mereka.

KEBAKARAN DI HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR— LANGKAH PENCEGAHAN

40. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada sedar kebakaran yang berlaku di Hospital Besar Kuala Lumpur pada 27 Jun 1992 lalu menimbulkan keresahan dan hilang kepercayaan orang ramai kepada pengurusan hospital. Nyatakan juga:

(a) langkah positif memulihkan kepercayaan orang ramai terhadap hospital berikutan kebakaran yang membimbangkan ramai keluarga pesakit; dan

(b) langkah keselamatan yang telah diambil bagi mengelakkan kebakaran berlaku di mana-mana hospital di negara ini pada masa akan datang.

Dato' K. Kumaran:

(a) Kementerian Kesihatan memang sedar kebakaran yang berlaku di Hospital Besar Kuala Lumpur pada 27 Jun 1992 telah menimbulkan keraguan di kalangan orang ramai.

Kementerian Kesihatan sentiasa menitikberatkan dan berusaha mengamalkan prosedur-prosedur kawalan dan pencegahan kebakaran di hospital-hospitalnya. Dalam tahun 1987 hospital-hospital di arah mengamal

langkah-langkah kawalan dan pencegahan kebakaran seperti berikut:

(i) berhubung dengan Jabatan Bomba tempatan untuk memastikan bahawa bangunan-bangunan di hospital mempunyai kemudahan mencegah kebakaran yang cukup;

(ii) membeli alat kelengkapan untuk mencegah kebakaran;

(iii) menyediakan rancangan kontijensi untuk kebakaran;

(iv) mengadakan kawad kebakaran.

(b) Dalam tahun 1992 pula, Kementerian telah mengedarkan kepada semua hospital garis-panduan 'Keselamatan Kebakaran Di Hospital' yang disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia. Berdasarkan kepada garispanduan ini, hospital-hospital telah diminta memberi maklumbalas mengenai keselamatan kebakaran yang telah diadakan termasuk masalah yang dihadapi.

BAKAL-BAKAL HAJI—KUOTA

41. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob minta Perdana Menteri menyatakan adakah benar pihak LUTH telah mendaftarkan lebih ramai bakal-bakal haji sedangkan mereka telah mengetahui lebih awal kuota yang ditetapkan oleh Arab Saudi. Jika benar, apakah sebabnya dan jika tidak, mengapa.

Tuan Othman bin Abdul: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kuota ini telah dipertetapkan sejak tahun 1988 lagi tetapi Malaysia telah diberi kelonggaran untuk membawa lebih dari itu tahun demi tahun.

SAHAM MIDFCCS—KECURIAN CEK

42. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kewangan menyatakan berikutan skandal bayaran balik cek pemohon-pemohon saham yang tidak berjaya:

(a) jumlah cek yang dicuri, nilainya serta bilangan pemohon yang terlibat;

(b) jumlah kerugian yang dialami oleh sipemohon dan adakah pihak Kerajaan bersedia mengarah MIDFCCS atau Pejabat Pos Besar membayar gantirugi kepada sipemohon dan kalau tidak, mengapa;

(c) apakah tindakan yang akan diambil untuk memaksa MIDFCCS membayar gantirugi dan adakah termasuk menarik balik lesen mereka;

(d) adakah pihak Kerajaan bersedia mendirikan syarikat penerbit saham yang kedua dan kalau ia bila; kalau tidak mengapa; dan

(e) adakah pihak Kerajaan sedia menukar sistem memohon saham yang tidak memerlukan penggunaan cek.

Tuan Mustapa bin Mohamed:

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah cek yang dicuri dalam kes kecurian cek-cek yang dipulangkan oleh MIDFCCS kepada pemohon-pemohon saham yang tidak berjaya adalah sebanyak 107 cek yang bernilai $2,757,600 dan melibatkan 107 orang pelabur.

(b) Jumlah kerugian yang dialami oleh pemohon-pemohon yang terlibat ialah sebanyak $2,757,600. Kerajaan akan mengarahkan mana-mana pihak

yang telah dibuktikan bersalah untuk membayar gantirugi kepada pemohon-pemohon yang terlibat. Pada ketika ini, Kerajaan adalah dalam peringkat terakhir dalam menentukan pihak yang bersalah.

(c) Dalam kes ini pihak MIDFCCS tidak boleh dipaksa untuk membayar gantirugi selagi ia tidak dibuktikan bersalah.

(d) Kerajaan telahpun bersetuju secara dasarnya untuk menubuhkan sebuah Agensi Terbitan Sekuriti Kedua. Walau bagaimanapun, mekanisma penubuhannya, iaitu mengenai pemegang-pemegang sahamnya masih lagi di peringkat kajian. Kementerian Kewangan kini sedang berunding dengan institusi-institusi kewangan sama ada mereka berminat untuk menyertai ekuiti di dalam Agensi Terbitan Sekuriti Kedua tersebut. Penyertaan ekuiti oleh pelabur-pelabur institusi secara perseorangan adalah dipercayai kurang sesuai. Tarikh penubuhan agensi tersebut adalah bergantung kepada bila persetujuan dapat diperolehi oleh pihak-pihak tersebut. Bagaimanapun, ia dijangka akan ditubuhkan dengan seberapa segera setelah pertimbangan yang teliti diadakan dari segi penyertaan ekuiti dan aspek-aspek lain.

(e) Buat masa ini, Kerajaan belum bercadang untuk menukar sistem memohon saham yang sedia ada. Walau bagaimanapun, agensi-agensi yang berkaitan dengan permohonan saham telah mengambil tindakan sewajarnya dalam usaha untuk mengelakkan kejadian kecurian cek-cek pulangan MIDFCCS.

MAIKA HOLDINGS—HASIL SIASATAN

43. Tuan Chian Heng Kai minta Perdana Menteri menyatakan perkembangan terbaru dan hasilnya berkenaan dengan siasatan Badan Pencegah Rasuah terhadap:

(a) M.I.C. dan MAIKA Holdings tentang kes pengagihan saham Syarikat Telekom Malaysia; dan

(b) Kementerian Penerangan tentang kes yang disyaki terlibat rasuah.

Tuan Othman bin Abdul: Soalan pertama daripada Ahli Yang Berhormat berkenaan telahpun dijawab pada 20.7.1992.

Kes kedua yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan juga masih lagi di dalam tindakan pihak BPR dan hasilnya hanya dimaklumkan selepas siasatan yang menyeluruh selesai dijalankan.

SEKOLAH MENENGAH AGAMA RAKYAT/NEGERI—BILANGAN

44. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Pendidikan menyatakan:

(a) bilangan sekolah-sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Agama Negeri di seluruh negara;

(b) bilangan pelajar sekolah-sekolah tersebut berdasarkan jantina;

(c) prestasi akademik yang telah dibuktikan oleh sekolah-sekolah tersebut;

(d) bentuk bantuan dan jumlah bantuan yang telah disalurkan; dan

(e) apakah sekolah-sekolah ini cukup selamat untuk para pelajarnya belajar dan benar-benar menepati garispanduan keselamatan yang telah digariskan.

Dr Fong Chan Onn:

(a) & *(b)* Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan sekolah menengah agama negeri dan rakyat serta bilangan penuntutnya di seluruh negara adalah seperti berikut:

Sekolah	*Bil. Sekolah*	*Bil. Pelajar (L)*	*Bil. Pelajar (P)*	*Jumlah*
Sekolah Menengah Agama Negeri	100	24,278	36,149	60,427
Sekolah Menengah Agama Rakyat	161	25,795	30,422	56,217

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelajar-pelajar yang menuntut di sekolah menengah agama negeri dan rakyat adalah pelajar-pelajar sepenuh masa.

(c) Prestasi akademik pelajar-pelajar sekolah menengah Kerajaan Negeri adalah baik dan setanding dengan prestasi pelajar-pelajar sekolah agama di bawah Kementerian Pendidikan. Walau bagaimanapun, prestasi pelajar-pelajar sekolah menengah agama rakyat tidaklah begitu memuaskan kecuali beberapa orang pelajar sahaja yang mencapai prestasi yang agak baik.

(d) Pada masa ini Kerajaan menyumbangkan dua bentuk bantuan kepada sekolah-sekolah agama Kerajaan Negeri, iaitu bantuan guru yang melibatkan perbelanjaan sebanyak $10 juta setahun dan bantuan buku teks yang hingga kini berjumlah lebih kurang $13 juta. Selain daripada itu, Kementerian Pendidikan juga memberikan latihan kepada guru-guru agama Kerajaan Negeri di maktab-maktab perguruan. Manakala bantuan kepada sekolah agama rakyat adalah dalam bentuk bantuan per kapita yang melibatkan perbelanjaan berjumlah $8.149 juta bagi tahun 1991 dan $9 juta bagi tahun 1992. Selain daripada itu, bantuan buku teks juga dibekalkan kepada sekolah-sekolah agama rakyat.

(e) Sekolah-sekolah agama Kerajaan Negeri adalah cukup selamat untuk para pelajarnya dan ia menepati garispanduan seperti yang dikehendaki oleh Kementerian Pendidikan. Sebaliknya hanya sebahagian sahaja daripada sekolah agama rakyat berada dalam keadaan baik, manakala sebahagian yang lain tidaklah begitu memuaskan. Namun demikian, berikutan peristiwa kebakaran di sebuah sekolah di negeri Kedah, usaha berterusan telah dibuat oleh pihak-pihak berkenaan terutamanya pihak bomba untuk memastikan keadaan keselamatan di sekolah-sekolah ini terkawal.

ORANG ASING MILIKI TANAH/ RUMAH—DASAR KERAJAAN

45. Tuan Chor Chee Heung minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) apakah dasar terbaru Kerajaan berkenaan dengan perolehan tanah termasuk rumah oleh orang

asing mengikut kehendak Foreign Investment Committee;

(b) adakah Surat Pekeliling yang dikeluarkan oleh pihak FIC pada tahun 1974 hanya suatu garis panduan (guideline) dan bukan secara mandatori;

(c) di bawah dasar ini apakah jenis perolehan yang dikecualikan; dan

(d) adakah dasar pihak FIC mempunyai kuasa di sisi undang-undang sebelum pindaan kepada Kanun Tanah Negara 1965 diluluskan.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:

(a) Tidak ada dasar terbaru Kerajaan berhubung dengan perolehan tanah termasuk rumah oleh orang asing. Dasar yang ada sekarang adalah mengikut Garis Panduan Mengenai Perolehan Harta-harta, Percantuman dan Pengambilalihan (Garis Panduan), yang mana telah dikeluarkan dan dilaksanakan sejak 1974 lagi.

(b) Garis Panduan FIC 1974 adalah merupakan suatu dasar negara yang mengandungi rangka dasar dan peraturan-peraturan berhubung dengan perolehan-perolehan harta, ekuiti, percantuman dan pengambilalihan syarikat. Dasar yang terkandung di dalam Garis Panduan ini adalah merupakan dasar penyusunan semula masyarakat di sektor korporat berpandukan kepada Dasar Ekonomi Baru dan kini Dasar Pembangunan Nasional. Oleh yang demikian, semua pihak sewajarnyalah mematuhi Garis Panduan ini.

(c) Jenis-jenis perolehan yang dikecualikan di bawah Garis Panduan ini adalah seperti berikut:

(i) perolehan oleh Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan;

(ii) perolehan oleh Perbadanan-perbadanan, Menteri Kewangan, Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri;

(iii) projek-projek penswastaan;

(iv) perolehan tanah oleh syarikat-syarikat pengilangan berlesen untuk tujuan pengilangnya.

(d) Seperti yang telah dinyatakan dalam jawapan kepada soalan 45*(b)*, Garis Panduan FIC mencerminkan keperluan Dasar Negara dan mengandungi langkah-langkah untuk mencapai dasar tersebut. Garis Panduan FIC yang berkaitan dengan perolehan tanah adalah selaras dengan Kanun Tanah Negara.

SAHAM TENAGA NASIONAL BERHAD—KEMUDAHAN KHAS

46. Tuan Ahmad bin Nor minta Menteri Kewangan menyatakan secara terperinci mana-mana orang perseorangan, kumpulan, syarikat-syarikat dan lain-lain pertubuhan yang mendapat kemudahan khas untuk membeli saham-saham Tenaga Nasional Berhad (TNB) secara langsung tanpa melalui proses pengundian. Apakah tindakan yang boleh diambil ke atas pihak-pihak yang mendapat kemudahan khas membeli saham tetapi telah menyeleweng serta menyalahgunakan kemudahan khas yang diberi.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Pengapongan dan penyenaraian saham Tenaga Nasional Berhad sebanyak

685,047,000 unit di Bursa Saham Kuala Lumpur telah dilaksanakan melalui proses tawaran seperti berikut:

(i)	*Harga Tetap ($4.50 sesaham)*	*Juta saham*
	(a) Orang awam (melalui pengundian (balloting) yang dikelolakan oleh MIDFCCS)	240.122
	(b) Institusi-institusi Pelabur Bumiputera dan Syarikat Milik Bumiputera—pengagihan dikelolakan oleh Kementerian Kewangan melalui proses pendaftaran	300.000
	(c) Kakitangan, pegawai dan Pengarah TNB (Pink Form)	84.925
(ii)	*Sistem Tender (Harga Minima $4.50 sesaham)*	
	Tawaran tender kepada orang awam—tawaran kepada pelabur tempatan dan juga pelabur asing.	

Mengenai persoalan Yang Berhormat berkaitan dengan pihak-pihak yang telah ditawarkan saham TNB secara langsung tanpa melalui proses pengundian seperti yang dikelolakan oleh MIDFCCS, adalah dimaklumkan bahawa ia melibatkan tawaran-tawaran kepada pelabur-pelabur bumiputera—iaitu institusi-institusi Pelabur Bumiputera dan Syarikat Milik Bumiputera sahaja dan pengagihannya dikelolakan oleh Kementerian Kewangan melalui proses pendaftaran. Tawaran bagi kategori ini tidak melibatkan tawaran kepada pelabur-pelabur perseorangan bumiputera. Satu lagi kategori pelabur yang mendapat kemudahan tawaran secara langsung ialah pegawai/kakitangan dan pengarah-pengarah TNB yang ditawarkan melalui pengeluaran 'pink-form'. Kriteria-kriteria yang digunapakai oleh Kementerian Kewangan bagi pengagihan saham kepada pelabur-pelabur bumiputera adalah seperti berikut:

(a) institusi pelabur bumiputera yang mewakili kepentingan golongan bumiputera yang lebih ramai—misalnya PNB, koperasi-koperasi seperti Koperasi Polis, MOCCIS, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Lembaga Urusan Tabung Haji, Yayasan-yayasan Negeri, Dewan Perniagaan Melayu dan sebagainya.

(b) syarikat-syarikat milik bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Kementerian Kewangan.

Mengenai persoalan penyelewengan oleh pihak-pihak yang mendapat kemudahan khas tawaran saham secara langsung ini, seperti yang saya nyatakan tadi, bagi mengelakkan perkara ini berlaku, pemilihan teliti dan terperinci pelabur-pelabur (institusi serta Syarikat Milik Bumiputera) adalah berdasarkan kepada proses pendaftaran. Melalui proses ini pelabur-pelabur bumiputera yang berminat untuk mendapatkan tawaran saham secara langsung ini, mereka dikehendaki mengemukakan maklumat-maklumat penting syarikat yang berkaitan dengan status milikan bumiputera, senarai pengarah syarikat, kegiatan syarikat berkenaan dan kedudukan kewangan syarikat. Perkara-perkara ini dinyatakan dalam Borang 24 dan 49 Akta Syarikat (serta Borang Pindah Milik 32A) yang perlu dikemukakan ke Kementerian dan pengesahan dari Pendaftar. Syarikat bagi maklumat-maklumat dalam borang-borang ini adalah diperlukan sebelum pendaftaran boleh dibuat oleh Kementerian. Dengan cara ini, adalah diharapkan hanya pelabur-pelabur bumiputera yang benar-benar layak diberi kemudahan tawaran secara langsung. Malah dalam kes tawaran saham TNB ini, proses 'balloting' telah juga dijalankan oleh Kementerian Kewangan kerana berlakunya 'oversubscription' di mana sebanyak 1,522 institusi pelabur bumiputera dan syarikat milik bumiputera telah berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri tetapi hanya 1,084 (179 institusi pelabur dan 965 syarikat milik bumiputera) yang berjaya mendapat tawaran saham TNB secara langsung.

SAHAM MIDFCCS— KEHILANGAN CEK-CEK

47. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Kewangan menyatakan:

(a) perakuan penuh mengenai siasatan ke atas kes penipuan cek-cek pelabur saham yang dipulangkan oleh MIDFCCS; dan

(b) cadangan bagi mewujudkan Rumah Penerbitan Saham Kedua.

Tuan Mustapa bin Mohamed:

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai dari 12-5-1992 hingga 4-7-1992, sebanyak 107 laporan polis telah dibuat oleh 107 orang pelabur bahawa mereka tidak menerima cek-cek pulangan MIDFCCS yang dikembalikan kepada mereka melalui pos biasa.

Siasatan polis menghasilkan tangkapan 10 orang yang secara langsung terlibat dalam kes kecurian/penipuan cek-cek berkenaan yang terdiri daripada seorang posmen di Pos Malaysia Bhd. yang terlibat mencuri envelop-envelop yang mengandungi cek MIDFCCS, 7 orang termasuk ketua sindiket yang terlibat dalam pembukaan akaun-akaun simpanan di beberapa buah bank dengan nama penerima-penerima cek pulangan MIDFCCS, seorang yang terlibat dalam penyediaan kad-kad pengenalan palsu dan seorang lagi terlibat dalam mendapatkan peralatan-peralatan untuk memalsukan kad pengenalan dari negeri jiran.

Kesemua mereka yang terlibat telahpun dituduh di Mahkamah. Lima daripada mereka yang terlibat telah mengaku bersalah dan masing-masing menjalani hukuman penjara antara 30 bulan hingga ke 6 tahun. Manakala lima orang lagi yang terlibat telah meminta dibicarakan dan tarikh perbicaraan telah ditetap dalam bulan Februari 1993.

(b) Kerajaan telahpun bersetuju secara dasarnya untuk menubuhkan sebuah Agensi Terbitan Sekuriti Kedua. Walau bagaimanapun, mekanisma penubuhannya, iaitu mengenai pemegang-pemegang sahamnya masih lagi di peringkat kajian. Kementerian Kewangan kini sedang berunding dengan institusi-institusi kewangan sama ada mereka berminat untuk menyertai ekuiti di dalam Agensi Terbitan Sekuriti Kedua tersebut. Penyertaan ekuiti oleh pelabur-pelabur institusi secara perseorangan adalah dipercayai kurang sesuai. Tarikh penubuhan agensi tersebut adalah bergantung kepada bila persetujuan dapat diperolehi oleh pihak-pihak tersebut. Bagaimanapun, ia dijangka akan ditubuhkan dengan seberapa segera setelah pertimbangan yang teliti diadakan dari segi penyertaan ekuiti dan aspek-aspek lain.

PADANG PERMAINAN DI SEKOLAH LUAR BANDAR— MENGADAKAN

48. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar minta Menteri Pendidikan menyatakan dalam merancang dan membina sekolah di luar bandar adakah Kementerian mengagihkan peruntukan untuk membina padang permainan serbaguna, termasuk padang bola sepak. Jikalau tidak, kenapa dan jika ia, kenapakah sekolah baru di Kampung Tebelu Bahagian Samarahan Sarawak tidak diperuntukkan.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

kemudahan padang permainan memang disediakan dalam pembinaan sekolah-sekolah baru sama ada di luar bandar atau di bandar.

Mengenai SRK di Kampung Tebelu, Bahagian Samarahan, Sarawak yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu, ia merupakan projek gantian dan bukan projek baru. Oleh itu kemudahan padang permainan tidak disediakan ketika itu kerana bangunan berkenaan diperlukan segera dan peruntukan kewangan pada masa itu terhad. Walau bagaimanapun, kemudahan padang permainan bagi sekolah tersebut telahpun dirancang untuk dilaksanakan di bawah program penyediaan kemudahan sukan di sekolah-sekolah pada tahun ini dengan anggaran sebanyak $50,000.

BEKALAN ELEKTRIK KE KAMPUNG-KAMPUNG DAERAH KOTA BELUD

49. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan bilakah dapat memberi bekalan tenaga elektrik ke kampung-kampung yang sudah sering kali saya bangkitkan di persidangan Parlimen sejak menjadi Ahli Dewan Rakyat pada tahun 1986 lagi seperti berikut:

> Kg. Bayagat, Kg. Bahab, Kg. Tuguson, Kg. Moropulu, Kg. Podos, Kg. Mangkulat, Kg. Lasau Tintapon, Kg. Kuang Melawan, Kg. Kondos, Kg. Bangkahak Lama, Kg. Bangkahak Sum-sum, Kg. Bangkahak Baru, Kg. Rosok, Kg. Timbang Mangaris, Kg. Sarang, Kg. Dudar, Kg. Taburon, Kg. Kayu Puteh, Kg. Nanamun dan Kg. Rampayan Laut—semuanya dalam daerah Kota Belud.

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari: Semua kampung-kampung yang dibangkitkan itu belum lagi mendapat bekalan elektrik kecuali dua buah kampung iaitu Kg. Kuang Melawan dan Kg. Timbang Mangaris. Buat masa ini, Lembaga Elektrik Sabah sedang membuat kajian teknikal kampung-kampung berkenaan, sebelum Kementerian Pembangunan Luar Bandar dapat menimbangkan untuk meluluskan projek tersebut.

KTM—PEKERJA SEMENTARA

50. Dr Kua Kia Soong minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

(a) berapa orang pekerja di KTM yang merupakan "pekerja sementara" di dalam skel-skel yang berbeza;

(b) bapakah yang akan berlaku ke atas diri mereka apabila KTM diswastakan kelak; dan

(c) berapa banyak tanah KTM yang telah disewakan kepada korporat berkepentingan.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:

(a) Pada masa sekarang terdapat 1,100 orang pekerja sambilan di KTM dalam gred-gred berikut:

Kumpulan B	=	11	orang
Kumpulan C	=	29	orang
Kumpulan D	=	1,060	orang
Jumlah		1,100	orang

(b) Kesemua 1,100 orang pekerja sambilan ini akan diambil bekerja oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTM Berhad) iaitu syarikat yang akan meng-ambilalih KTM apabila ianya diperbadankan kelak.

(c) Tanah KTM yang disewakan kepada korporat berkepentingan adalah seluas 272,000 kaki persegi.

BANGUNAN HARAM—TINDAKAN MEROBOHKAN

51. Tuan Tan Kok Wai minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab mengapa Jabatan Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak mengambil apa-apa tindakan untuk merobohkan bangunan haram, iaitu:

(a) Bengkel Kemahiran Pemuda UMNO Air Panas Utara di kawasan Rumah Panjang Kampung Baru Air Panas, Setapak, Kuala Lumpur; dan

(b) Bengkel dan setor yang dibina atas nama Pemadam Setapak di Kampung Lanjut di Jalan Genting Klang, Kuala Lumpur walaupun aduan-aduan dibuat kepada pihak berkuasa seawal-awalnya dalam bulan Februari tahun 1992.

Tuan Othman bin Abdul:

(a) Bengkel yang didirikan oleh Pemuda UMNO Air Panas Utara itu adalah di atas tanah hakmilik P.T. 243, Mukim Setapak, bukan di atas tanah Kerajaan yang perlu diambil tindakan oleh jabatan-jabatan berkenaan.

(b) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memang sedar mengenai wujudnya sebuah bengkel dan setor yang dibina atas nama Pemadam Setapak di Jalan Genting Klang. Memandangkan bengkel dan setor berkenaan didirikan atas tanah Kerajaan serta tidak mendapat kelulusan dari mana-mana pihak, maka Direktorat Penguatkuasaan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bersama-sama dengan Jabatan Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan telahpun mengambil tindakan seperti berikut:

(i) mengeluarkan notis kepada pengusaha untuk merobohkan bangunan bengkel dan setor tersebut;

(ii) beberapa operasi telah dijalankan pada 25-6-1992; 14-7-1992 dan 15-7-1992 bagi merobohkan struktur-struktur baru yang telah dibina di kawasan berkenaan.

Pihak Pemadam Cawangan Setapak telah mengemukakan permohonan Lesen Menduduki Sementara untuk menggunakan tanah Kerajaan bagi pembinaan bengkel dan setor, dan kini Jabatan Tanah dan Galian, Wilayah Persekutuan sedang memproses permohonan tersebut untuk dipertimbangkan. Jika permohonan tersebut tidak diluluskan, Bahagian Direktorat Penguatkuasaan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bersama-sama dengan Jabatan Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan akan mengambil tindakan untuk merobohkan keseluruhan struktur-struktur yang dibina di kawasan tersebut.

PENDATANG HARAM INDONESIA—AKTIVITI JENAYAH

52. Tuan Wee Choo Keong minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

(a) kenapa Kerajaan tidak mengambil tindakan-tindakan yang positif terhadap pendatang haram Indonesia oleh kerana mereka terlibat dalam aktiviti-aktiviti jenayah di Malaysia;

(b) oleh kerana pendatang haram telah menambahkan kadar jenayah dalam negara ini, apakah polisi Kerajaan mengenai pendatang haram Indonesia. Sila berikan butir-butir polisi Kerajaan untuk subjek ini; dan

(c) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memberhentikan pendatang haram Indonesia dari datang ke Malaysia sama sekali. Jika tidak, kenapa tidak.

Tuan Ong Ka Ting:

(a) Kerajaan adalah memandang berat terhadap kegiatan-kegiatan jenayah yang dilakukan oleh pendatang haram tidak kira mereka itu dari Indonesia ataupun mana-mana negara lain. Tindakan tegas adalah diambil untuk membanteras dan membendung kegiatan-kegiatan mereka itu. Jika mereka yang terlibat dengan kes-kes jenayah diberkas, mereka akan dikenakan tindakan mengikut Undang-undang Jenayah. Bagaimanapun, bilangan mereka yang didapati terlibat dalam kes-kes jenayah tidaklah di paras yang membimbangkan sangat dan pihak Polis adalah sentiasa mengawal dan membuat pengamatan terhadap aktiviti-aktiviti mereka yang disyaki melakukan jenayah.

(b) Adalah tidak benar kenyataan Ahli Yang Berhormat itu. Mengikut perangkaan jenayah yang berlaku di negara ini, kes-kes yang melibatkan pendatang haram tidaklah membimbangkan sangat, dan saya tidak bersetuju kenyataan Ahli Yang Berhormat yang mengatakan kadar jenayah bertambah disebabkan kehadiran pendatang haram Indonesia.

Dasar Kerajaan terhadap pendatang-pendatang haram adalah jelas, iaitu Kerajaan tidak membenarkan pendatang-pendatang haram membanjiri negara ini yang boleh menyebabkan kestabilan negara menjadi tergugat. Kerajaan tidak mempunyai dasar khusus terhadap mana-mana negara tertentu.

(c) Kerajaan adalah mengambil langkah-langkah positif untuk mengawal kemasukan pendatang-pendatang haram tidak kira dari mana mereka itu datang, di antaranya adalah seperti berikut:

(i) dengan mempertingkatkan kawalan sempadan dan perairan bagi mengelakkan mereka diseludup atau menyeludup masuk ke negara ini;

(ii) dengan memperketatkan kawalan pintu-pintu masuk bagi mengesan mereka yang cuba menyeludup masuk secara haram;

(iii) dengan memperkemas dan mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan dengan cara menjalankan pemeriksaan mengejut dan mengesan terhadap orang-orang yang disyaki memasuki negara ini secara haram; dan

(iv) dengan cara mendakwa, mengenakan hukuman dan mengusir mereka yang bersalah di bawah Akta Imigresen 1963.

BANDAR SIBU—KEPESATAN PEMBANGUNAN EKONOMI

53. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

(a) adakah beliau sedar bahawa pembangunan ekonomi dari sektor swasta di Sg. Bidut Barat Bandar Sibu sangat aktif dan cepat dan feri yang sedia ada sangat kecil serta masa menunggu perkhidmatan feri

mengambil masa sehingga 3 ke 4 jam dan kesibukan selalu berlaku; dan

(b) dapatkah beliau mempertimbangkan untuk membina sebuah jambatan menyambung Sibu serta Sg. Bidut yang mana adalah sebagai langkah untuk mengembang Bandar Sibu terhadap objektif untuk menjadikan kawasan luar bandar kepada kawasan bandar di bahagian barat Sibu.

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:

(a) Kerajaan sedar tentang pembangunan ekonomi dari sektor swasta di Sg. Bidut Barat Bandar Sibu sangat aktif dan cepat. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Kerja Raya telah menyediakan sebuah feri untuk memberi perkhidmatan di Upper Lanang ke Sibu di Sungai Rejang. Perkhidmatan feri ini akan membantu mengurangkan kesesakan penggunaan feri di Sungai Bidut.

(b) Pada masa ini dalam Rancangan Malaysia Keenam (RM6) tiada rancangan untuk membina jambatan yang menghubungkan Sibu dengan Sungai Bidut. Kerajaan akan menimbangkan selepas RM6.

RAMPASAN PITA VIDEO LUCAH DI PULAU PINANG—SIASATAN

54. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk memberitahu identiti ahli politik yang terlibat dengan 22 pita video lucah yang dijumpai oleh Polis Pulau Pinang dan anggota-anggota dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada 25hb Jun, 1992 di pusat video Lebuh Bishop, Pulau Pinang. Jika tidak, beri sebab-sebabnya.

Tuan Ong Ka Ting: Siasatan terhadap kes ini belum selesai lagi dan ianya masih sedang dijalankan oleh pihak Polis. Oleh yang demikian, Kerajaan tiada dapat memberitahu apakah hasil daripada siasatan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pita video lucah yang telah dirampas dalam kes tersebut ialah sebanyak 3 buah sahaja dan bukannya 22 buah sepertimana yang didakwa.

AKTA BURUH 1969—PERLUASAN KE SABAH DAN SARAWAK

55. Tuan Harrison Ngau Laing minta Menteri Sumber Manusia menyatakan hasil perundingan antara Kementerian beliau dengan Wakil Kerajaan Negeri Sabah dan Wakil Kerajaan Negeri Sarawak mengenai perluasan Akta Buruh 1969 ke kedua-dua negeri ini. Apakah pendirian kedua-dua negeri ini terhadap perkara tersebut dan apakah keputusan yang telah dicapai.

Dato' M. Mahalingam: Atas hasrat untuk memperluas serta menyeragamkan peruntukan Akta Kerja 1955 ke Negeri Sabah dan Sarawak, Kementerian Sumber Manusia telah mengadakan beberapa rundingan dengan kedua-dua Kerajaan Negeri berkenaan semenjak tahun 1984 lagi. Kementerian Sumber Manusia ingin memperluaskan Akta Kerja 1955 ke Negeri Sabah dan Sarawak dengan mengambilkira keadaan-keadaan yang istimewa di kedua-dua negeri tersebut dan menyediakan perbekalan sewajarnya di dalam Akta Kerja 1955. Pihak Kerajaan Negeri Sabah dan Negeri Sarawak walau bagaimanapun sehingga akhir-akhir ini lebih cenderung untuk membuat pindaan ke atas Ordinan Buruh Negeri Sabah dan Negeri Sarawak untuk memasukkan perbekalan-perbekalan tertentu yang terdapat di dalam Akta Kerja 1955.

Kedua-dua pihak masih lagi mengkaji implikasi-implikasi yang mungkin

timbul daripada pendekatan-pendekatan yang dicadangkan oleh kedua-dua pihak, iaitu Kementerian Sumber Manusia dan Kerajaan Negeri Sabah serta Negeri Sarawak. Persetujuan yang dicapai kelak demi kepentingan suasana kerja dan ekonomi kedua-dua negeri tersebut, satu syor akan dikemukakan untuk pertimbangan Jemaah Menteri secepat mungkin.

PEJABAT SOCSO DI SARAWAK—BILANGAN

56. Tuan Harrison Ngau Laing minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

(a) berapa pejabat SOCSO yang telah ditubuh di seluruh negeri Sarawak. Berapa bilangan pegawai dan kakitangan yang bertugas dalam pejabat SOCSO di negeri ini;

(b) berapa kes-kes yang telah diterima untuk siasatan pihak SOCSO sejak SOCSO diperluaskan di Sarawak. Berapa jumlah kes yang telah disiasat dan jumlah tuntutan dibayar;

(c) sila beri jenis atau kategori industri dan angka-angka kes-kes yang dirujuk kepada SOCSO dari industri tersebut yang mempunyai kes dan tuntutan yang paling banyak sejak SOCSO dikuatkuasakan di Sarawak; dan

(d) adakah pihak SOCSO bercadang untuk menempatkan seorang pegawai di Marudi, Baram untuk memudahkan proses siasatan dan pembayaran terhadap tuntutan yang dibuat oleh penduduk tempatan yang masa kini terpaksa pergi jauh ke Pejabat SOCSO, di Miri yang mengakibatkan perbelanjaan yang besar khususnya bagi keluarga mereka yang cedera parah dan yang meninggal dunia akibat kemalangan di tempat dan pada waktu mereka bekerja. Jika tidak, mengapa.

Dato' M. Mahalingam:

(a) Sehingga ini 7 Pejabat Tempatan telah dibuka di Sarawak iaitu di Kuching, Sri Aman, Sarikei, Kapit, Miri dan Bintulu. Buat masa sekarang seramai 14 orang Pegawai dan 17 orang Pegawai Kerani termasuk Jurutaip dan Pembantu Am Rendah telah ditempatkan di Sarawak.

(b) Bilangan kemalangan yang dilaporkan sejak SOCSO diperluaskan ke Sarawak:

1987	—	3,927
1988	—	5,326
1989	—	6,116
1990	—	8,074
1991	—	8,489

Jumlah tuntutan dibayar di negeri Sarawak:

1989	—	$1,112,842
1990	—	$1,566,602
1991	—	$1,682,924

(c) Pada masa ini tiada perjenisan industri mengikut Pejabat Tempatan atau Negeri. Walau bagaimanapun, pihak SOCSO mempunyai maklumat terperinci mengenai kemalangan mengikut industri pecahan 3 kod klasifikasi untuk seluruh Malaysia. Maklumat ini adalah dikepilkan bersama soalan-soalan berikut.

(d) Berhubung dengan penempatan seorang Pegawai di Marudi dan Baram, pihak PERKESO sedang mengkaji akan kedudukannya dan akan membuat keputusannya sedikit masa lagi.

TANAH DI MUKIM TANGOK, BACHOK BAGI AKADEMI ISLAM UNIVERSITI MALAYA—KEDUDUKAN

57. Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak minta Menteri Pendidikan

menyatakan tanah yang diambil balik di Mukim Tangok Bachok seluas 509.737 ekar pada tahun 1980 (diberi milik 1986 kepada KPTG) untuk tujuan Akademi Islam Universiti Malaya dan dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Kelima apakah kedudukan masa kini.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang telah diberi milik tanah seluas lebih kurang 509.872 ekar di Mukim Tangok, Bachok atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan pada tahun 1986. Walaupun pada cadangan awalnya tapak tersebut untuk pembinaan Akademi Islam Universiti Malaya, namun cadangan tersebut telah digantikan dengan projek-projek pendidikan yang lain dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Akademi Islam Universiti Malaya (AIUM) akan dibangunkan di kawasan kampus UM di Lembah Pantai, Kuala Lumpur dan bukan di Bachok, Kelantan, sebagaimana yang dicadangkan semasa Rancangan Malaysia Kelima dahulu. Perpindahan tapak ini adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar AIUM supaya dapat berinteraksi dengan pelajar-pelajar dari fakulti-fakulti lain di Universiti Malaya yang akan memberi faedah kepada kedua-dua belah pihak. Di samping itu juga, AIUM tidak akan merasa terasing dan tertinggal dari arus perkembangan dan pembangunan yang berlaku di kampus induk. Ia juga akan memudahkan pentadbiran dan pengawasan tenaga pengajar dan pelajar.

GADIS/WANITA HILANG—BILANGAN KES

58. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan di antara tiap-tiap tahun 1986 hingga sekarang:

(a) bilangan gadis dan wanita yang dilaporkan hilang;

(b) jumlah mereka yang dicari balik dan jumlah yang didapati terlibat dalam kegiatan maksiat;

(c) bilangan baruah (pimps) yang didakwa dan didapati bersalah serta apakah hukuman yang berat sekali dikenakan;

(d) sebutkan peruntukan undang-undang serta hukumannya ke atas baruah; dan

(e) adakah pihak Kerajaan bersedia menambah hukuman serta mengenakan hukuman mandatori satu tahun.

Tuan Ong Ka Ting:

(a) Antara tahun 1986 hingga Jun 1992, seramai 10,903 orang gadis dan wanita telah dilaporkan hilang.

(b) Daripada jumlah yang hilang, hanya 2,945 orang sahaja telah dapat dikesan atau dijumpai semula. 34 orang yang dijumpai semula ini didapati telah terlibat dengan kegiatan pelacuran.

(c) Bilangan baruah (pimps) yang ditangkap ialah seramai 103 orang. Setakat ini, hukuman yang paling berat sekali yang dikenakan ke atas baruah (pimps) ialah penjara selama 4 tahun.

(d) Seseorang yang hidup di atas pendapatan dari hasil pelacuran seseorang lain (baruah) adalah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 19(1) Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 106/1973 dan boleh apabila disabitkan dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi daripada 5 tahun atau denda tidak melebihi $10,000 atau penjara dan denda itu kedua-duanya. Jika seseorang yang disabitkan atas kesalahan yang sama bagi kali kedua atau kemudiannya, boleh dikenakan sebat selain daripada penjara.

(e) Kerajaan sentiasa mengkaji undang-undang yang sedia ada bersesuaian dengan keperluan semasa. Undang-undang yang sedia ada adalah luas dan mencukupi untuk mendakwa mereka yang terlibat sama ada "pimps" atau penganjur pelacuran di bawah Kanun Keseksaan, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 106/1973 atau tindakan pencegahan di bawah Enakmen Kediaman Terhad. Masalah yang dihadapi sekarang ialah pendakwaan tidak akan dapat dilaksanakan jika gadis itu sendiri enggan tampil ke hadapan mendedahkan kegiatan "pimps" itu dan seterusnya sedia memberi keterangan di mahkamah terhadap "pimps" itu.

Kerapkali gadis (mangsa) itu jika pada mulanya memberi kerjasama mereka kepada pihak berkuasa enggan memberi keterangan di mahkamah terbuka disebabkan implikasi moral dirinya serta keluarganya. Dari itu masalahnya bukan dari segi undang-undang atau hukumannya, tetapi kerjasama dan kerelaan gadis-gadis yang berkenaan untuk teruskan pendakwaan adalah lebih berkesan.

ADUAN KEPADA BADAN PENCEGAH RASUAH—JUMLAH

59. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah aduan yang telah dibuat kepada BPR mengikut negeri-negeri dari tahun 1980 hingga ke pengaduan terakhir.

Sila berikan butiran terperinci khusus untuk negeri Terengganu dari segi:

(a) latar belakang kes-kes yang dikemukakan;

(b) berapakah jumlah yang telah diambil tindakan selanjutnya dan apakah hasil yang telah diperolehi; dan

(c) berapakah jumlah yang masih di dalam penyiasatan dan tahap mana ianya berada sekarang.

Tuan Othman bin Abdul: Menjawab soalan pertama daripada Ahli Yang Berhormat berkenaan, berikut dihuraikan perangkaan tentang jumlah aduan dan maklumat yang telah diterima oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR) mengikut negeri dari tahun 1980 hingga 30 Jun 1992:

Negeri	*Bil. Aduan dan Maklumat*
1. Perlis	1,212
2. Kedah	5,038
3. Pulau Pinang	4,953
4. Perak	9,064
5. Selangor	4,037
6. Negeri Sembilan	4,125
7. Melaka	3,600
8. Johor	7,885
9. Pahang	4,528
10. Terengganu	3,096
11. Kelantan	4,481
12. Sarawak	4,925
13. Sabah	6,065
14. Wilayah Persekutuan	3,448
15. Ibu Pejabat	28,395
Jumlah Besar	94,852

Bagi negeri Terengganu, daripada sejumlah 3,096 aduan dan maklumat yang telah diterima itu, sebanyak 1,947 telah diambil tindakan siasatan dan seramai 48 orang telah ditangkap. Bilangan yang masih dalam siasatan ialah sebanyak 147 kes.

Latar belakang kes-kes serta tahap siasatan yang sedang dijalankan tidak dapat dijelaskan memandangkan ianya masih bertaraf rahsia. Tambahan lagi maklumat dan aduan belum lagi ditentukan kesahihannya sehinggalah selesai siasatan.

LEMBAGA KEMAJUAN BINTULU—MENUBUHKAN KILANG PERUSAHAAN MAKANAN

60. Tuan Wong Sing Nang minta Menteri Kesihatan menyatakan:

(a) sama ada Kementerian sedar bahawa BDA (Bintulu Development Authority) akan membina Kilang Perusahaan Makanan di Kemana, Bintulu;

(b) kita sedia maklum bahawa terdapat banyak kilang berasaskan kayu ditubuhkan di Kemana, Bintulu. Sekiranya Kilang Perusahaan Makanan tersebut dibina di Kemana, bagaimana Kementerian dapat memastikan makanan yang dihasilkan itu tidak tercemar; dan

(c) jumlah peruntukan oleh Kementerian yang disalurkan kepada Kementerian Kesihatan Sarawak pada tahun 1991 dan 1992.

Dato' K. Kumaran:

(a) Pihak Lembaga Kemajuan Bintulu atau BDA sebenarnya tidak mempunyai sebarang rancangan untuk membina kilang perusahaan makanan di Kemana, oleh kerana kawasan 'estet Perindustrian Kemana' adalah dikhaskan untuk industri-industri yang berasaskan kayu-kayan sahaja. Sebaliknya pihak BDA telah mengenalpasti kawasan yang lain yang jauh dari estet Perindustrian Kemana untuk tujuan kilang perusahaan makanan. Walau bagaimanapun, kawasan ini masih di dalam peringkat kajian kemungkinan (feasibility studies).

(b) Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia akan memastikan makanan yang dikeluarkan dari mana-mana kilang tidak tercemar dan selamat untuk digunakan melalui penguatkuasaan Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985, dan semua pengendali mematuhi kod amali kebersihan makanan.

(c) Jumlah peruntukan bagi belanja mengurus Kementerian Kesihatan Malaysia yang disalurkan kepada Jabatan Kesihatan Sarawak ialah sebanyak $166,874,791 bagi tahun 1991 dan $169,001,943 bagi tahun 1992 dan ini tidak termasuk peruntukan pembangunan.

EAEC—KONSEP

61. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah akan terjadi dengan EAEC dan berapa buah negara yang telah memberi sokongan penuh. Apakah sikap Amerika Syarikat sekarang mengenai EAEC memandangkan bukan sahaja wujudnya EEC dan NAFTA, bahkan cadangan untuk mengadakan blok ekonomi Amerika Tengah. Dalam konteks AFTA di manakah terletaknya peranan EAEC.

27.7.92

3. Dr Nawawi bin Mat Awin minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan kedudukan sekarang rancangan menubuhkan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEC) dan namakan negara-negara yang setakat ini menyokong penubuhan:

(a) dari ASEAN; dan

(b) dari luar ASEAN.

Tuan Chua Jui Meng: Saya memohon izin memberi jawapan kepada soalan-soalan yang dikemukakan oleh Y.B. Dr Tan Seng Giaw dari Kepong pada hari ini dan Y.B. Dr Nawawi bin

Mat Awin dari Tambun pada 27 Julai 1992, memandangkan kedua-dua soalan tersebut adalah berkaitan dengan East Asia Economic Caucus (EAEC).

Konsep EAEC telahpun dirundingkan di kalangan negara-negara ASEAN semasa Sidang Kemuncak ASEAN di Singapura pada bulan Januari, 1992. Di Sidang tersebut, Ketua-ketua Negara ASEAN telah bersetuju bahawa perbincangan berhubung dengan isu-isu kepentingan bersama, apabila perlu, seperti yang dihasratkan oleh EAEC, akan menyumbang terhadap meningkatkan kerjasama di kalangan negara-negara serantau dan menggalakkan perkembangan sistem perdagangan antarabangsa yang bebas dan terbuka.

Sebagai susulan kepada keputusan Sidang Kemuncak ASEAN itu, Pegawai-pegawai Kanan ASEAN telah bermesyuarat pada 19 Julai, 1992 dan memutuskan supaya Setiausaha Agung ASEAN menyediakan laporan lengkap yang akan juga menghuraikan pendekatan-pendekatan untuk pelaksanaan EAEC. Pegawai-pegawai Kanan ASEAN dijangka akan bermesyuarat pada awal tahun depan untuk membincangkan laporan Setiausaha Agung ASEAN tersebut.

Kerjasama serantau di kalangan sekumpulan negara pada kebiasaannya akan mengambil masa kerana melibatkan negara-negara yang mungkin akan mempunyai keutamaan semasa yang berlainan. Oleh yang demikian, konsep EAEC akan memerlukan masa untuk menjadikannya sebagai kenyataan. Apa yang penting adalah usaha terus dikendalikan ke arah menjadikan konsep itu sebagai kenyataan dan usaha ini sedang giat dikendalikan.

Beberapa negara di Asia Timur, termasuk Republik Rakyat China dan Vietnam, telahpun menyuarakan pendirian positif terhadap konsep EAEC. Bagi Jepun dan Republik Rakyat Korea pula, pendirian semasa mereka adalah didorong oleh kepentingan masing-masing dan sikap Amerika Syarikat yang merupakan rakan perdagangan penting bagi negara-negara tersebut.

Sikap Amerika Syarikat terhadap EAEC adalah disebabkan oleh salah tafsiran berhubung dengan konsep EAEC dan oleh yang demikian usaha akan diteruskan untuk menerangkan bahawa EAEC bukan bertujuan untuk menubuhkan blok perdagangan tetapi sebaliknya bertujuan untuk mengukuhkan sistem perdagangan bebas seperti yang termaktub di dalam, dengan izin, "General Agreement On Tariffs And Trade (GATT)".Negara-negara yang melaungkan perdagangan bebas tidak sepatutnya mempunyai asas sama sekali untuk meragukan penubuhan EAEC.

Tujuan utama AFTA (ASEAN Free Trade Area) adalah untuk menurunkan ataupun menghapuskan sekatan-sekatan perdagangan di kalangan negara-negara ASEAN dalam tempoh 15 tahun dan meningkatkan kerjasama serantau di bidang perdagangan. Di sebaliknya, EAEC adalah merupakan, dengan izin, "Caucus" yang bertujuan untuk membolehkan negara-negara di Asia Timur untuk membincang secara "informal" isu-isu kepentingan bersama yang melibatkan perdagangan antarabangsa dan ekonomi supaya menyumbangkan kepada peningkatan dalam pertumbuhan ekonomi rantau ini. Di samping itu, EAEC akan memberikan Asia Timur suara dan pengaruh yang lebih kuat dalam usaha untuk mengukuhkan sistem perdagangan bebas. Oleh yang demikian, tidak berlaku pertindihan di antara penubuhan AFTA dan EAEC.

SEKTOR PERKILANGAN— JENIS KEMAHIRAN

62. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

(a) jumlah pekerja dan jenis kemahiran yang perlu bagi menampung perkembangan sektor perkilangan pada hari ini; dan

(b) negeri-negeri yang menghadapi masalah kekurangan tenaga pekerja dan tindakan Kementerian bagi mengatasi masalah ini.

Dato' M. Mahalingam:

(a) Penggunaan teknologi baru di sektor perkilangan selaras dengan objektif dasar perindustrian telah meningkatkan permintaan bagi pekerja-pekerja profesional, teknikal dan pekerja-pekerja berkemahiran tinggi seperti Jurutera dalam bidang perisian (software), elektronik/elektrik, kimia, rekabentuk peralatan dan pengawalan, Juruanalisa Sistem serta Juruteknik dalam bidang elektronik/elektrik, mekanikal, 'electro mechanical', dan 'pneumatic instrumentation'. Bagi kategori pekerja mahir, keperluan adalah bagi jenis-jenis pekerjaan seperti pembuat alat dan acuan, pemesin berkemahiran tinggi, jurukimpal peringkat tinggi, 'computer numerically controlled programmes (CNC)' dan dalam bidang-bidang 'computer-aided design (CAD), computer-aided engineering (CAE) dan mechantronics'.

Penemuan dari kajian yang dijalankan oleh Kementerian Sumber Manusia pada awal tahun ini ke atas 1,420 syarikat menunjukkan sebanyak 714 syarikat di sektor perkilangan memerlukan seramai 18,034 pekerja. Dari jumlah ini, keperluan yang paling tinggi ialah bagi kumpulan pekerjaan pengeluaran (production workers) iaitu sebanyak 16,593 diikuti oleh kumpulan profesional dan teknikal (950 jawatan). Jenis-jenis pekerja profesional, teknikal dan mahir yang diperlukan adalah seperti Jurutera Elektrik dan Elektronik. Jurutera Mekanik, Pembantu Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Operator Pengeluaran, Tukang Jahit dan Penyulam, Pemasang Alat-alat Elektrik dan Elektronik, Operator Mesin Peralatan dan Pertukangan Kayu, Pembuat Barang-barang Getah dan Plastik, Jurugegas dan Pekerja Mesin Cetak.

(b) Dari kajian yang dijalankan oleh Kementerian Sumber Manusia adalah didapati negeri-negeri yang menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja ialah Negeri Selangor, Sabah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Johor dan Pulau Pinang. Penemuan ini menunjukkan masalah kekurangan pekerja yang dihadapi oleh majikan adalah ketara sekali di negeri-negeri yang mempunyai zon kawasan perindustrian yang besar dan telah wujud beberapa tahun. Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan telahpun:

(i) membenarkan sektor perkilangan dibuka secara selektif kepada pekerja asing berdasarkan merit sesuatu kes;

(ii) walaupun Kerajaan membenarkan pengambilan pekerja asing, usaha-usaha sedang terus dijalankan oleh Jabatan Tenaga

Rakyat untuk memobilisasi rakyat tempatan dari negeri-negeri dan kawasan-kawasan yang mempunyai lebihan tenaga kerja ke negeri dan kawasan-kawasan yang mengalami kekurangan tenaga kerja;

(iii) meningkatkan usaha-usaha untuk melatih rakyat tempatan dalam kemahiran-kemahiran yang diperlukan. Berhubung dengan latihan, langkah-langkah sedang diambil untuk melaksanakan perakuan-perakuan yang terkandung dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Latihan dan Pekerjaan. Antara perakuan-perakuan untuk menambah bekalan tenaga kerja mahir ialah penubuhan Tabung Pembangunan Tenaga Manusia untuk menggalakkan pihak swasta menjalankan program latihan bagi pekerja-pekerja, membaiki insentif-insentif latihan dan penubuhan pusat-pusat kemahiran yang khusus dengan penyertaan pihak swasta;

(iv) membuat seruan kepada pihak majikan untuk memperbaiki terma-terma dan syarat-syarat pekerjaan termasuk upah dan penyediaan kemudahan-kemudahan seperti pengangkutan, perumahan, pusat penjagaan kanak-kanak untuk menarik mobiliti tenaga kerja dari luar bandar dan mengekalkan pekerja yang ada;

(v) menaikkan had bekerja lebihmasa bagi seorang pekerja daripada 64 jam sebulan kepada 104 jam sebulan; dan

(vi) mengecualikan pemegang-pemegang kad pengenalan merah dan penduduk tetap lain daripada mendapat permit kerja di bawah Akta (Sekatan) Kerja 1968.

PEKERJA ASING TANPA IZIN—PENDAFTARAN

63. Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

(a) berapakah jumlah baki pekerja asing yang tidak berdaftar dengan berakhirnya tempoh pendaftaran pada 30.6.92 dan apakah tindakan yang telah diambil ke atas mereka yang tidak berdaftar;

(b) berapakah jumlah pekerja yang berjaya didaftarkan setakat 30.6.92 menurut kategori kerja yang dibenarkan; dan

(c) bagaimanakah kedudukan pekerja asing yang terlibat dalam sektor ternakan, kilang dan restoran.

Tuan Ong Ka Ting:

(a) Kerajaan tidak dapat mempastikan akan jumlah sebenar pekerja asing tanpa izin (PATI) yang belum mendaftar dengan Jabatan Imigresen Malaysia sehingga berakhirnya tempoh pendaftaran tersebut. Kerajaan sedang mengambil tindakan untuk mengesan dan menangkap mereka ini.

(b) Jumlah Pekerja Asing Tanpa Izin (PATI) yang telah didaftarkan sehingga 30-6-92 adalah seramai 353,739 orang iaitu 205,545 orang dari sektor binaan, 105,242 orang sektor perladangan dan 42,952 orang pembantu rumah.

(c) Bagi PATI yang bekerja di sektor perkilangan dan perkhidmatan seperti restoran dan pam minyak, seandainya majikan mereka telah melapor dengan Jabatan Imigresen Malaysia sebelum atau pada 30-6-92, Kerajaan akan mempertimbangkan permohonan mereka. Bagi mereka yang tidak melapor, tindakan mengikut undang-undang akan diambil.

SEKOLAH MENENGAH JIT SIN, BUKIT MERTAJAM—JUMLAH PERUNTUKAN

64. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pendidikan menyatakan:

(a) mengapa dalam jawapan bertulis beliau kepada pertanyaan mulut Ahli Parlimen Bukit Mertajam pada 11hb Mei, 1992 bercanggah dengan jawapan bertulis beliau kepada pertanyaan mulut Ahli Parlimen Bukit Mertajam pada 28hb November 1991 di mana dalam jawapan bertulis 28hb November 1991 beliau telah menyifat bahawa peruntukan sebanyak $2 juta kepada Sekolah Menengah Jit Sin, Bukit Mertajam sebenarnya merupakan peruntukan yang sangat besar berbanding dengan sekolah-sekolah lain, tetapi dalam jawapannya pada 11hb Mei 1992, beliau berkata pengumuman kelulusan sebanyak $2 juta itu oleh bekas Menteri Pendidikan pada 26-8-90 bertempat di Sekolah Menengah Jit Sin akan diberi secara berperingkat-peringkat kepada sekolah-sekolah yang ada;

(b) apakah sebenarnya dalam perkara ini, iaitu adakah Sekolah Menengah Jit Sin, Bukit Mertajam mendapat peruntukan $2 juta seperti apa yang telah diumumkan beberapa kali oleh Kementerian Pendidikan dan bekas Menteri Pendidikan dalam dan luar Dewan ini; dan

(c) adakah Menteri Kewangan pernah berbincang perkara ini dengan beliau, jika ya, sebutkan tarikh- tarikh dan isi kandungan dalam perbincangan itu.

Dr Fong Chan Onn:

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya tidak ada percanggahan jawapan yang diberikan sebagaimana didakwa. Jumlah yang dijanjikan adalah satu jumlah yang besar, oleh itu pembayarannya akan dibuat berperingkat-peringkat.

(b) Kementerian Pendidikan memang memberi perhatian ke atas pengumuman yang dibuat oleh bekas Yang Berhormat Menteri Pendidikan bagi membantu sekolah ini. Dalam hal ini, peruntukan sebanyak $250,000 telahpun diberi pada 25 Julai 1991. Dalam tahun berikutnya, iaitu pada 24 Jun 1992, sebanyak $250,000 lagi telahpun diberikan kepada sekolah ini sebagai memenuhi pengumuman bekas Yang Berhormat Menteri Pendidikan tersebut. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Kewangan juga telah mengeluarkan peruntukan (melalui cek) bernilai $250,000 menjadikan jumlah peruntukan kesemuanya $750,000.

(c) Pembayaran-pembayaran yang diberikan pada tarikh-tarikh yang tersebut di atas menunjukkan Kementerian Pendidikan mengambil berat akan perkara ini.

PENJENAYAH PERDAGANGAN—BILANGAN

65. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

(a) bilangan penjenayah perdagangan (pesalah jenayah kolar putih) yang telah dihukum sepanjang tahun 1991 dan 1992;

(b) apakah kadar kesalahan jenis ini semakin bertambah dan nyatakan faktor-faktor yang menyebabkan kadar pertambahannya; dan

(c) apakah Kerajaan mengenakan hukuman sebat mandatori, demi untuk membendung jenayah itu daripada berleluasa.

Tuan Ong Ka Ting:

(a) Bilangan penjenayah perdagangan (penjenayah kolar putih) yang telah dituduh di mahkamah bagi tahun 1991 ialah seramai 159 orang dan bagi tahun 1992 iaitu hingga bulan Mei ialah seramai 62 orang.

(b) Perangkaan bagi empat tahun yang lalu menunjukkan kadar kejadian jenayah ini telah menurun. Misalnya tahun 1988 mencatatkan 5,047 kes tetapi bagi tahun 1989 bilangannya telah menurun kepada 4,591 kes dan bagi tahun 1990 kepada 4,388 kes.

Penurunan ini adalah disebabkan pihak penguatkuasa undang-undang telah mula mengambil tindakan-tindakan ke atas penjenayah-penjenayah dengan lebih cekap dan lebih profesional.

(c) Cadangan untuk mengenakan hukuman sebat mandatori kepada penjenayah perdagangan adalah masih dalam kajian pihak Kerajaan.

KEMARAU DI SKIM MADA KEDAH/PERLIS—SEBAB UTAMA

66. Dr Kua Kia Soong minta Menteri Pertanian menyatakan:

(a) apakah sebab utama bagi krisis kemarau di skim-skim MADA di Kedah dan Perlis;

(b) bilakah Kerajaan mula menyedari tentang masalah ini;

(c) sama ada air dari empangan Muda dan Pedu digunakan bagi tujuan selain daripada mengairi sawah-sawah padi di dalam skim MADA;

(d) berapa banyakkah projek pembangunan dan pembalakan yang telah dijalankan di kawasan takungan air dua empangan tersebut dalam tempoh 5 tahun yang lepas; dan

(e) berapa banyakkah pengeluaran padi di kawasan Muda yang telah terjejas dalam tempoh 5 tahun yang lepas.

Dato' S. Subramaniam:

(a) Kekurangan bekalan air telah berlaku di dalam kawasan pengairan MADA, pada tahun-tahun 1978, 1983, 1984, 1987, 1991 dan 1992. Pada tahun-tahun tersebut kekurangan curahan hujan di kawasan MADA dan juga kawasan tadahan kolam takungan MUDA dan Pedu telah menjejas keupayaan bekalan air di dalam sistem pengairan kawasan MADA. Purata curahan hujan yang diterima adalah kurang daripada 2002 mm.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan ini, pengairan tanaman padi di kawasan MADA bergantung kepada tiga sumber utama seperti berikut:

(i) hujan di kawasan sawah—52.8%

(ii) kolam takungan MUDA dan Pedu—27.5%

(iii) aliran tidak terkawal (uncontrolled flow)—19.7%.

Untuk menjamin bekalan air yang mencukupi khususnya untuk tanaman luar musim, kolam takungan Muda dan Pedu mesti mempunyai takungan tidak kurang daripada 55% keupayaan takungan. Keupayaan takungan maksimum kedua-dua kolam tersebut ialah 185 juta meter padu bagi kolam Muda dan 1,047 juta meter padu bagi kolam Pedu. Apabila berlaku musim kemarau, lebih banyak air perlu dilepaskan dari kolam-kolam tersebut dan akibat daripada tindakan tersebut jumlah takungan air daripada kolam-kolam tersebut bertambah merosot. Keadaan ini akan menjadi lebih genting apabila musim kemarau berlarutan dan berturut-turut pada tahun berikutnya seperti yang berlaku pada tahun 1983, 1984, 1991 dan 1992.

(b) Masalah ini disedari sejak tahun 1975 lagi. Pada tahun 1974, buat kali pertamanya seluruh kawasan Muda dibekal air untuk tanaman padi dua kali setahun. Pada awal tahun, takungan di kedua-dua kolam berada di paras maksimum. Tetapi pada tahun 1975, apabila pengairan untuk tanaman Luar Musim pada tahun tersebut hendak dibuat, jumlah takungan yang ada tidak lagi berada di paras pada tahun yang sebelumnya.

(c) Air dari kedua-dua kolam takungan Muda dan Pedu turut digunakan untuk keperluan domestik dan industri. Jumlah yang digunakan adalah kecil, iaitu 85 juta gelen sehari dan tidak menjejaskan simpanan.

(d) Jumlah keluasan kawasan tadahan yang digunakan untuk aktiviti pembalakan ialah kira-kira 2,800 hektar. Kawasan ini adalah kecil jika dibandingkan dengan keluasan tadahan sebenar iaitu 98,400 ha bagi Muda dan 17,100 ha bagi Pedu.

(e) Pengeluaran padi dalam kawasan MADA antara tahun 1987 hingga 1991 adalah seperti di bawah. Maklumat ini menunjukkan pengeluaran padi daripada kawasan MADA mengalami fenomena biasa turun naik hasil keluaran pertanian. Jumlah perbezaan (kekurangan) hasil pengeluaran padi ialah sebanyak 102,000 tan metrik. Di samping kekurangan bekalan air, hasil pengeluaran juga terjejas disebabkan faktor-faktor lain termasuk serangan musuh perosak, penyakit dan sebagainya.

Tahun	*Jumlah Pengeluaran* (tan metrik)	*+/- (Perbezaan daripada tahun 1985)* (tan metrik)
1985 (tahun asas)	706,000	—
1987	590,000	-116,000
1988	636,000	- 70,000
1989	693,000	- 13,000
1990	784,000	+ 56,000
1991	747,000	+ 41,000
Jumlah Perbezaan		-102,000

ISU PULAU BATU PUTEH—HASIL RUNDINGAN

67. Tuan Haji Mohamad bin Sabu minta Menteri Luar Negeri menyatakan setakat manakah rundingan yang dijalankan antara Kerajaan Malaysia dan Singapura untuk menyelesaikan isu Pulau Batu Puteh, dan apakah Kerajaan bercadang untuk menggugurkan tuntutan ke atas Pulau Batu Puteh jika Singapura dapat membuktikan bahawa pulau itu menjadi miliknya.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Selaras dengan persetujuan kedua-dua negara, Kementerian Luar Negeri telah menyampaikan kepada Kerajaan Singapura pada 29 Jun 1992, satu memorandum mengandungi asas-asas dan dokumen-dokumen yang menyokong kes kedaulatan Malaysia ke atas Pulau tersebut. Memorandum ini adalah juga balasan kepada satu memorandum daripada Singapura yang telah disampaikan kepada Malaysia pada 17 Februari, 1992.

Pertukaran dokumen-dokumen oleh kedua-dua Kerajaan merupakan permulaan proses perundingan rasmi kedua-dua negara mengenai isu Pulau Batu Puteh. Rundingan rasmi akan diadakan di satu tarikh yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

UMAT ISLAM DI BOSNIA-HERZEGOVINA—BANTUAN

68. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Luar Negeri menyatakan setakat manakah usaha-usaha Kerajaan Malaysia terlibat dalam menyelesaikan banyak masalah yang dihadapi oleh umat Islam di Bosnia-Herzegovina dll. Dan apakah peranan Malaysia di Bangsa-bangsa Bersatu mengenai perkara yang sama.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Kerajaan Malaysia pada 4 Mei 1992 telah mengiktiraf kemerdekaan Republik Croatia, Slovenia dan Bosnia-Herzegovina. Pada 2 Jun 1992, Malaysia telah menyuarakan rasa bimbang dengan pertempuran yang terus berlaku, manakala usaha-usaha masyarakat antarabangsa bagi menghentikannya kurang berkesan. Malaysia turut menggesa Persekutuan Republik Yugoslavia supaya menghentikan tindakannya yang hanya akan menyebabkan lebih banyak kematian, kemusnahan harta benda dan meningkatkan lagi kesusahan orang-orang pelarian dan menggesa diundurkan semua tentera Serbia di Bosnia-Herzegovina.

Malaysia memperakukan Resolusi 752 (1992) dan mengenakan sekatan ekonomi terhadap Persekutuan Republik Yugoslavia dan akan bertindak selaras dengan masyarakat antarabangsa bagi mengenakan sekatan ini.

Malaysia juga memperakukan keputusan-keputusan yang dicapai di Sessi Luar Biasa Persidangan Menteri-Menteri Luar, OIC yang diadakan di Istanbul. Malaysia telah diwakili oleh Timbalan Menteri Luar Negeri di Persidangan tersebut.

Di peringkat hubungan dua-hala, Malaysia telah menurunkan taraf perwakilan kepada Kuasa Usaha dan membatalkan perlantikan Duta Besar Malaysia ke Belgrade. Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di Belgrade juga telah ditutup.

Malaysia juga telah memutuskan untuk tidak mengiktiraf Serbia dan Montenegro sebagai pewaris keanggotaan Persekutuan Republik Sosialis Yugoslavia di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan juga di Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM).

Malaysia juga telah menyokong usul menghantar tentera PBB bagi membuka Lapangan Terbang Sarajevo bagi membawa masuk bekalan peri-kemanusiaan.

BARANG TIRUAN DI PASARAN—TINDAKAN

69. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada sedar atau tidak bahawa barang tiruan masih banyak dijual yang tidak disahkan oleh SIRIM seperti ubat, minuman dan lain-lain. Jika sedar, apakah tindakan yang telah diambil.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 34 jenis barangan telah diwajibkan di bawah Skim Pengesahan SIRIM. Barangan-barangan ini adalah yang berkaitan dengan keselamatan elektrik, keselamatan pengangkutan jalan dan keselamatan pembakaran. Pengesahan SIRIM bagi barangan-barangan lain adalah secara sukarela dan SIRIM tidak melakukan pengesahan ke atas ubat-ubatan.

Kawalan ke atas semua barang tiruan adalah di bawah bidangkuasa Bahagian Penguatkuasaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Kementerian berkenaan akan mengkaji perkara yang dibangkitkan sekiranya terdapat bukti yang jelas mengenai barang tiruan.

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong): On a point of order—Peraturan Mesyuarat 9(3), Tuan Speaker, yang berbunyi dan saya baca:

> "Setiausaha hendaklah menyimpan peringatan-peringatan perjalanan mesyuarat Majlis dan peringatan perjalanan mesyuarat Jawatankuasa sebuah-buah Majlis; dan hendaklah menghantar satu salinan peringatan-peringatan itu kepada Ahli-ahli mesyuarat, pada hari esokannya, atau dengan seberapa segeranya selepas itu."

Nampaknya pada petang ini apa yang ada depan saya dan Ahli-ahli Yang Berhormat lain adalah Penyata Rasmi Parlimen bagi hari Selasa, 26 Mei 1992. Itu ada depan saya dan, saya ingat, semua Ahli-ahli lain.

Bagi apa yang terjadi kelmarin tidak ada, oleh kerana apa? Bolehkah saya dapat tahu, Tuan Yang di-Pertua? Tidak ada, siapa pun tidak ada.

Beberapa Ahli: Tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada? Baiklah, saya akan siasat, saya akan lihat. Barangkali mereka buat silap. Yang dihantarkan 26 Mei?

Tuan R. Karpal Singh: 26 Mei.

Tuan Yang di-Pertua: Barangkali menghantarkan yang silap. Mintalah, saya akan siasat supaya . . . .

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, ini perlu untuk berdebat yang akan datang sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dr Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Peraturan Mesyuarat 9(6) amatlah tepat kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli dari Jelutong yang berbunyi:

> "Setiausaha tertanggunglah ke atasnya menyimpan buku-buku Undi dan Perjalanan Mesyuarat, rekod-rekod, Rang Undang-undang dan lain-lain surat yang telah dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat dan ini hendaklah terbuka, boleh ditengok oleh ahli-ahli mesyuarat dan orang-orang lain mengikut apa-apa aturan yang dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua."

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa operative word adalah "rekod-rekod" bukan papers seperti yang dibangkitkan oleh Ahli dari Jelutong tadi dan rekod-rekod atau, dalam bahasa Inggeris, records, termasuk bukan sahaja papers. Kalau kita pergi ke Official Records Office di London atau di mana-mana office di seluruh dunia, rekod-rekod termasuk mikrofilem, microchips, audio tapes dan juga video tapes.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Peraturan Mesyuarat ini ditulis pada masa kolonialisme. Pada masa itu tidak ada video tape. Saya rasa pada masa ini persidangan Mesyuarat Dewan Rakyat di negara kita, kalaulah hendak masuk ke Wawasan 2020, mestilah direjuvenate oleh sebab apa yang dibangkitkan oleh

4041

Ahli Yang adalah unprecedented, saya harap satu ruling yang senafasnya" ... boleh dibuat dengan segera. Terima kasih.

Tuan Yang di Pertuan: Yang Berhormat, kalau sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat memikirkan dalam Peraturan Mesyuarat ini ada yang cacat atau patut dipinda, Ahli-ahli Yang Berhormat boleh mengeluarkan usul untuk meminda mana-mana peraturan yang difikirkan patut dipinda, bukannya Speaker Yang di-Pertua membuat ruling. Kita perlukan peraturan dalam Aturan Urusan Mesyuarat.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG HIBURAN (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR)

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bertajuk Suatu Akta untuk membuat peruntukan bagi pelesenan dan pengawalan hiburan dan tempat-tempat hiburan dan perkara-perkara yang berkampingan dengannya, dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri. Undang-undang; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang Kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH-MAHKAMAH ANAK NEGERI (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bertajuk Suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah-Mahkamah Anak Negeri (Bidang Kuasa Jenayah) 1991; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Undang-undang; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (29hb Julai, 1992)

Tuan Yang di Pertua: Yang Berhormat Parit Sulong, sila sambung.

3.42 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Di dalam membahaskan Rang Undang-undang ini, izinkan saya 'recap' kembali kepada apa yang saya katakan semalam bahawa sewaktu mendengar perbahasan yang panjang lebar selama lebih kurang satu jam, ramai di kalangan kami yang merasa sedih dan pedih, oleh kerana di dalam perbahasan semalam banyak perkara-perkara, perkataan perkataan yang menyang, dengan izin, unparliamentary dilemparkan kepada pemimpin-pemimpin Kerajaan Adapun kadar yang mengatakan kononnya pemimpin-pemimpin Kerajaan cerdik, bijaksana dan sebagainya. Perkataan perkataan ini pada saya, Tuan Yang di-Pertua, adalah perkataan-perkataan kalau mengikut bepatah Melayu, adalah perkataan Uladap didatangkan oleh orang yang kononnya mencari keseksamaan di dalam Dewan ini. Di dalam Dewan Rakyat, kita sama-sama mencari keseksamaan, mencari kebijakan untuk memperjuangkan rakyat jelata, untuk mencari kejernihan. Tetapi dengan menggunakan perkataan-perkataan yang sedemikian, ini adalah satu refleksi daripada satu perasaan bahawa di dalam mencari keseksamaan . . .

Tuan K. Karpal Singh: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia minta penjelasan.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, Yang Berhormat dari Parit Sulong ada menyatakan tadi perkataan "binatang" dan "celaka" adalah digunakan atas pemimpin-pemimpin Kerajaan. Saya ada gunakan perkataan "binatang" atas D.P. Vijandran yang bukan pemimpin dalam Kerajaan. Adakah dia pemimpin sekarang dalam Kerajaan? Oleh itu saya ada kata dengan justifikasi, jikalau Tuan Speaker melihat apa yang ada dalam pita video itu, dia "binatang"—ada justifikasi.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih oleh kerana, dengan izin, my learned friend telah menghukum. Sebagai seorang peguam dia selalu mengetahui bahawa seorang itu tidak boleh dicondemn unheard, tidak boleh dijatuhkan hukuman sebelum orang itu dibuktikan kesalahannya.

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak bagi jalan atau tidak?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya rasa izinkan saya terus.

Tuan Yang di-Pertua: Dia hendak teruskan Jelutong. Yang Berhormat Jelutong . . . .

Tuan R. Karpal Singh: Yang dicondemn . . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong, sila duduk.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Oleh kerana walau apa pun yang dilakukan, untuk menggelar seorang manusia yang lain sebagai binatang, saya mempersoalkan kewarasan orang yang menggunakan perkataan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya mempersoalkan kewarasan orang yang memanggil seorang Hamba Allah sebagai 'binatang'.

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak bagi jalan atau tidak?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Sit down.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tak bagi. Dia tak beri jalan. Sila teruskan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, mengapa dibawa ke dalam Dewan ini satu drama yang distagekan, yang dipentaskan untuk mencari satu publisiti murah, jika beliau sebagai seorang peguam mengetahui apakah tugas yang harus dijalankan.

Tuan R. Karpal Singh: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Minta penjelasan. Hendak bagi atau tidak?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Duduk dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong, dia tak bagi jalan.

Tuan R. Karpal Singh: *(Menyampul.)*

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Bagi saya habis dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong, dia tak bagi. Ini Peraturan Mesyuarat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Sebagai seorang peguam, saya diberitahu, apabila mendapat tahu ada

satu perkara yang boleh dibawa ke pengetahuan awam, bawa, serahkan kepada pihak Polis sebagaimana yang diberi contoh oleh rakan sahabat Angkatan Perpaduan Ummah daripada PAS yang telah menyerahkan satu pita video yang kononnya incriminating kepada pihak Polis ....

Tuan R. Karpal Singh: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia minta jalan, Yang Berhormat. Hendak bagi jalan atau tidak?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Silakan duduk.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak bagi jalan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya tidak mahu memanggil Yang Berhormat daripada Jelutong sebagai "boy" sebagaimana yang telah digelarkan kepada seorang Timbalan Menteri semalam.

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan. *(Ketawa)*

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Silakan duduk. Mengapa tidak diambil contoh atas semangat Gagasan Rakyat, diambil contoh daripada PAS di mana sahabat saya di dalam APU telah menyerahkan pita video yang kononnya didakwa mengandungi "binatang" itu kepada pihak Polis? Mengapa harus didramakan di dalam Dewan ini?

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak bagi jalan atau tidak?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya rasa Tuan Yang di-Pertua jangan izinkan dia ganggu saya.

Tuan R. Karpal Singh: *(Menyampuk)*

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Duduk dulu. Sekarang saya ingin mempersoalkan moral integrety. Sebagaimana yang saya katakan semalam, saya ingin bertanya kepada Parti DAP. Di manakah ukuran moral Parti DAP pada hari ini? *(Tepuk)* Saudara semua, seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat DAP datang ke dalam Dewan dengan memakai pembalut tangan ataupun arm-band, apakah yang ditangisi? Adakah menangisi ketiadaan saudara Ketua Pembangkang? Kenapa tidak semua pihak pembangkang menangisi ketiadaan Ketua Pembangkang. Tidakkah itu suatu persoalan bahawa Pembangkang tidak berpadu? Mengapa hanya DAP? Bukan DAP sahaja pembangkang dalam Dewan ini. Mengapa tidak ada perpaduan? Tidakkah ini bermakna perkara yang dilakukan ini kemungkinannya memberi refleksi dan gambaran bahawa DAP tidak mendapat restu keseluruh parti Pembangkang? *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua, saya amat dukacita dengan apa yang telah dibentangkan semalam dan sehari sebelum Dewan ini ditangguhkan pada 26hb Mei, 1992 pada sessi yang lalu. Hari ini kebetulan berada di depan kita, *Hansard* ataupun perjalanan mesyuarat pada 26hb Mei, 1992. Sila rujuk kepada mukasurat 26. Di situlah letaknya punca mengapa Ketua Pembangkang tidak diizinkan masuk ke dalam Dewan. Bukan oleh kerana beliau berada di sini menjaguhi kaum India menerusi kononnya apa yang dikatakan pergolakan MAIKA Holdings. Ketua Pembangkang tidak hadir di dalam Dewan hari ini adalah menerusi hukuman usul yang tertera di dalam mukasurat 26, *Hansard* pada 26hb Mei, 1992. Jangan diputarbelitkan fakta ini. Jangan cuba merayu simpati orang-orang yang innocent di luar. Jangan diputarbelitkan pemikiran rakyat. Jangan diracuni fikiran the innocent people, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. *(Tepuk)*

Oleh kerana, Tuan Yang di-Pertua, tindak-tanduk yang dilakukan oleh Ketua Pembangkang yang hari ini sedang ditangisi, walaupun tidak berpadu oleh seluruh parti Pembangkang dalam Dewan ini, adalah refleksi . . . .

Tuan R. Karpal Singh: *(Bangun)*

Tuan Ahmad bin Nor: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Sebentar.

Tuan Ahmad bin Nor: Point of order.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Silakan duduk.

Tuan Ahmad bin Nor: Point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk. Ada point of order di sini.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat dari Parit Sulong hendak bercakap bertentangan dengan 36(1), nanti kita akan juga bertindak demikian. Perkara ini tidak ada berkaitan dengan tajuk yang kita bincang sekarang. Saya minta Tuan Yang di-Pertua memberhentikan ucapan demikian.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya berbincang mengenai mencari kesaksamaan menerusi Rang Undang-undang yang diketengahkan, iaitu meminda Akta Syarikat.

Tuan Ahmad bin Nor: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bayan Baru, sekejap. Biarlah dia diberi jalan dulu.

Tuan Ahmad bin Nor: 36(1).

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dulu! Nanti dulu!

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Kita berada dalam Dewan ini membincangkan Akta Syarikat (Pindaan) 65 untuk memberi kesaksamaan kepada konsumer. Itu salah satu daripada topic yang paling besar. Sebagaimana saudara dari Jelutong semalam mempersoalkan mengenai moral integrity pengarah, beliau boleh berjalan selama 45 minit di dalam Dewan ini melilau sepanjang jalan, *(Tepuk)* mengapakah kalau pihak kami berbuat demikian maka kami yang silap? Saya mengatakan di dalam mencari kesaksamaan, Tuan Yang di-Pertua, banyak caranya, banyak jalannya. Ada menggunakan cara yang kotor, ada yang menggunakan muncung senapang untuk mencari keadilan kononnya. Ada yang menggunakan ekstremisme, ada yang menggunakan chauvisime. Ada yang meracuni rakyat yang innocent. Dan kami daripada Barisan Nasional mencari kesaksamaan menerusi perundingan secara demokratik.

Tuan Ahmad bin Nor: Minta jalan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Silakan duduk.

Tuan Ahmad bin Nor: Point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia tidak cakap apa mengenainya. Dia cari kesaksamaan sahaja. Apa yang dicakap tadi, biarlah.

Tuan Ahmad bin Nor: Dia sudah cakap 45 minit lebih.

Tuan Yang di-Pertua: Apa yang dicakap oleh dia. Biarlah. Yang saya dengar kelmarin di sebelah sana, di sebelah sini bagaimana? *(Tepuk)* Biarlah. Kita adil. *(Mengganggu)* Yang Berhormat dari Bayan Baru, sila duduk. Sila teruskan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Nampaknya pihak Pembangkang telah termasuk dalam perangkapnya sendiri. *(Tepuk)*

Seorang Ahli: Beri jalanlah.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Kita berada di dalam Dewan yang mulia untuk mencari kesaksamaan (justice). Di dalam memberi kesaksamaan kepada konsumer, umpamanya.

Tuan R. Karpal Singh: *(Bangun)*

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Silakan duduk. Jangan ceroboh saya sehingga ke peringkat memanggil Yang Berhormat dari Jelutong sebagai "boy".

Tuan R. Karpal Singh: Hendak minta jalan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Silakan duduk.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong, dia tidak beri jalan. Sudahlah.

Tuan R. Karpal Singh: 36(1), point of order.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Apakah 36(1)?

Tuan Yang di-Pertua: Point of order, ya.

Seorang Ahli: Duduklah.

Tuan R. Karpal Singh: Apa kaitan ucapan itu dengan tajuk, Tuan Yang di Pertua. Tuan Speaker tadi kata apa yang jadi kelmarin di sini "two wrongs do not make a right" sebagai orang hakim. Tuan Speaker, two wrongs make a right. Oleh kerana kelmarin ada salah, hari ini pun boleh bersalah. Apa justice ini?

Tuan Yang di-Pertua: Kalau kelmarin sebelah sini bersalah, di sana pun tidak boleh bersalah.

Tuan R. Karpal Singh: Biar dia bersalah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk. Yang Berhormat dari Parit Sulong . . . .

Tuan R. Karpal Singh: Itu justice melalui Tuan Speaker sebagai orang tengah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong . . . .

Tuan R. Karpal Singh: Orang tengah tidak boleh campur tangan.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong, sila duduk.

Tuan R. Karpal Singh: You must be fair.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila duduk.

Tuan R. Karpal Singh: As a former judge.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk, sila duduk.Yang Berhormat dari Jelutong, jika tidak mahu duduk saya minta Yang Berhormat keluar daripada Dewan ini.

Seorang Ahli: Yes. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk!

Tuan R. Karpal Singh: Boleh duduk tetapi what we want is justice.

Tuan Yang di-Pertua: Ya!

Tuan R. Karpal Singh: Two wrongs make a right, Tuan Speaker.

Seorang Ahli: Sit down!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat . . . .

Tuan R. Karpal Singh: I will sit down, don't worry. Two wrongs make a right.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk. Yang Berhormat dari Parit Sulong, silalah berucap di atas tajuk.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi sebelum saya masuk kepada tajuk, saya ingin bertanya, mengapakah tergamak pihak Pembangkang semalam menyuruh Timbalan Yang di-Pertua membakar Kerusi? Apa ertinya membakar Kerusi?

Tuan Lim Guan Eng: Point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Point of order, ya. Kelmarin dia ada yang . . . .

Tuan Lim Guan Eng: 36(1).

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya tahu 36(1).

Tuan Yang di-Pertua: Mengapa timbul perkara ini?

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa sekarang . . . .

Tuan Yang di-Pertua: Apa salahnya?

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, sekarang . . . .

Tuan Yang di-Pertua: Dengarlah. Dengarlah dia bercakap dulu.

Tuan Lim Guan Eng: Bukan. Peraturan Mesyuarat, saya harap Yang Berhormat dari Parit Sulong boleh patuh arahan yang dikeluarkan oleh Tuan Speaker. Dan Tuan Speaker telah meminta bahawa Yang Berhormat dari Parit Sulong supaya jangan keluar daripada tajuk dan jelas isu hendak bakar Kerusi ataupun tidak, tidak ada kaitan langsung dengan Akta Syarikat. So, jangan sebut di sini. Saya harap Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun bersetuju kata bakar Kerusi Speaker itu tidak bersangkut langsung dengan apa undang-undang di depan kita. Tetapi benda ini dikeluarkan oleh pihak sebelah parti Pembangkang. *(Tepuk)*

Tuan R. Karpal Singh: Itu bermakna two wrongs make it right. *(Diganggu)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, silalah.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya harap jangan ada sesiapa yang berani mengulangi cakap-cakap seperti itu lagi kerana Tuan Yang di-Pertua hadir di sini adalah atas pilihan kita. Kalau kita membakar Kerusi Yang di-Pertua bermakna kita membakar Dewan. Kalau kita membakar Dewan, ini bermakna kita membakar demokrasi yang diperjuangkan oleh semua pihak termasuk Pembangkang seluruhnya. *(Tepuk)*

Tuan R. Karpal Singh: *(Bangun)*

Tuan Lim Guan Eng: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, cukuplah, Yang Berhormat dari Parit Sulong. Sila teruskan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merujuk kepada beberapa peruntukan-peruntukan di dalam Rang Undang-undang ini di mana selalunya pihak DAP memang memutarbelitkannya. DAP memutarbelitkan banyak isu. Sewaktu terjadi peristiwa penyelewengan DTC, deposit-taking cooperatives dan sebagainya, ia menjadi champion. Hari ini apabila diketengahkan satu Rang Undang-undang untuk memberi pembelaan, untuk memberi kesaksamaan yang lebih kepada pemilik-pemilik, umpamanya pemilik-time-sharing apartment ataupun golf clubs dan sebagainya, ia menyelewengkan apa yang harus dibincangkan. Inilah sikap

DAP. Mengapa tidak bangun sebagai juara semalam dan mengatakan bahawa Kerajaan memang melakukan sesuatu perkara yang betul? Melakukan sesuatu yang sensitif kepada grievances kepada masalah yang dibangkitkan oleh pihak konsumer? Kerajaan sekarang ini aktif dalam bidang konsumerismenya, sensitif kepada kehendak dan tuntutan rakyat. Mengapa tidak disuarakan? Mengapa mencari diversion di dalam Dewan?

Tuan Yang di-Pertua, hanya satu perkara yang saya ingin menjelaskan di sini. Harapan saya ialah di dalam Kerajaan mengetengahkan Rang Undang-undang ini, khususnya memberi perlindungan kepada fenomena perniagaan yang baru, iaitu mengenai konsep time-sharing dan sebagainya, saya harap bidang konsumerisme juga harus digerakkan supaya kesedaran rakyat jelata akan menjadi lebih sensitif kepada perkara ini supaya tidak ada di antara mereka yang akan menjadi mangsa terhadap kecanggihan putarbelit yang mungkin akan dijalankan oleh pihak pengusaha syarikat-syarikat yang merupakan dan berdasarkan konsep time-sharing ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya takut apabila berlaku sesuatu kelak, pihak DAP yang akan menjadi champion dan menuduh kita tidak bertanggungjawab. Ini perkara yang pokok kepada saya. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu di sini, sejak Kerajaan mengesan dan mengenalpasti keaktifan ataupun kecergasan syarikat-syarikat yang berlandaskan konsep time-sharing ini, sudah atau tidak berlaku, pernah atau tidak berlaku penipuan, di mana rakyat yang telahpun membeli produk menerusi landasan time-sharing ini yang tertipu?

Seterusnya saya mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan yang nampaknya telah meningkatkan lagi penalti-penalti ataupun denda-denda dan juga hukuman-hukuman yang dikenakan terhadap pihak pengarah-pengarah syarikat yang dijangkakan akan menyeleweng. Perkara ini kepada saya adalah perkara yang pro aktif walaupun sebagai deterrent. Sedang kita melangkah ke alam perkembangan perniagaan dan perindustrian, saya rasa perkara ini memang wajar dilakukan sekarang sebelum kecanggihan alam perniagaan itu menimbulkan wabak wabak dan penyakit di masa yang akan datang. Saya harap perkara ini akan mendorong lebih banyak lagi para usahawan dan pelabur untuk datang ke negara ini.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Jerai.

4.01 ptg.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong pindaan kepada Akta Syarikat yang saya kira dibentangkan di Dewan yang mulia ini untuk kebaikan dan kesejahteraan masyarakat yang berada di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong sepenuhnya dari segi mempertingkatkan moral seseorang itu dalam memegang jawatan di dalam syarikat-syarikat. Sebelum itu, izinkan saya untuk menghuraikan sedikit tentang ketidakfahaman di dalam Dewan ini apabila kita membahaskan sesuatu usul. Apabila saya mengkaji balik sejarah Dewan Parlimen ini yang pada ketika dahulu pun kita mempunyai pihak-pihak Pembangkang dan kita akur kepada pihak-pihak Pembangkang yang begitu berdisiplin dan membangkang untuk membangunkan negara ini. Kalau kita kaji balik kita dapat melihat tokoh-tokoh Pembangkang seperti Tan Sri Dr Tan Chee Khoon, Encik Lee Lam Thye, Tan Sri Dato Asri daripada PAS dan juga mendiang Seenivasagam daripada PPP, Ipoh dahulu. Mereka Pembangkang, Ketua Pembangkang membangkang tetapi apa yang dibangkang di dalam

Dewan yang mulia ini adalah bangkangan untuk kebaikan sesuatu rancangan ataupun program-program yang akan dijalankan oleh Kerajaan. Tetapi bukan satu provocation di dalam Dewan ini semata-mata untuk memuaskan hati mereka itu.

Jadi, pada hari ini kita dapat lihat tokoh-tokoh Pembangkang yang saya kira begitu, dengan izin, childish, di dalam mereka membahaskan hujah-hujah mereka itu. Malah dengan kelulusan yang ada pada mereka itu mereka sepatutnya lebih arif dan tahu tentang menjalankan secara bentuk sistem di dalam Parlimen ini. Disebabkan oleh tingkahlaku yang begitu kurang manis dan begitu kurang sopan maka hari ini, kita dapat lihat tidak ada, hanya tiga empat orang pemerhati-pemerhati yang hadir di dalam Dewan yang mulia ini untuk melihat cara kita ataupun cara Parlimen ini dijalankan. Sedangkan dahulu kita dapat lihat rombongan demi rombongan hadir di dalam Dewan yang mulia ini untuk melihat wakil-wakil yang telah mereka amanahkan berada di dalam Dewan ini untuk membela nasib mereka. Tetapi pada hari ini ternyata pihak-pihak Pembangkang hanya inginkan kerusi tersebut semata-mata untuk kepentingan diri sendiri, semata-mata untuk memutar-belitkan benda-benda yang kita adakan di sini untuk kebaikan rakyat.

Malah penghormatan terhadap Dewan ini tidak ada langsung. Mereka ini saya kira rakyat di luar patut faham dan mengerti untuk menolak mereka di dalam pilihanraya yang akan datang supaya mereka ini sedar. Ini adalah moral-moral yang kita tidak mahu berlaku di dalam syarikat-syarikat di mana Akta pindaan ini berlaku.

Tuan Kerk Kim Hock: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Pasir Pinji bangun.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya tidak beri laluan. Saya faham di dalam ahli-ahli Pembangkang sendiripun mereka ini adalah ahli-ahli lembaga pengarah syarikat-syarikat. Ada juga menjadi peguam-peguam dan yang menjadi associates kepada perniagaan-perniagaan. Jadi, apabila mengaitkan dengan moral mereka sendiri dapat membuktikan pada hari ini bahawa rakyat yang telah memilih mereka itu adalah rakyat yang telah terpesong dan yang telah tersilap dengan propaganda yang telah dikeluarkan oleh parti-parti Pembangkang. Yang lebih mendukacitakan saya, PAS yang dasarnya memperjuangkan Islam konon, kelmarin sanggup memberi tohmahan dan fitnah mengatakan pergerakan wanita tidak bermoral. Fitnah dari segi Islam dosanya lebih besar daripada membunah. Balik rujuk kepada Tok Guru. Jangan tuduh orang yang bukan-bukan.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah moral ahli-ahli PAS yang melibatkan diri di dalam bidang perniagaan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Tumpat bangun. Hendak minta apa?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Hendak beri jalan atau tidak, Jerai?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Supaya biar dia buktikan.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya tidak beri laluan macam mana hendak minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya tidak beri! Saya tidak mahu menghabis atau membazirkan wang rakyat

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kalau tidak beri, teruskan. Tumpat sila duduk.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara seperti ini perlu kita perbaiki semula. Saya bukan datang di sini untuk merendah-rendahkan sesiapa. Kita adalah manusia yang dicipta oleh Allah S.W.T. yang kadang-kadang mempunyai serba kesilapan. Tetapi biar kesilapan itu kita pelajari dan kita perbetulkan. Biarlah Dewan ini menjadi satu Dewan yang mulia dan dihormati oleh orang-orang lain.

Baru-baru ini, kelmarin dan petang ini kita dapat melihat tawatan daripada ahli-ahli Parlimen dari Perancis. Mereka berada di sini dan mereka ingin melihat bagaimanakah sistem Parlimen kita di sini. Nasib baiklah kelakuan pada hari ini baik sedikit daripada kelmarin. Jadi, sekurang-kurangnya orang-orang Perancis ini balik mereka kata kita bagus. Kalau tidak dengan perangai seperti kelmarin amat memalukan. Inilah ahli-ahli lembaga pengarah yang ada di dalam syarikat-syarikat di mana moral-moral yang kita bincangkan kelmarin.

Tuan Wong Wing On: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kampar bangun.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ini ada point of order, nanti dahulu. Point of order yang ke berapa?

Tuan Wong Wing On: 36(1). Apa kena-mengena Akta Syarikat dengan Parlimen dan parti politik secara amnya. Tidak ada kaitan langsung. Buka baju boleh, tanda lucah boleh di Parlimen ini. Itukan menjaga kewibawaan Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, cukup jelas. Janganlah mengambil kesempatan. Yang Berhormat Jerai balik kepada tajuk.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Saya bercakap fasal moral sebab kelmarin pihak Pembangkang bercakap fasal moral yang melibatkan syarikat dan kita difahamkan ada ahli-ahli DAP yang berniaga. *(Meneruskan ucapan dengan bukan Bahasa Kebangsaan)*

Tuan Wong Wing On: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti dahulu. Kampar bangun lagi ini.

Tuan Wong Wing On: Itu tidak ada kaitan dengan Akta Syarikat. Bolehkah berikan secara spesifik siapa yang berniaga, syarikat apa dan apa kena-mengena dengan Akta ini? Siapa yang menjadi pengarah syarikat?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, kali ini saya tidak nampak ada kaitannya dengan Peraturan Mesyuarat 36(1). Cuma yang saya hairan perkataan yang disebutkan tadi. Itu bukan Bahasa Kebangsaan. *(Ketawa)*

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin saya minta sebab kadang-kadang mereka tidak faham apa yang saya cakapkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya pun tidak faham perkataan-perkataan macam itu.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Itu bahasa Hokkien sebab di sebelah Kedah bercakap bahasa Hokkien. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya mintalah kita semua Ahli-ahli Parlimen ini baikkan moral kita ini supaya bila moral kita ini baik maka rakyat akan memandang Dewan yang mulia ini dan Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan ataupun Pembangkang yang menjadi ahli lembaga pengarah syarikat mempunyai moral yang baik. Saya kira macam penganti Yang Berhormat daripada Tanjong pun dia seorang peguam yang berniaga dan menjadi ahli lembaga pengarah syarikat, patutlah dia mendisiplinkan diri. Janganlah pegang-pegang pen tunjuk kepada Tuan Yang di-Pertua. Dia ini saya kata dalam bahasa Melayu, kurang ajar.

Bahasa baik sedikit dia kata kurang sopan. Jadi, saya hendak guna Bahasa Melayu, kurang ajar. Jadi, kalau kita buat macam itu, kalau kita tidak menghormati Tuan Yang di-Pertua ataupun Timbalan Yang di-Pertua dan sebagainya macam mana kita hendak menjadi Ahli Lembaga Pengarah syarikat yang bermoral seperti yang dicadangkan kelmarin.

Jadi, kita jangan bergaduh dan bertengkar dan yang merugikan di atas pertelingkahan atau pertengkaran kita ini adalah rakyat. Setiap minit kita duduk di sini rakyat membayar duit kepada kita. Setiap langkah kaki kita datang daripada kawasan kita ke bangunan Parlimen yang mulia ini rakyat yang membelanjakan kita. Jadi kalau kita datang di sini kerana hendak bertengkar tentang perkara perkara yang tidak sepatutnya maka inilah dijadikan kita ini orang-orang yang tidak menunaikan janji-janji perkhidmatan kita kepada rakyat menerusi pilihanraya.

Jadi, initah saya minta pihak-pihak Pembangkang, DAP, PAS, S46—"sicaplak" dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. S46 itu "sicaplak", tambah "00" lagi ten big, ten small, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. *(Ketawa)* Ia hari Sabtu, hari Ahad adalah.

Ini pun kena jaga, Tuan Yang di-Pertua, kerana di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sebab jual nombor lebih kurang. Pada masa ini mereka tidak boleh buat apa, tikam nombor itulah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya harap kalau boleh kerana tadi Dato' Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan bahawa Malaysia ini ada mempunyai budaya yang unik. Budaya yang unik, lemah lembut budi-bahasa, sopan santun. Jadi kita kena gambarkan ini di dalam kita untuk menjadi ahli Lembaga Pengarah syarikat dan juga pembangkang. Jadi kita kena ada sikap sopan santun. Saya nampak ada ahli-ahli DAP yang baik. Macam doktor dari Kepong itu, sebab dia terkepong itu dia baiklah. Jadi ada dua tiga orang lagi. Bagus, jangan marah "min juak", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. "Wa cho kang, M.P." Jangan marah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, jangan lari dari tajuk ya

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Hendak jalan dah, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Jangan gunakan bahasa selain dari Bahasa Kebangsaan.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya minta izin, Tuan Yang di-Pertua, sebab mereka tidak berapa faham. Saya bercakap banyak kali dah kepada mereka, mereka tidak faham. Kalau ada bahasa Tamil saya boleh pun saya gagah semua. Tetapi bak Tamil sudah keluar dah. Kalau tidak saya guna bahasa Tamil sedikit beri mereka faham. Kalau mereka tidak faham, Tuan Yang di-Pertua, mereka duduk kacau Tuan

Yang di-Pertua. Kerusi hendak suruh bakar, hendak suruh Tuan Yang di-Pertua berdiri mana boleh, Ahli Parlimen duduk! *(Ketawa)*

Jadi sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, ini berkaitlah pasal moral kelmarin ini. Sebab semalam apabila saya tidur di bilik hotel, saya duduk fikir pasal moral. Fikir punya fikir sampai pagi tadi, selepas sembahyang Subuh saya fikir apa hendak cakap pasal moral. Inilah, Tuan Yang di-Pertua, kita duduk di sini, kelmarin saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta maaf sebab saya pun naik angin. Jadi bila mereka naik angin, kita naik ingin baru angin itu turun. Angin dengan angin berlaga, dia slow down dia turun!

Jadi, kalau hendak bentang sesuatu usul yang kita fikir usul itu boleh membawa sesuatu kebaikan kepada rakyat, kepada negara kita bawa elok-elok. Mengikut saluran dia, bentang usul itu. Ini tidak bermakna usul itu dikemukakan oleh pihak pembangkang . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Jerai . . . .

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini terlibat dengan Akta Syarikat, Tuan Yang di-Pertua, supaya moral-moral ini akan menjadi seorang Pengarah syarikat yang baik . . . .

Tuan Lim Guan Eng: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti dulu. Kota Melaka bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua . . . .

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Heh, jangan tunjuk tangan macam itu . . . .

Tuan Lim Guan Eng: Duduklah, duduk!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kota Melaka, tuju ke sini.

Tuan Lim Guan Eng: Diam! Minta dia duduk.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya tidak beri. You tunjuk macam itu, saya tidak beri.

Tuan Lim Guan Eng: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Point of order. Jerai sila duduk.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua boleh suruh saya duduk, jangan "hang ci ko", jangan suruh aku duduk.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya boleh beri arahan. Yang Berhormat dari Kota Melaka . . . .

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua suruh saya berdiri saya berdiri, suruh saya duduk, saya duduk.

Tuan Lim Guan Eng: Dia tidak duduk lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kota Melaka, point of order nombor berapa? Jerai, duduklah.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya duduk.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Duduklah.

Tuan Lim Guan Eng: 36(1). Saya rasa saya tidak payah jelaslah. Orang baru ini saya harap, Kerusi boleh beri tunjuk ajar sedikit kepada orang baru ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa berjalan dan kita balik kepada tajuk.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya akan balik kepada tajuk ....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya tidak nampak apa hubungkaitnya di antara angin dengan syarikat dan sebagainya. *(Ketawa)*

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, angin ini kena ada dalam badan manusia. Kalau dalam badan manusia tidak ada angin, macam mana? Ini puak DAP, puak PAS berniaga atas angin banyak ini, Tuan Yang di-Pertua. *(Ketawa)* Ini saya hendak beritahu, on the air, dengan izin.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, beginilah jangan kata "orang baru". Kalau orang baru pun kalau moral dia bagus tidak apa, lama pun kalau moral dia teruk, no good, dengan izin. Betul, Tuan Yang di-Pertua?

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah mulai dari hari ini seluruh Ahli-ahli Parlimen kita hari ini, Ahli-ahli Yang Berhormat; orang panggil kita "Yang Berhormat", kalau kita diberi teguran sebagai "Yang Berhormat" maka kita kenalah mendisiplinkan diri kita menjadi seorang wakil rakyat yang dihormati orang. Dan kalau kita mahu orang menghormati diri kita, kita kena menghormati orang itu. Tidak betulkah, Tuan Haji PAS? Ini ada dalam Islam, Yang Berhormat dari PAS ini faham, cuma mereka tidak mahu bercakap. Dia buat-buat tidak faham. $5,200 buat-buat tidak faham mana boleh! *(Ketawa)* Sebulan $5,200, Tuan Yang di-Pertua, jangan buat tidak faham ....

Tuan Kerk Kim Hock: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat..

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Kerajaan kerana membentangkan Akta Syarikat ini bagi memperkukuhkan sistem ....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti dulu, sabar. Pasir Pinji bangun.

Tuan Kerk Kim Hock: Peraturan 36(1) saya minta Tuan Yang di-Pertua menjalankan tugasnya minta dia berucap atas tajuk.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, saya faham, Tuan Yang di-Pertua, 36(1) "seseorang itu ...."

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya baru nampak Yang Berhormat Jerai baru hendak masuk tajuk. Jadi teruskanlah. Jangan pergi jauh-jauh sangat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, kita ini hendak buat apa pun kena main elok-elok lepas itu baru "ngam" masuk tajuk, baru dia seronok. Kita terus pergi kepada tajuk buat apa pun tidak syok, Tuan Yang di-Pertua. Tidak percaya tanya Yang Berhormat dari Jelutong, sebab dia besar daripada orang. *(Ketawa)* Baiklah, Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Saya balik kepada tajuk, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya kira Kementerian perlulah mengemaskinikan, pertama, sistem pentadbiran di dalam Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan mesti diwujudkan pejabat-pejabat di setiap negeri. Kerana pada hari ini kita dapati masalah-masalah syarikat-syarikat kadangkala untuk mendapat pengesahan daripada Kementerian itu sendiri memakan masa begitu lama. Ini mungkin disebabkan oleh perhubungan.

Kalau kita tengok di kawasan utara, orang Kedah dan Perlis terpaksa pergi ke Pulau Pinang dan ini akan menyulitkan mereka. Jadi saya syor dan saya cadangkan supaya Pejabat-pejabat Pendaftar Syarikat ini perlu diwujudkan

di setiap negeri. Dan pejabat-pejabat ini juga mesti diberi sistem komputer yang up-to-date. Tidak payah lagi kalau hendak cari fail, fail terpaksalah pergi cari fail bertingkat-tingkat. Fail banyak jadi lambat kerja itu. Tuan Yang di-Pertua, menyusahkan rakyat. Jadi itu kita tidak mahu. Biar kita bekerja lebih sedikit tetapi rakyat dapat kesenangan. Sebab kadang-kadang kita beri duit untuk hendak dapat benda-benda daripada jabatan Kerajaan. Jadi duit itu perlulah digunakan untuk mengemaskini atau up-to-date sistem di dalam pejabat-pejabat Pendaftar Syarikat ini.

Saya juga ingin mengesyorkan agar Kementerian memonitorkan syarikat-syarikat usaha sama yang menjalankan perniagaan mereka di dalam negara kita ini. Tidak saya nafikan kita memerlukan pelaburan-pelaburan daripada luar. Tetapi kita juga mesti memastikan bahawa pelaburan mereka itu tidak menguntungkan mereka lebih daripada menguntungkan kita.

Macam transfer of technology dan sebagainya itu perlu diadakan dan Kementerian perlu memonitorkan benda-benda macam ini. Kita dapat lihat, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang syarikat-syarikat yang besar hanya meletakkan seorang rakyat Malaysia atau bumiputera mengikut kuotanya sebagai Pengerusi untuk mempengerusikan mesyuarat sahaja. Bukan Pengerusi Eksekutif yang boleh memastikan pentadbiran atau perjalanan syarikat itu menguntungkan Kerajaan, menguntungkan rakyat Malaysia dan menguntungkan pekerja-pekerja daripada Malaysia.

Saya dapat laporan, umpamanya syarikat-syarikat gergasi atau besar seperti Nestle daripada Switzerland yang melabur di Malaysia ini, Tabung Haji ada memegang saham sedikit, Tabung Angkatan Tentera ada saham sedikit, Pengerusinya kita bubuh seorang bekas Jeneral, tetapi Jeneral itu tidak ada "senapang untuk menembak". Dia hanya duduk untuk mempengerusikan mesyuarat sahaja. Jika benar ini berlaku, maka syarikat itu ditadbirkan oleh orang luar dengan 100%. Pengerusi hanya diberi laporan ataupun minit-minit mesyuarat management dan Pengerusi bacalah yang itu dan itu sahajalah yang dia tahu. Dari segi penglibatan orang-orang tempatan, penglibatan rakyat Malaysia terutama sekali bumiputra di dalam syarikat-syarikat berkenaan amatlah berkurangan. Kalau kita tengok, orang-orang bumiputera memang ada, tetapi sekadar jadi guard, jadi pemandu, jadi buruh. Yang executive posts, jawatan-jawatan yang ada kuasa itu tidak dimiliki oleh orang Malaysia ataupun bumiputera. Inilah perkara-perkara yang saya kira perlu Kementerian selidiki, jangan kita lepaskan mereka macam itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dahulu saya difahamkan kita ada unit penyertaan bumiputera di Kementerian Perdagangan dan Industri tetapi unit itu telah dimansuhkan. Apabila unit itu telah dimansuhkan, yang menanggung kesusahan dan kepayahan di dalam bidang perniagaan untuk menyahut dasar Kerajaan supaya orang-orang bumiputera melibatkan diri di dalam bidang perniagaan, kini orang-orang berniaga ini tidak mempunyai tempat untuk merayu. Dahulu unit inilah yang akan membimbing dan akan menasihati peniaga-peniaga dan juga syarikat-syarikat yang ingin melantik pengedar-pengedar, tetapi hari ini unit itu sudah tidak ada. Maka syarikat-syarikat besar yang melabur dalam negara kita ini bermaharajalela dan ikut suka hati mereka sahajalah siapa yang mereka hendak lantik, siapa yang mereka mahu jadi pengedar dan sebagainya. Ini sekali lagi merugikan rakyat Malaysia, merugikan kaum bumiputera yang ingin menyahut seruan Kerajaan supaya berniaga.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu yang ingin saya utarakan di sini ialah sistem 'Alibaba'. Di dalam Kongres Ekonomi Bumiputera yang ketiga, kita telah

bersetuju untuk mengadakan buka sistem 'Alibaba' tetapi sistem kongsi. Sistem kongsi bermakna, Ali dan Baba berkongsi atau, dengan izin, "Cho seng lee"—berniaga. Kementerian sekali lagi kena memastikan bahawa si Ali dan si Baba berniaga—"Cho seng lee", dengan izin. Kalau kita tidak monitor macam itu kadang-kadang si Baba tidur, si Ali buat kerja, kadang-kadang si Ali tidur, si Baba buat kerja. Kita mahu Ali dan Baba pakat-pakat buat kerja, barulah kita boleh membina satu negara Malaysia di mana di dalam skop bidang perniagaan kita ada satu kumpulan yang berusaha sama di dalam menyahut atau di dalam merebut peluang-peluang yang ada di dalam negara kita ini. Ini kadang-kadang Kementerian tidak dapat 'trace' atau tidak dapat kenalpasti, kerana kadangkala di dalam laporan kepada Pendaftar Syarikat dia menunjukkan bahawa si Ali pegang 70% dan si Baba pegang 30% tetapi keuntungannya si Baba 70%, si Ali 30%—itupun belum tentu. Kementerian kenalah tambah orang lagi dan saya minta Kementerian Kewangan bagi peruntukan lebih kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri ini supaya mereka dapat mengenalpasti dan monitorkan syarikat syarikat yang wujud di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga kena kenalpasti bahawa ada akauntan akauntan ini yang mendaftar syarikat sebagai share company untuk pendaftaran emergency. Inipun bahaya juga. Kadang-kadang badang-badan yang mengendalikan penubuhan syarikat syarikat ini, mereka ada 10 atau 20 syarikat spare, standby untuk sesiapa yang hendak beli. Beli pagi, petang boleh daftar, tukar nama dan sebagainya. Inipun Kementerian kena jaga supaya perkara-perkara seumpama ini jangan berlaku. Kalau berlaku, orang boleh buat overnight punya berniaga, hari ini berniaga esok tutup, lusa hilang. Yang akan menanggung penderitaan adalah orang yang terlibat dengan peniaga-peniaga ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyarankan agar Kementerian mewujudkan satu unit khidmat nasihat. Khidmat nasihat ini perlu kerana kadang-kadang orang-orang kampung pun teringin hendak berniaga. Mungkin Tuan Yang di-Pertua tidak berapa faham perkataan "teringin" ini. Teringin itu bermaksud berasa hendak berniaga tetapi dia tidak faham selok-belok syarikat ini—penubuhan syarikat, hendak kena buat laporan kepada Pendaftar Syarikat dan sebagainya. Yang mereka tahu mereka pergi bekerja dengan syarikat. Untuk syarikat perkongsian ini mereka daftar, bayar duit begitu begini, mereka berniaga. Kadang-kadang dia lupa hendak sambung pendaftaran, lupa hendak fail in akaun, lupa hendak fail in laporan income tax dan akhir-akhirnya kawan yang bawa modal $2,000 dari kampung kena denda $4,000—makan modal. Diharapkan Kementerian akan menolong dalam masalah ini, kerana perniagaan ini bukan kita hendak beri kepada orang bandar sahaja, orang luar bandar dan orang kampung pun hendak berniaga juga. Bagi saya, saya lebih menghormati orang yang menjaja di kakilima itu daripada orang yang berniaga atas angin ataupun berniaga skim Alibaba ini. Orang-orang luar bandar ini, mereka bawa botol kosong pun mereka boleh jual kepada orang—yang menjual di kakilima itu mereka ini pintar tetapi peluang tidak ada. Di kampung-kampung pula mereka berniaga di kedai kedai tetapi mereka tidak tahu sistem, undang-undang, Akta Syarikat ini. Kalau kita bagi buku undang-undang kepada mereka, mereka akan teriak mereka tidak boleh berniaga, mereka tidak faham.

Kalau boleh, Kementerian wujudkanlah satu unit bimbingan untuk masuk ke syarikat-syarikat bukan untuk mendenda tetapi untuk memberi bimbingan dan nasihat—umpamanya, "penyata ini cukup tiga bulan, cukup setahun kena hantar." Bila perkara-perkara ini telah kita lakukan, kita akan dapat melihat

ramai lagi orang-orang yang tidak faham tentang undang-undang tetapi mengerti berniaga. Saya hendak beri contoh, di Alor Setar—Pekan Rabu. Saya hendak cerita sedikit, Pekan Rabu ini asalnya orang-orang ini berniaga di kakilima-kakilima. Di Kuala Lumpur ini orang kata Sunday Market, dengan izin. Di sebelah sana kita kata Pekan Rabu, Pekan Khamis, Pekan Jumaat. Pekan Rabu ini asalnya menjual sayur di tepi-tepi jalan. Ini saya hendak cerita sedikitlah, zaman ini zaman Jepunlah, ini termasuklah, bukan 36(1). Dahulu-dahulu mereka pakat berniaga buat bumbung buruk, kemudian pakat kutip duit, berniaga, tetapi undang-undang mereka tidak tahu, tetapi mereka berniaga, pakai singlet, pakai kain. Orang kampung, kadang-kadang dia panas, dia singsing kain sampai lepas lutut, mereka berniaga-berniaga. Hari ini kalau Tuan Yang di-Pertua pergi ke Alor Setar, saya boleh tunjuk bangunan yang mereka dirikan yang tersergam indah. Asal daripada orang kampung yang tidak mengerti undang-undang tetapi mengerti berniaga, asal daripada menjual pucuk paku, jual air gamat, jual tongkat ali.Itupun banyak menolong orang-orang lama kita. Tongkat ali itu khasiatnya bagus—habis meja kerusi Tuan Yang di-Pertua diangkat begitu sahaja, itu saya ceritalah. Kalau Tuan Yang di-Pertua hendak saya boleh bawa satu botol, tetapi umur sekarang ini tidak payah makan, Tuan Yang di-Pertua—ini selingan, barangkali ada yang tidak faham.

Hari ini kita boleh lihat mereka ini berjaya dan anak-anak mereka pun ada yang sudah masuk universiti, ada yang jadi doktor, ada yang jadi lawyer dan jadi arkitek dan sebagainya. Inilah satu contoh yang saya ingin kemukakan di sini hari ini, kalau boleh Kementerian ini mengadakan satu unit khidmat bimbingan supaya dapat menasihati orang-orang yang ada berniaga ini daripada berniaga kecil, macam MARA sedang buatlah, Tuan Yang di-Pertua. MARA begitulah, daripada kecil diperbesar, diperbesar lama-lama pandai dan lepaskan. Kemudian ambil pula yang kecil, perbesar-perbesar dan kemudian lepaskan. Kalau kita biarkan mereka seperti itu, mereka berniaga bagus, semangat kuat, undang-undang tidak tahu, habis kena bayar denda sahaja, jadi kasihan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya kenal seorang Pak Long di kampung kena denda, dia datang menangis kepada Wakil Rakyat. Dia kata dia himpun duit hendak pergi ke Mekah. Oleh sebab dia silap, terlupa untuk hantar itu dan ini kepada Kementerian, dia kena denda. Duit yang hendak pergi ke Mekah itu, tidak jadi pergi. Kasihan dekat dia. Jadi, kalau boleh saya mintalah Kementerian tolong wujud unit ini supaya unit ini dapat menolong orang kampung ini. Tengok pihak Pembangkang, bila bercakap fasal Akta, hilang, tinggal tiga orang, yang baik-baik ini. Ini tidak apalah. PAS boleh tahan. Yang itu hilang terus. Yang bapa benggali pun hilang juga. Jadi, ini moral, Tuan Yang di-Pertua, kerana kita bercakap fasal moral.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat hendak bercakap panjang pun masa dekat saya sudah banyak. Tetapi satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya lupa. Kalau boleh, Kementerian buat juga "sport checks" ataupun lawatan muhibbah kepada syarikat-syarikat usahasama ini, syarikat yang besar yang masuk ke dalam negara kita ini. Kalau dia kata dia telah fulfil, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, telah memenuhi kuota 30% itu, pastikan bahawa 30% itu dipenuhi. Tengok betul-betul, panggil tunjuk yang mana ada 30% ini. Kalau tidak, dalam paper ataupun dalam laporan dia kata 30%, tetapi yang sebenarnya tidak wujud. Begitu juga syarikat-syarikat, pengedar-pengedar, agensi-agensi bumiputera yang menanggung kesusahan yang amat sangat. Mereka ini kadangkala tertekan. Mereka ini kadangkala bekalannya

terputus. Mereka ini kadangkala perlu memberi jaminan bank yang lebih besar daripada orang lain. Jadi, ini menyusahkan dan menyulitkan orang-orang yang mula hendak berniaga. Kadang-kadang barang-barang tidak cukup sampai. Kadang-kadang masalah pengangkutan dan sebagainya alasan-alasan yang telah diberi. Jadi, kalau boleh Kementerian ini monitorkan, tengok benda-benda ini supaya benda-benda ini tidak berlaku kerana kita tahu kadang-kadang kompeni-kompeni, syarikat-syarikat besar ini, mereka datang ke negara kita ini semata-mata untuk hendak mengambil keuntungan. Kadang-kadang selepas tax holiday yang mereka nikmati itu mereka hendak balik macam itu sahaja. Jadi, kita harus adakan penguatkuasaan Akta kita ini supaya penglibatan orang-orang Malaysia, penglibatan bumiputera di dalam bidang perniagaan ini terjamin dan terselamat. Kalau perkara ini kita gagal hendak bendung, maka satu hari nanti kita akan dapat melihat perjajahan ekonomi orang-orang luar terhadap negara kita. Kalau dahulu Jepun mari dengan senjata, dia jajah negara kita, kita tidak mahu dia mari jajah negara kita dari segi bentuk ekonomi. Tidak mengapa, mereka masuk mari tidak mengapa. Orang Jepun sekarang ini besar-besar, bukan kecil-kecil dahulu. Dahulu Jepun-jepun rendah, kecil-kecil sahaja. Itu pun dia suruh kita naik pokok nyior, Tuan Yang di-Pertua. Dia bubuh senapang dekat bawah hendak turun kena senapang. Naik pokok kerengga ada di atas, gagah naik. Sebab itulah orang-orang dahulu dia erti naik pokok nyior. Orang sekarang ini tidak erti.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu orang-orang dari luar negeri mari dan berniaga di dalam negara kita, mereka dapat menikmati keuntungan, kemudian mereka balik, kita ini tidak ada apa juga. Kita ini jadi sebagai satu tenaga sahaja, tenaga buruh kepada mereka. Kita tidak mahu perkara macam itu berlaku. Dan saya juga ingin menyarankan di sini supaya Kementerian pun tolong tengok sama. Kilang besi waja PEWAJA yang hendak naik di kawasan Kedah ini juga. Tuan Yang di-Pertua - ini masuk juga, bukan 36(1). Pastikan bahawa orang-orang yang berada di dalam kawasan itu dapat menikmati daripada kilang itu. Jangan pula kita pergi tidak dapat peluang. Orang-orang kampung marah, Tuan Yang di-Petua. Jadi, inilah Kementerian ini pun kena tengok sama perkara-perkara macam ini. Buat lawatan muhibbah, tidak kira kompeni itu besar atau tidak besar, siapa duduk di belakang kompeni itu, kita jangan kira. Kalau dia melanggar peraturan, saman dia. Denda dia, bawa dia ke mahkamah. Kalau Kementerian buat macam itu sekali dua, siapa pun tidak berani hendak menyeleweng. Jadi, jangan pergi cekup yang tidak berapa erti undang-undang. Yang erti undang-undang, yang ada penasihat undang-undang, yang ada setiausaha syarikat yang bekerja sepenuh masa, mereka ini erti undang-undang, kadang-kadang mereka pusing undang-undang itu. Jadi, ini kena jaga. Ini "cho seng lee" bukan boleh main-main. Berniaga ini bukan boleh main-main. Kalau mereka mari berniaga kira hendak untung sahaja, matilah kita.

Jadi, saya kira, Tuan Yang di-Pertua inilah perkara-perkara yang ingin saya tambah atau memperingati sesama kita ini supaya apa yang kita buat ini memberi faedah keseluruhannya kepada masyarakat yang berada di Malaysia ini. Dan saya kira Kementerian juga perlu mewujudkan kembali unit penyertaan bumiputera ini sebagai unit yang mempunyai satu kuasa eksekutif untuk menasihatkan, untuk mengambil tindakan terhadap syarikat-syarikat yang besar yang mahu berniaga dalam negara kita ini, tetapi tidak mengikuti peraturan, tidak mengikuti dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan, ini mustahak. Kita jangan biar perkara ini berlaku. Kadang-kadang mereka mari dengan cerita-cerita yang kosong. Saya pun

kalam kadang-kadang mereka mari cerita itu, cerita ini, tunjuk proof itu, tunjuk proof ini, kadang-kadang kita percaya. Jadi, biarlah Unit ini pergi sendiri membuat immediate spot-cheks, dengan izin, dan tengok sama ada dia berjalan mengikut dasar Kerajaan atau tidak.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya kira perkara itulah sahaja yang ingin saya kemukakan pada hari ini untuk menyokong usul itu dan saya hendak berbalik kepada ucapan saya yang pertama tadi supaya kita sekali lagi di dalam Dewan yang mulia ini mendisiplinkan diri supaya Dewan ini akan berjalan dengan elok. Dan saya kira pihak DAP pun mereka akan belajar elok-elok bersama-sama. Kita ini—Pembangkangkah, PASkah, Barisan Nasionalkah, kita jangan kira apa, kita Wakil Rakyat yang berjuang untuk rakyat dan untuk masyarakat. Cuma yang mana bagus sokong, jangan bangkang. Takkanlah Kerajaan yang ditubuhkan oleh rakyat ini hendak beri rakyat susah. Jadi, sudah pergi masuk sebelah Pembangkang hendak buat macam mana. Puak ini pun kalau kita ajar elok-elok, dia mari. Bagi tempat-tempat elok-elok mereka mari. Jadi, kita beri perkara-perkara ini elok-elok supaya Dewan ini menjadi satu Dewan yang mulia. Tuan Yang di-Pertua duduk di situ pun pening kepala. Saya tengok Tuan Yang di-Pertua duduk di situ cukup susah. Kadang-kadang kita bercakap, mereka tidak erti. Mereka bercakap, kita pun tidak erti, sebab mereka tidak ikut peraturan. Bila kita tidak ikut peraturan sedikit, mereka marah. 36(1)lah, 36 itu dan ini, semua ini dia bangkit. Saya faham apa yang dibangkitkan. Tetapi kalau kita hendak bangkitkan peraturan ini sahaja, kita hendak habis mesyuarat bila? Bermaknanya kalau usul itu dibentangkan, bahas usul itu, jangan keluarkan cerita lain.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucap banyak terima kasih. Tadi kita nampak Dewan berjalan dengan tenang, cuma sedikit gangguan sebab tadi. Jadi, kita harap Dewan akan berjalan macam inilah selalu, kerana kalau Dewan ini berjalan macam ini selalu, rakyat pun seronok. Maka Menteri Penerangan yang ada bersama-sama dengan kita hari ini pun dia akan keluarkan siaran TV sidang Parlimen. Ini sidang Parlimen pun Menteri sudah tarik. Hendak lapor macam mana? Takkanlah hendak lapor Yang Berhormat dari Jelutong bertengkar dengan Yang Berhormat dari Jerai. Kalau bertengkar hendak lapor macam mana di TV?. Jadi, hari ini tengok Menteri mari sebab keadaan tenteram dan harap laporan boleh dikeluarkan dalam TV malam ini—Menteri tolonglah. Kita yang mari daripada kampung ini, kalau laporan tak keluar mereka kata kita tidak buat kerja-kat orang kampung. Dia kata apa Yang Berhormat pergi ke Kuala Lumpur, tidak keluar pun. Saya hendak keluar macam mana? Saya sudah buat, benda tidak keluar, hendak buat macam mana. Jadi, ini susah. Jadi, mintalah Menteri Penerangan bubuh balik Laporan Parlimen. Kita pun syok gambar-gambar keluar. Ini gambar pun tidak keluar. Jadi kemudian saya haraplah ini adalah perkara-perkara yang perlu diperbetulkan hari ini dan saya berharap kalau boleh—Yang Berhormat Menteri pun ada—tolonglah banyak Ahli Parlimen hendak bersuara dan minta Jerai tolong khabarlah. TV 1, 2, 3 ini hendak keluar 4. Laporan Parlimen sikit.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat ini sudah pergi terlampau jauh sangat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini pun moral, Tuan Yang di-Pertua. Wakil Rakyat kita supaya keluar dalam TV gambar-gambarnya. Keluar dalam TV bermakna kita buat kerja. Saya pun tidak marah

Kementerian Penerangan tidak keluar sebab mereka hendak beri laporan mereka pun tidak erti, duduk bertengkar fasal video sekerat hari. Cerita sahaja, tetapi tidak tengok lagi, duduk bertengkar entah keluar gambar Popeye. Orang lain seronok kita bertengkar fasal apa. Jadi, perkara-perkara macam ini kita tidak usah bawa dalam Parlimen. Yang Berhormat dari Kota Melaka, Sungai Besi bagus, ketiga anak-anak muda ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, jangan cuba berdialog, ya.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi, saya pun habis. Jadi, saya kira sahabat-sahabat saya yang lain hendak bercakap juga hari ini dan saya ucapkan bertanyak-banyak terima kasih. Pemberita-pemberita pakat-pakat laporlah yang mana patut padan. Kelmarin mereka keluarkan, saya kata lucah, orang kampung telefon saya, Tuan Yang di-Pertua. Apa Yang Berhormat Jerai maki apa dekat orang.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cerita sedikit, orang Kedah ini dia berlain. Kadang-kadang dia kata perkataan-perkataan itu dia kira macam melawak. Macam orang Melaka pun begitu juga.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, ini bukan masa untuk bercerita Yang Berhormat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Hendak curi masa sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, tidak mengapalah, kalau lagu itu saya pun mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan kepada Ahli-ahli Pembangkang hari ini yang memberi kepada saya laluan yang mudah, ada dua, tiga Ahli tadi tidak mengapalah, hak yang lain semua bagus-bagus, tidak kacau saya.

Jadi, inilah saya ingat moral-moral yang perlu kita bina dalam Dewan ini kemudian balik pergi beritahu kepada Ketua Pembangkang itu, datang minta maaf elok-elok, datang duduklah balik di sini, kita mesyuarat elok-elok balik bayarlah duit tol itu, jangan dok kira duit-duit tol itu, bayarlah, berapa duit sahaja, hendak keras kepala buat apa? Jalan hendak, kereta hendak, bayar tol tidak mahu—mana boleh. Hendak menikah dengan orang pun kena bayar duit juga, bukan boleh ambil anak orang 'buta' macam itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih dan . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Telah berkali-kali dah.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Inilah adat budaya orang Melayu, Tuan Yang di-Pertua, biar cukup berbudi bahasa dan bila dia berasa cukup seronok, dia akan ucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya ucapkan terima kasih dan saya menyokong Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nilam Puri.

4.42 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri): Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong untuk meminda Rang Undang-undang Syarikat 1965. Memang syarikat-syarikat yang ditubuhkan di Malaysia ini setelah Kerajaan menentukan dasar-dasar supaya syarikat itu ikut, Kerajaan hendaklah memastikan perjalanan syarikat dalam bentuk dasar yang digariskan, misalnya peratus bumi-

putera, pengarah-pengarah syarikat, hak-hak modal, semuanya itu yang dikawal oleh Kerajaan di sudut dasar.

Kerajaan hendaklah memberi kebebasan kepada syarikat-syarikat itu untuk menjalankan perniagaan. Syarikat-syarikat itu mengetahui berapa banyak mereka hendak melabur, jangka keuntungan dan juga dalam jangka panjang atau jangka pendek pelaburan mereka. Walaupun Kerajaan melantik proksi-proksi mereka untuk berada dalam satu-satu syarikat yang Kerajaan menanam modal di dalamnya, tetapi kebebasan syarikat itu untuk menentukan arah tuju, Kerajaan tidaklah perlu mengawal dengan ketat sebab kadangkalanya mengganggu perjalanan syarikat untuk mengembangkan corak perniagaan mereka. Inilah kejayaan syarikat-syarikat di Jepun, syarikat-syarikat di Korea dan Taiwan, di mana di sana syarikat-syarikat itu berkuasa menentukan corak pelaburan, menentukan corak perjalanan sehingga di sana itu kadangkalanya bank pun terkebawah daripada mereka. Syarikat lebih tinggi kedudukannya daripada bank dan juga Kerajaan, walaupun kita tidak mahu kebebasan seperti itu tetapi kawalan itu janganlah sampai mengganggu perjalanan syarikat.

Syarikat dalam satu rundingan, ia boleh menentukan sebanyak mana bayaran yang dia hendak bayar, kalau dia mengambil ataupun dia hendak membuat operasi baru dalam perniagaannya. Misalnya sekarang ini, syarikat gergasi TEN, syarikat elektrik yang ditubuhkan. TEN adalah satu syarikat perniagaan, mereka ada board of directors, mereka ada lembaga pengarah yang menentukan perjalanan syarikat itu dalam masa jangka yang panjang. Syarikat TEN juga tahu kemampuan mereka, sebanyak mana untuk mereka bayar dalam sesuatu projek yang mereka jalankan. Begitulah juga apa yang berlaku terhadap Pergau sekarang ini iaitu Pembinaan Empangan Pergau. Syarikat TEN dan pihak Kerajaan Negeri Kelantan telah beberapa kali menegaskan, mereka boleh menyelesaikan masalah, bahkan beberapa kali pihak Lembaga Pengarah Syarikat TEN memberi jaminan bahawa sebarang perundingan dan juga sebarang masalah dapat diselesaikan dengan baik, sebab sebuah syarikat itu yang menjalankan operasinya melalui perundingan. Tetapi kita lihat kebelakangan ini, gangguan daripada Menteri Kewangan terlalu banyak terhadap perjalanan syarikat tersebut sehingga kadangkalanya mereka membisikkan suara kecil di telinga kita, kami amat sukar beroperasi menjalankan kerja kami kerana gangguan daripada pihak Kementerian Kewangan terutama Menteri Kewangan begitu hebat sekali, sehingga kita lihat kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh Pengerusi Syarikat TEN kadangkalanya bercanggah dengan Menteri Kewangan, misalnya sehari sebelum Mesyuarat Kabinet yang diadakan di Kuala Terengganu, Pengerusi TEN mengatakan semuanya telah selesai, hanya menunggu tarikh tandatangan. Tetapi besoknya Menteri Kewangan membelasah lagi hal-hal perjanjian ataupun masalah Negeri Kelantan dengan Syarikat TEN.

Jadi, kalau inilah, sudah tentulah akhbar-akhbar dibaca oleh semua pelabur-pelabur, mereka melihat kalau perjalanan syarikat begini diganggu oleh pihak Kementerian, oleh pihak Kerajaan terutama oleh parti politik pemerintah, maka pelabur-pelabur lainpun akan merasa gerun untuk datang melabur ke negeri ini kerana perjalanan syarikat diganggu oleh mereka. Tambahan pula kadangkalanya Empangan Pergau yang telah menelan belanja begitu banyak, kadang-kadang jadi bahan polemik dan bahan politik. Misalnya Menteri Kewangan, kemana sahaja dia pergi merasmikan Mesyuarat UMNO sekarang, dia umum, kalau Kelantan tidak mahu, kita hendak bawa projek Pergau itu ke negeri ini, misalnya dia berucap di Melaka, dia kata: "Kalau Kelantan tidak mahu, kita hendak bawa

projek Pergau ke Melaka. "Kita kena faham, suatu empangan ini mesti ada gunung, mesti ada curah, mesti ada tempat yang boleh buat, bila berucap di Pulau Pinang pun nanti dia kata: "Kita bawa Empangan Pergau ke Pulau Pinang. "Bukit pun tidak ada di situ. Bila berucap di Johor pula, Empangan Pergau kalau boleh kita hendak bawa ke Johor, sedangkan kita tahu, Johor tempat tadahan airnya hampir kesemuanya diberi kepada Singapura.

Jadi, kadangkala dipermainkan rakyat dihadapannya, soal projek yang begini besar. Orang kampung bila sebut, Pergau hendak bawa ke negerinya, dia tepuk. Dia bukan tahu, dia ingat Pergau itu ikan bilis atau ikan kering, ianya projek yang memakan belanja $1,200 juta dan mungkin bila siap nanti hampir $2,000 juta, hendaklah memiliki kawasan tadahan air, bumi yang bagaimana baru boleh buat. Bukan boleh satu perkara yang Menteri Kewangan taja untuk menarik perhatian ahli UMNO ditempat-tempat beliau merasmikan, di Melaka mana boleh buat pusat tadahan air, sesuai dengan negerinya yang bukitnya tidak berapa banyak, negerinya sempit, nanti pergi ke Perlis bercakap pula, hendak bawa Pergau ke Perlis.Jadi, bahan itu kadangkalanya kita melihat ia menjadi hot semula semata-mata kerana berlaku menjelang Perhimpunan Agung UMNO. Sebab itulah kita mahu projek ini, kalau apa-apa projek pun diselesaikan dalam bentuk perundingan, syarikat dengan Kerajaan Negeri dan Kerajaan sebagai pengawalselia melihat keadaan itu bukan dijadikan isu politik terutama menjelang Perhimpunan Agung UMNO.

Dan kita tahu, memang perundingan yang dijalankan antara Syarikat TEN dengan Negeri Kelantan, alhamdulillah, tidak ada masalah. Kita yakin ia akan ditandatangani tidak berapa hari lagi, tidak ada masalah besar. Tetapi yang menjadi masalahnya kadangkala itu, negeri-negeri lain mula menimbulkan, kenapa kami tidak dapat apa, Empangan di Perak, Empangan di Kenyir di Terengganu, tidak dapat apa, ataupun tidak dapat sebanyak yang didapati Negeri Kelantan. Negeri-negeri lain hendaklah faham bahawa ketika projek-projek itu dijalankan TEN pada waktu itu masih Lembaga Letrik Negara (LLN). Oleh itu ianya 100% kepunyaan Kerajaan. Jadi, bila kita beri satu tempat kepada Kerajaan Pusat adalah berlainan kita menyerahkan suatu tempat kepada syarikat perniagaan. Kebetulan Negeri Kelantan, projeknya itu berjalan ketika TEN ataupun Syarikat LLN telahpun menjadi swasta. Oleh itu perundingan Kerajaan Kelantan dengan TEN berdasarkan Kerajaan Negeri dengan syarikat perniagaan, sudah tentulah ia berbeza dengan empangan-empangan yang dibuat sebelum LLN menjadi syarikat swasta.

Tuan Yang di-Pertua, kita harap syarikat-syarikat ini diberi kebebasan untuk menentukan dasar perjalanan mereka dan bila mereka tidak diganggu, dengan itu projek ataupun perniagaan mereka akan berjalan dengan lancar, sebab sesuatu perkara itu mereka telah bincang semasak-masaknya, sebelum mereka menyetujui untuk menandatangani ataupun merestui sesuatu projek.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Kerajaan juga hendaklah mengawasi syarikat-syarikat segera yang tumbuh apabila sesuatu projek itu hendak dijalankan. Misalnya, bila hendak buat lebuhraya, syarikat-syarikat segera ditubuhkan, bila hendak daftar orang-orang asing atau pendatang asing, tubuhkan syarikat segera. Begitu juga bila LLN menjadi swasta, syarikat-syarikat segera ditubuhkan. Kita hendaklah bertimbang rasa. Syarikat-syarikat yang telah beroperasi lama, yang telah menjalankan kerja begitu lama, mereka ini kadang-kalanya tidak mendapat peluang tender-tender yang besar-besar daripada Kerajaan ataupun daripada syarikat-syarikat swasta. Sebaliknya, syarikat yang ditubuhkan dengan segera inilah mendapat habuan-habuan yang besar kerana apabila

ditubuhkan, bila dapat satu jaminan bahawa sesuatu projek itu, misalnya berharga seribu juta, syarikat segera yang ditubuhkan inilah yang selalunya dianugerahkan kontrak-kontrak yang besar, sedangkan syarikat yang beroperasi dengan begitu lama di Malaysia ini tidak berpeluang, walaupun syarikat itu milik bumiputra ataupun bukan bumiputera.

Kita lihat seperti pendaftaran pekerja-pekerja luar sekarang ini. Banyak syarikat-syarikat segera ini yang mencapai kekayaan segera. Sebab mereka dapat mendaftarkan begitu ramai dan kadangkala belum dicakapkan di Parlimen dan sesuatu Akta itu belum dibawa ke Parlimen, tetapi telah ada bisikan "kamu tubuhkan syarikat segera kerana selepas ini kita akan daftarkan pendatang-pendatang daripada luar". Mereka yang rapat dengan Menteri-menteri inilah yang menubuhkan syarikat dengan segera itu. Akhirnya diberi anugerah, diberi peluang kepada mereka untuk mendapat habuan, tender-tender ataupun mendaftar pekerja-pekerja asing. Sebab itulah Yang Berhormat dari Pasir Mas komplen masalah ini. Sebab itulah perkara-perkara macam ini memang sering berlaku seperti syarikat-syarikat "mee maggie" yang tumbuh. Inilah juga yang berlaku di dalam MAIKA Holdings. Walaupun MAIKA telah lama beroperasi, tetapi bila dapat saham TEN yang sudah pasti mencapai keuntungan besar, syarikat "mee maggie" ditubuhkan segera dan syarikat segera "mee maggie" inilah 'yang masak cepat, makan sedap dengan segera' yang mendapat habuan lebih daripada $9 juta dan golongan inilah yang akan mencapai kekayaan segera. Pelabur-pelabur MAIKA yang begitu lama melabur di dalam MAIKA Holdings makan angin dan tidak dapat sesuatu daripada kekayaan ataupun saham yang dianugerahkan kepada MIC itu, tetapi yang menyapu ialah syarikat-syarikat baru yang ditubuhkan oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos. Sekian, pandangan saya.

5.54 ptg.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Syarikat. Kita dapati di dalam pindaan ini semuanya adalah untuk mengawal Lembaga Pengarah, director dan syarikat-syarikat swasta. Tetapi kita tidak ada perenggan di sini, di mana ia mengawal Pendaftar Syarikat sendiri. Kita tahu pada masa ini kalau kita mahu membuat sesuatu carian rasmi (company search) di pejabat Registrar of Companies (Pendaftar Syarikat), kadang-kadang sungguhpun kita pergi selama 10 hari, tetapi tiada fail dan ada dicopkan sama ada "fail ada di stor" atau "tidak ada di stor" dan kita diminta kembali dalam dua, tiga hari lagi. Kadang-kadang kita pergi selama 20 hari, tetapi tidak dapat fail.

Tetapi kita mesti tahu bahawa di dalam Pejabat Pendaftar Syarikat itu ada dua fail: satu fail untuk orang awam dan satu fail adalah internal file (fail dalaman) untuk sesuatu syarikat. Kenapa Pendaftar Syarikat tidak boleh memberikan peluang kepada orang awam untuk membuat carian daripada fail dalaman itu? Kenapa terus memberi kesusahan kepada orang awam yang hendak membuat carian ini? Orang pergi membuat carian oleh kerana mereka hendak tahu latar belakang syarikat berkenaan ataupun Lembaga Pengarah-nya ataupun pemegang saham. Kenapa Pendaftar Syarikat tidak mahu memberi peluang kepada orang awam untuk membuat carian daripada fail dalaman Pendaftar Syarikat?

Perkara ini senang sahaja. Kenapa dipanggil orang keluar terus dengan mengatakan "Tidak ada fail, fail tiada di stor, sudah hilang" dan sebagainya. Ini satu hakikat yang mesti diambil perhatian oleh Menteri yang berkenaan, sebab ini adalah satu masalah yang serius. Kalau kita hendak dapat pelaburan dan kalau kita sangat serius dalam perdagangan, memang ini satu

fakta yang perlu diperbaiki di dalam Pejabat Pendaftar Syarikat. Kita mesti ada satu perenggan di sini untuk meminda dan memaksa Pendaftar Syarikat bahawa kalau kita pergi ke Pendaftar Syarikat sebanyak dua atau tiga kali dan tidak dapat fail, kita mesti ada hak untuk mendapat fail dalaman Pendaftar Syarikat. Tetapi Kerajaan tidak berapa minat dalam soal ini. Dia hendak kawal cuma orang awam, tetapi mereka sendiri tidak mahu dikawal.

Saya berharap Menteri berkenaan boleh mengambil perhatian dalam perkara ini, oleh kerana perkara ini bukannya timbul sekali sahaja di dalam Dewan ini tetapi sudah timbul beberapa kali dan beberapa tahun yang sudah, tetapi Kementerian Perdagangan tidak ambil berat, relaxes and takes it easy, dengan izin.

Satu lagi saya rasa Pendaftar Syarikat juga mesti dikawal melalui Akta ini juga iaitu dalam mengeluarkan lesen remiser. Kita sudah tahu bahawa baru-baru ini, dalam dua tiga tahun ini, beberapa lesen remiser dikeluarkan oleh Pendaftar Syarikat sekarang dan saya juga tahu ada beberapa kes di mana mereka yang tidak layak mendapat lesen remiser, tetapi mereka diberikan lesen, oleh kerana pihak tertentu mendapat satu sumbangan. Kalau Menteri berkenaan hendak mencabar saya untuk keluarkan bukti ini, saya boleh keluarkan bukti ini sama ada di dalam atau di luar Dewan.

Ini adalah satu masalah yang besar di dalam Jabatan Pendaftar Syarikat. Kenapa Kerajaan tidak mahu buat satu Akta untuk mengawal Pendaftar Syarikat supaya sesiapa yang menjadi Pendaftar Syarikat tidak boleh mengeluarkan lesen remiser dengan sewenang-wenangnya ataupun oleh kerana mereka ada connection dengan pemohon lesen remiser ini. Kalau kita dapat remiser yang tidak layak, menjadi remiser di dalam negara ini, memang Bursa Saham kita mesti berada di dalam keadaan songsang. Kita sudah tahu beberapa kes penipuan, beberapa ke yang mana tanpa lesen remiser pun boleh menjalankan perniagaan, seperti di satu syarikat yang saya sudah lupa namanya. Pendaftar Syarikat hantar pegawainya untuk menyiasat oleh kerana mereka tiada lesen remiser, tetapi mereka membuat satu panggilan telefon dan semua pegawai Pendaftaran Syarikat diarahkan balik ke pejabat. Apakah itu satu Kerajaan yang bersih, amanah dan cekap. Mungkin cekap untuk apa? Kalau kita gunakan bahasa yang lebih sesuai, cekap untuk sumbangan sahaja, bukan cekap untuk mengawal, untuk menjaga kepentingan rakyat. Kalau mereka dengan sesungguhnya hendak menjaga kepentingan rakyat, memang kita mesti ada satu pindaan di dalam Akta ini untuk mengawal Pendaftar Syarikat. Walaupun syarikat-syarikat dikawal, Pendaftar Syarikat juga patut dikawal supaya mereka tidak boleh menyalahgunakan kuasa ataupun boleh berbuat apa-apa dengan sewenang-wenangnya.

Saya juga cadangkan di sini supaya diadakan satu pindaan di dalam Akta Syarikat (Pindaan) ini supaya semua Menteri dan Setiausaha Parlimen dihalang menjadi Lembaga Pengarah dengan syarikat-syarikat swasta di dalam negara ini. Kita sudah nampak beberapa beberapa bulan dahulu, timbul satu isu di dalam Dewan yang mulia ini di mana ada seorang Setiausaha Parlimen yang menjadi ahli Lembaga Pengarah di dalam sesebuah syarikat, yakni bernama Kurnia Damai Sdn. Bhd. Dan juga semasa dia dilantik menjadi seorang Setiausaha Parlimen di dalam Dewan ini, beliau baru jadi Lembaga Pengarah dalam Syarikat Kurnia Damai ini dan beliau kata beliau tidak tahu. Pada hal, syarikat ini ditubuhkan selepas dia dilantik sebagai seorang Setiausaha Parlimen.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga ada satu peraturan yang kata bahawa semua Menteri, semua Timbalan Menteri, semua Setiausaha Parlimen tidak boleh jadi seorang

Lembaga Pengarah di dalam mana-mana syarikat di dalam negara ini. Kenapa? Oleh kerana beliau takut Menteri atau Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen ada satu conflict of interest dan mencampurkan politik ataupun kuasa mereka dengan perniagaan di luar.

Kenapa kita tidak boleh masukkan di dalam satu akta yang begini? Kalau kita hendak kawal pengarah-pengarah, lembaga-lembaga pengarah, directors dan sebagainya, kenapa kita tidak masukkan semua Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen? Kenapa kita tidak adakan satu kod etika sepertimana UMNO Baru buat baru-baru ini untuk raja-raja semua? Saya rasa lebih sesuai jika kita semua mesti ada satu kod etika untuk semua Menteri, semua Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen. Oleh kerana orang yang beginilah yang ada kuasa dan yang boleh menyalahgunakan kuasa ataupun berpeluang menyalahgunakan kuasa.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti sekejap.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Adakah Ahli Parlimen dari Bukit Bintang itu ketahui bahawa Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen adalah tertakluk kepada undang-undang negara tetapi raja-raja tidak?

Tuan Wee Choo Keong: Raja-raja tidak, tetapi raja-raja sudah ada di dalam Perlembagaan. Kita kata kita mesti taatsetia kepada mereka dan juga di dalam negara kita yang Kerajaan sekarang selalu hendak lawan siapa? Raja yang mana? Sultan Kelantan sahaja seperti kereta Lamborghini. Walaupun baginda tidak payah bayar apa-apa cukai tetapi dengan sengajanya Kerajaan membuat kenyataan di dalam surat-khabar, membuat khianat kepada baginda Sultan Kelantan. Kenapa raja-raja yang lain tidak diambil tindakan yang sama? Kalau Kerajaan Barisan Nasional ada keadilan, bersih, cekap, amanah, tolonglah ambil tindakan sama semua. Jangan pilih kasih sahaja. Caranya terus baginda Sultan Kelantan. Kenapa tujuannya cari fasal dengan baginda Sultan Kelantan? Oleh kerana Kelantan dalam pemerintahan parti pembangkang dan dahulu Barisan Nasional, adakah hal-hal yang begini? Tidak timbul!

Jadi, saya rasa kalau kita hendak ada kod etika kepada raja-raja, kita perlulah mesti ada kod beretika untuk Menteri-menteri, Setiausaha Parlimen, Timbalan Menteri dahulu. *(Tepuk)*

Inilah satu prinsip daripada dasar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri—"Kepimpinan Melalui Teladan". Jadi, kita mestilah menunjukkan kita sendiri, Menteri pun ada kod etika barulah kita boleh bercakap soal kod etika untuk baginda sultan-sultan di dalam negara kita. Janganlah pilih hendak tuju sahaja kepada Sultan Kelantan.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat hendak beri jalan?

Tuan Wee Choo Keong: Silakan.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, adakah Ahli Yang Berhormat sedar bahawa undang-undang itu adalah lebih kuat daripada kod etika? Jadi, kalau Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen buat salah, mereka akan dihukum oleh undang-undang. Jadi, tidak perlu kod etika kerana undang-undang itu lebih kuat.

Tuan Wee Choo Keong: Memang ada undang-undang. Saya tahu ada undang-undang tetapi kita semua dalam Dewan ini, kita pun tahu undang-undang kadang-kadang tidak dijalankan kepada Menterikah, Timbalan Menterikah atau siapa yang ada kuasa. Satu contoh, Setiausaha Parlimen Ahli dari Pendang, kita sudah ada bukti menunjukkan bahawa beliau ini menjadi Lembaga Pengarah selepas beliau dilantik sebagai seorang Setiausaha Parlimen. Apa tindakan diambil? Saya sendiri telah tulis sepucuk surat kepada Perdana Menteri dan juga perkara ini disiarkan di dalam suratkhabar di dalam negara kita, apa tindakan diambil? Masa kini pun Ahli Pendang masih jadi Setiausaha Parlimen. Apa undang-undang yang kita cakap? Menteri yang mana tertakluk di bawah undang-undang itu? Menteri yang mana, tidak ada? Kes Vijandran dalam pita video . . . .

Dr Kua Kia Soong: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Petaling Jaya bangun.

Dr Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak penjelasan daripada Ahli Bukit Bintang. Saya hendak tanya walaupun ada undang-undang seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, tetapi dalam kes Vijandran pada dua tahun lepas atau tiga tahun kenapa ada cover-up? Bukan sahaja saya rasa tanggungjawab Menteri-menteri dan Timbalan Menteri tetapi semasa ada credibility gap seperti yang berlaku di negeri India . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, teruskan soalan ya, jangan berputar . . . .

Dr Kua Kia Soong: Ini ada berkenaan dengan soalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tidak, terus soal. Jangan berputar.

Dr Kua Kia Soong: Ini preamble yang panjang sedikitlah. Ada credibility gap seperti yang kita nampak dalam kes MAIKA di mana Menteri Tenaga, Telekom dan Pos terlibat. Di sana kita boleh nampak ada credibility gap di mana dalam negeri India, Menteri Commerce pun letak jawatan. Oleh sebab itu, saya rasa syor, cadangan Ahli dari Bukit Bintang itu adalah satu cadangan yang amat baik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ini bukan minta penjelasan.

Dr Kua Kia Soong: Saya hendak tanya adakah dia setuju dengan cadangan saya? *(Ketawa)*

Tuan Wee Choo Keong: Memang saya setuju, Tuan Yang di-Pertua, dan juga cadangan kawan saya daripada Petaling Jaya sangat elok dan sesuai pada masa ini tetapi kita boleh nampak tindakan yang diambil oleh Kerajaan kalau hendak ditentang satu perkara yang melibatkan Menteri ataupun Vijandran, tidak payah Menteri, Vijandran sahaja, Perdana Menteri sendiri keluar datang defend, pertahankan Vijandran. Selepas 3, 4 bulan barulah dia dipecat daripada Kerusi—belum dibakar sekarang. *(Ketawa)* Yang belum lagi dibakar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Hendak bakar buat apa?

Tuan Wee Choo Keong: Tidak tahu, sebab tadi mereka ada cakap bakar. Saya pun oleh kerana Kerusi itu mungkin dicemari oleh Vijandran daripada dahulu supaya kita mesti tukar Kerusi yang baru. Kalau tidak "suei"lah. *(Ketawa)*

Jadi, kita boleh nampak kes Vijandran. Itu satu kes. Jikalau semua Menteri dan Setiausaha Parlimen atau Timbalan Menteri tertakluk yang mana kawan saya sebelah sana kata tadi, Vijandran mestilah dibawa ke mahkamah dan Menteri Tenaga,

Telekom dan Pos juga sekarang mestilah disuspended, digantung semasa beliau disiasat oleh BPR. *(Tepuk)* Kita tahu, Yang Berhormat pun tahu kalaulah seorang pegawai di Pejabat Kementerian Perdagangan disyakki atau buat apa kesalahan pun ataupun menyalahguna kuasa ataupun ada rasuah ataupun seperti kes MAIKA Holdings, ini mesti digantung dengan segera dan menjalankan siasatan.

Kita tahu, kita boleh baca dalam suratkhabar dan mana-mana risalah. Adakah Menteri yang digantung dulu, semasa itu buat penyiasatan. Sekarang kes Yang Berhormat Menteri Telekom dan Pos terlibat dalam MAIKA Holdings, iaitu syer Telekom. 9 juta syer untuk masyarakat kaum India. Semua dihijackkan oleh siapa? Yang Berhormat Menteri. Kenapa dia dipanggil untuk mengisytiharkan harta-benda beliau dan anak-anaknya semua. Kalau dengan hakikat begini, dengan faktor begini dan beliau tidak digantung, di mana lagilah Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen tertakluk di bawah undang-undang negara kita. Kita mesti perlu ada satu kod beretika untuk semua Menteri, semua Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen oleh kerana mereka inilah yang ada kuasa yang sering menyalahgunakan kuasa mereka.

Saya rasa, berani saya kata dengan terus terang memang siapa yang ada di dalam Dewan ini sekarang, walaupun Yang Berhormat-Yang Berhormat pun ataupun pegawai-pegawai Kerajaan, kalau kita jamah hati kita sendiri, kita tahulah. Kita tak payah tanya banyak-banyak. Kena tidak. Semua tahu di sini. Adakah Menteri, Setiausaha Parlimen, Perdana Menteri atau sesiapa yang menyalahgunakan kuasa ataupun melakukan penyelewengan, semua tahu. Yang mana kita boleh dapat telefon, yang dapat kontrakkah, yang dapat kemudahankah, semua tahu. Tak payah saya tunjuk.

Dr Kua Kia Soong: Minta penjelasan. Ahli dari Bukit Bintang, saya hendak tanya mengikut logik atau perverse logic Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana dia kata bila pegawai Kerajaan disiasat oleh BPR, mereka iaitu Pegawai Kerajaan tetap letak jawatan pada masa mereka disiasat oleh BPR, tetapi dia kata bila Menteri menteri disiasat oleh BPR, Menteri menteri tidak payah meletakkan jawatan. Adakah ini satu logic yang perverse?

Tuan Wee Choo Keong: Ini satu logik yang lebih daripada perverse. Inilah saya rasa logik yang putar belit. "Putar belik", orang Kelantan kata "putar belik". Mana boleh kalau Menteri disiasat oleh BPR, tidak payah gantung. Kalau pegawai atau Polis-polis disiasat oleh ACA, BPR mesti digantung dengan segera. Ini apa? Double standard! Ini untuk menjaga kepentingan member-member dia sendiri sahaja. *(Ketawa)* *(Tepuk)*

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: *(Bangun)*

Tuan Wee Choo Keong: Silakan.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Adakah Yang Berhormat dari Bukit Bintang sedar bahawa apa yang telah diperkatakan oleh Perdana Menteri iaitu kalau seseorang Menteri itu disiasat atas perbuatan-perbuatan dia, atas tugas rasminya sebagai seorang Menteri, maka mungkinlah dia kena letak jawatan. Tetapi kalau dia disiasat atas sesuatu syak wasangka yang peribadi maka dia tak perlu letak jawatan. Itu ada bezanya. Sama juga saya rasa pegawai Kerajaan pun hanya bila disiasat mengenai perkara-perkara yang disyaki melibatkan tugas rasminya itu, barulah mungkin dia letak jawatan. Bukan dengan cerita peribadi. Itu yang dikatakan oleh Perdana Menteri.

Tuan Wee Choo Keong: Ya, kawan saya di sebelah sana saya rasa fikirannya tidak berapa logikalkah dan juga fikiran

yang songsang. *(Tepuk)* Oleh kerana apa, kalau seorang disiasat seperti Menteri, beginilah kita kata—besok pagi Yang Berhormat pergi ke Pendaftar Syarikat sebagai seorang awam, kalau pegawai-pegawai cam Yang Berhormat, saya rasa dia ambil tindakan terus, hendak apapun dia kasi. Itu apa? Itu wearing two hats. Mereka mesti tahu, oh! ini Yang Berhormat Menteri mari, kita mesti jaga. Walaupun tidak pergi secara rasmi. Secara rasmi atau tidak rasmi tidak timbul dalam kes ini.

Kalau Yang Berhormat dari Sungai Siput bukan seorang Menteri dan juga bukan seorang Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, berani saya kata terus terang dia tidak ada peluang mendapat satu syerpun daripada Syarikat Telekom. Betul tak? Satu syerpun tak dapat. Dia dapat syer yang 9 juta ini, hijack kepada syarikat anak dia, iaitu Advanced Personal Computer dan Clear Way Sdn. Bhd., S.B. Management Sdn. Bhd. Oleh kerana apa, oleh kerana dia sebagai Menteri Telekom dan Pos dan juga bersubahat dengan pihak tertentu. Kalau tidak, tidak ada chance. Tetapi saya tak faham kenapa kawan saya sebelah sana sangat bimbang dalam kes itu, hari hadapan Yang Berhormat Menteri Telekom dan Pos. Kenapa? MAIKA Holdings itu MIC, bukan terlibat dengan UMNO Baru. Ataupun UMNO Baru pun ada juga hubung kait ataupun bersangkut-paut dengan syer Telekom ini, kalau tidak janganlah kita mencelah dalam perkara ini. Sebab perkara ini tidak timbul.

Dr Kua Kia Soong: *(Bangun)*

Tuan Wee Choo Keong: Sila.

Dr Kua Kia Soong: Hendak minta penjelasan. Saya hendak tanya Ahli dari Bukit Bintang, adakah benar bukan sahaja Parti Pembangkang yang menyoal kredibiliti Menteri Tenaga, Telekom dan Pos tetapi Editorial Utusan Malaysia iaitu boleh kata suara hidah UMNO dalam satu Editorial pada dua atau tiga minggu lalu pun ada bangkitkan soalan kredibiliti Menteri Tenaga, Telekom dan Pos.

Tuan Wee Choo Keong: Ini bukannya cuma Editorial ataupun pengarang-pengarang suratkhabar UMNO Baru seperti New Straits Times, Utusan Malaysia dan Berita Harian, bukannya itu sahaja. Ada Menteri juga menyoalkan kes ini di luar Dewan, bukan di dalam sini. Ada juga di luar. Kes ini sudah terang, mereka cakap, "Wah, very badlah, nine million shares. If take one million, okaylah, kita boleh faham. Never mindlah, kita cincai itu". *(Ketawa)* Itu oleh kerana apa? Oleh kerana nine million—too much, dengan izin, terlampau banyak. Kalau satu juta kita tutup mata. Okaylah, BPR pun tidur, jangan jalan. Seperti ada banyak kes yang seperti ini. Jadi saya rasa Yang Berhormat sebelah sanapun sudah sanggup kita mesti ada satu kod beretika atau kod etika untuk Menteri, untuk Timbalan Menteri, untuk Setiausaha Parlimen.

Tuan Wong Wing On: Penjelasan. Tadi Timbalan Menteri kata ini skandal besar MAIKA ini merupakan satu perkara peribadi Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput. Adakah Yang Berhormat dari Bukit Bintang sedar bahawa semalam semasa Tan Sri Speaker menolak Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 yang dibentangkan oleh Ahli Parlimen dari Bayan Baru; Tan Sri pun bersetuju bahawa ini ialah perkara yang berkepentingan orang ramai, bukan peribadi, adakah Yang Berhormat dari Bukit Bintang sedar perkara ini?

Tuan Wee Choo Keong: Memang saya setuju. Sebab ini mestilah satu masalah untuk kepentingan orang ramai. Sebab kita semua sudah tahu, kalau tidak kenapa BPR menyiasat, kenapa BPR sampai buat satu arahan kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos untuk mengisytiharkan harta benda beliau dan anaknya Vell Pari dan

juga Subramaniam, seorang remisier di Rashid Hussein yang juga terlibat dalam SB Management ini. Beliau juga dulu adalah seorang Pegawai Pendaftar Syarikat, please take note. Subramaniam ini juga seorang Pegawai, dua tiga tahun dulu, dia jadi Pegawai Pendaftar Syarikat. Dan dia juga dari AG Chambers. Itu Kamar Peguam Negara dan jadi seconded kepada pendaftar syarikat itu dan selepas itu dia jadi remisier. Bagaimana dia dapat lesen remisier pun, saya tidak tahu. Yang Berhormat mungkin lebih tahu daripada saya. Kalau hendak tahu, besok minta failnya, buka chek mesti boleh tahu. Bagaimana? Tetapi saya boleh guarantee dapat lesen remisier itu juga dengan senang sahaja. Lebih senang daripada orang luar. Dan juga dia terlibat dalam SB Managemenat Sdn. Bhd. itu dan juga dalam Clearways Sdn. Bhd., syarikat $2.00. Dan juga saya hendak tanya balik Yang Berhormat apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Barisan Nasional di atas Setiausaha Parlimen, Yang Berhormat dari Pendang. Walaupun saya sudah ada bukti antara Perdana Menteri, dia sudah buat satu kesalahan ataupun bercanggah dalam peraturan Perdana Menteri. Apakah tindakan diambil? Tidak ada tindakan. Kalau tidak ada tindakan, perlulah kita ada satu kod etika. Lebih perlu kita mesti ada kod etika untuk semua kawan kita yang berada di sana. Mungkin masa sekarang, dia masih jadi seorang lembaga pengarah. Saya tidak tahu lagi. Masa saya buat siasatan, carian di pendaftar syarikat itu. Beliau masih jadi salah seorang Lembaga Pengarah juga di Kurnia Damai Sdn. Bhd. dan beliau berani di dalam Dewan yang mulia ini kata apa, "Walaupun saya ada $3 juta syer, saya tidak payah membayar satu sen pun." Jangan lupa. Itu ada di dalam *Hansard* saya tidak bohong. Itu yang dia kata sendiri. Ini kalau bukan rasuah apa lagi? Sesiapa dalam dunia ini akan memberikan kepada kita syer yang free? Siapa? Saya rasa Yang Berhormat pun tidak akan beri saya. Jangan kata 3 juta syer. Satu syer pun tidak akan diberi kepada saya. Siapa yang hendak beri? Itu bermakna apa? Itu bermakna rasuah dalam Kerajaan Barisan Nasional. Kalau tidak rasuah, apa lagi? *(Tepuk)* "3 juta syer, satu sen pun saya tidak payah bayar". Itu apa? Itulah kita lebih mesti ada satu kod etika untuk Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen Barisan Nasional. Ini satu bukti.Ini satu kes yang kita boleh proof, yang lain kita tidak boleh oleh kerana kita dengar sahaja. Hearsay. Bila saya cakap di sini, nanti ada yang kata: "Oh! Saya cabar awak di luar." Susah pula saya. Tetapi kes ini ada bukti. Sudah ada di dalam carian iaitu company search.

Kalau Yang Berhormat dari Timbalan Menteri Perdagangan, besok boleh panggil pegawai ambil fail itu boleh nampak sendiri dan check dia bila dilantik. Saya harap Yang Berhormat tolong menasihatkan Perdana Menteri bahawa katakan sekarang liabiliti Barisan Nasional sudah koyak, kalau kita tidak mengambil tindakan. Kalau tidak, parti Pembangkang mesti akan tuduh kita terus. Double-standard. Kita hendak kod etika untuk Raja-raja tetapi untuk kita sendiri tidak payah oleh kerana kita hendak "room to play". "Room to play with." Kita tidak mahu itu being tied down so that we cannot move in the commercial society, dengan izin. Ini bukan satu kes sahaja. Saya rasa ada banyak kes lagi yang sebegini ini. Cumanya kita tidak ada concrete proof sahaja.

Saya rasa Yang Berhormat dalam Dewan ini juga dan pegawai-pegawai Kerajaan pun tahu ada dengar dan nampak tetapi tidak boleh cakap kerana Official Secret Act. Rahsia—tidak boleh. Kenapa Kerajaan itu tidak mengarahkan BPR untuk menyiasat Ahli Parlimen dari Pendang dalam perkara ini oleh kerana dia kata, 3 juta syer, satu sen pun tidak payah bayar. Kalau ini bukan bukti yang konkrit, yang boleh ambil tindakan saya rasa BPR pun boleh tutup

kedailah. Tidak payah buat apa-apa lagi, sebab kalau ini bukan kes yang konkrit, boleh diambil tindakan, saya rasa BPR tidak payah buat apa-apa siasatan lagi. Lebih susah lagi kalau Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos ini. Jadi, saya harap Yang Berhormat sebelah sana ambillah tindakan. Iaitu ditunaikan—tunaikan slogan Barisan Nasional—"Kepimpinan Melalui Tauladan". Jangan panggil Raja-raja itu buat tauladan. Kita sendiri sebelah sana buat tauladan, menunjukkan kepada rakyat, kita ambil tindakan yang mana Menteri, yang mana Timbalan Menteri, yang mana Ahli Parlimen dan yang mana Ahli Barisan Nasional patut diambil tindakan. "Jangan menanam tebu di bibir mulut" sahaja dan lepas itu "batuk di tangga" sahaja dan double-standard. Orang awam diambil tindakan. Member-member kita sendiri tidak ambil tindakan, tidak apa malah cover up lagi. Yang itu kita marah. Saya rasa pegawai-pegawai Kerajaan dan hatinya hendak marah sampai tidak tahan, tak boleh cakap. Fed-up.

Dan juga dalam pindaan ini juga saya sangat kecewa oleh kerana tidak ada satu pindaan yang mengawal syarikat $2.00. Saya rasa, Menteri Perdagangan dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tahu. Ada banyak syarikat yang modalnya $2.00. Ada banyak. Dan mereka menggunakan syarikat ini untuk tipu atau menyeleweng ataupun untuk mendapat kontrak yang sebagai MAIKA Holdings. Ini satu contoh.

MAIKA Holdings itu SB Management Sdn. Bhd. dan Clearways Sdn. Bhd., dua syarikat ini ditubuhkan oleh siapa—S. Subramaniam, remisier Rashid Hussein. $2.00 modal syarikat-nya dan dapat syer berapa? 3 juta satu syarikat. Satu syarikat dapat 3 juta syer. 3 juta syer itu berapa? Kalau kita katalah $4.00 Telekom shares. $12 juta; katalah harganya $5.00. $15 juta. Satu syarikat $2.00 boleh beli syer, ada kemampuan hendak beli syer Telekom—15 juta. Clearways pun sama, $2.00 juga tetapi mendapat 3 juta syer,15 juta.Wang ini dari mana? Kalau syarikat itu dengan $2.00, modal $2.00 boleh beli 15 juta syer, wang itu dari mana ataupun kalau tidak ada connection, bagaimana ia diberi dapat syer yang begitu? Kenapa Kerajaan tidak ambil satu tindakan jikalau Kerajaan Barisan Nasional dengan sesungguhnya hendak mengawal keadaan supaya rakyat Malaysia, khususnya konsumer tidak ditipu oleh korporatkah atau pihak tertentukah? Kenapa kita tidak mahu adakan satu perenggan di pindaan ini? Menghalang-kan semua syarikat yang $2.00 ini buat apa-apa perniagaan sebelum mereka ada satu modal, bayar satu modal. Sama dengan, kalau dia hendak beli 15 juta syer, dia mesti bayar wang ini dalam syarikat dahulu dan failkan semua dokumen di dalam Pendaftar Syarikat. Kenapa tidak semua syarikat $2.00 yang orang awam telah kena tipu? Kenapa Kerajaan tidak ambil tindakan dalam hal ini? Hal syarikat $2.00 ini timbul di dalam Dewan yang mulia ini sudah beberapa kali. Bukannya sekali sahaja. Saya rasa siapa yang berada di sini sudah 4—5 kali. Yang Berhormat dari sebelah sana dan sebelah sini pun timbulkan. Tetapi Kerajaan tidak peduli, can't be bothered, dengan izin. Cuma ini eye-wash sahaja untuk Lembaga Pengarah, hendak control director. Baik. Kalau kita hendak control director, baik. Tetapi yang penting itu kita control syarikat. Kita mesti kawal syarikat yang $2.00 ini oleh kerana ramai orang sudah ditipu oleh syarikat yang sebegini ini. Yang modal $2.00.

Ada juga orang yang menggunakan syarikat $200 ini untuk mendapatkan kontrak Kerajaan. Saya ada dengar sumber-sumber ini. Tetapi belum dapat itu lagi. Dan juga ada satu kes saya dengar diberi tanah berekar-ekar tetapi sahamnya tinggi sedikitlah seperti sebuah syarikat yang bernama Solarwest Sdn. Bhd. Saya rasa Yang Berhormat pun mesti tahu. Syarikat ini berhubung-kait ataupun ada close relationship

...gan the administration sekarang. ...apa yang mengawal syarikat ini— ...atuk Eugene Campos. Saya rasa nama ...i ramai orang kenal yang diberi tanah ...i Bukit Kiara sebelah Bukit Kiara Equestrian Club yang dikawal oleh Tan ...ri Vincent Tan dan juga saya raya Yang Berhormat di sebelah sana pun sangat ...asih dengan nama ini. Dalam suratkabar ...ini kita boleh nampak dia member baik ...engan Perdana Menteri kita. Bergambar bersama-sama di Langkawi, ...i Johor dan baru-baru ini di Pulau Redang untuk buat pelaburan. Tanah di Bukit Kiara ini diberi kepada Syarikat Solarwest seluas 225.95 ekar. Itu ...ebidang tanah yang berharga tinggi, ...rime land, tanah yang paling sesuai. Kita boleh bawa kereta kalau hendak ...alik ke Petaling Jaya, dekat jalan sahaja. Untuk apa? Untuk buat golf club. Kerajaan memberikan tanah 225.95 ekar untuk Solarwest untuk dibuat satu golf club. Dia kata bagus, baik tetapi orang ini sangat pintar dan bijak. Dia pergi cari ...um Chang di Singapura, satu developer untuk joint-venture dengan dia. Tetapi sebelum mereka mengeluarkan modal, mereka menjual membership kepada orang awam. Seorang ahli yurannya $70,000 yang mana saya tahu sekarang ...ia sudah dapat 700 ahli. Dia mendapat $49 juta. Solarwest tidak payah menggunakan satu sen pun hendak membina golf club ini tetapi menggunakan wang yuran 700 orang ahli ini sudah cukuplah. Dia bukan hendak bina golf club sahaja tetapi hendak bina condominium untuk dijual. Kerajaan Barisan Nasional memberikan tanah kepada satu syarikat untuk bina condominium. Untuk kepentingan siapa? Kepentingan rakyat? Memang tidak. Rakyat jelata tidak berkemampuan hendak membeli kondominium di Bukit Kiara ini. Satu yunit mungkin $300 atau 400 ribu dan juga yuran membership $70,000.

Dr Kua Kia Soong: Saya ingin mendapat penjelasan daripada Ahli dari Alor Bintang. Dia ada kata tiada satu sen pun ditawarkan oleh Vincent Tan untuk projek di Bukit Kiara itu. Tetapi adakah dia sedar bahawa di Pulau Redang bukan sahaja dia tidak perlu menawarkan satu sen tetapi nampaknya Kerajaan Negeri Terengganu hendak tawarkan pembinaan airport di sana dan pembinaan satu paip untuk memberi air daripada Semenanjung kepada projek di sana. Tawaran ini diberi walaupun sudah lama orang-orang kampung di Pulau Redang tidak dapat air paip yang bersih pada masa itu.

Tuan Wee Choo Keong: Walau pun saya tidak sedar tetapi sekarang saya sudah sedar dan juga saya tidak berapa surprise atau terperanjat oleh kerana ini perkara biasa. Kerajaan Barisan Nasional tidak jaga orang yang miskin, dia cakap sahaja membasmikan kemiskinan dan sebagainya. Kalau dengan sesungguhnya mereka hendak membasmikan kemiskinan, dia tidak payah approved atau luluskan sebidang tanah seluas 225.95 ekar untuk membina padang golf ataupun kelab dengan yuran keahliannya $70,000 seorang. Kalau mereka menggunakan tanah yang sebegini untuk membina rumah kos rendah, saya rasa ramai rakyat di Kuala Lumpur boleh ada rumah ataupun roof over their head. *(Tepuk)*

Jangan lupa siasatan saya juga sudah ada bukti bahawa tanah ini actually sudah di"earmarked" untuk national cemetery. Tetapi sekarang oleh kerana development atau pembangunan sampai national cemetery pun kita boleh tolak. Untuk apa? Untuk diberi kepada dua orang tokoh komersial itu. Tan Sri Vincent Tan sudah dapat beberapa ratus ekar juga di sebelah sana. Di sebelah sini Datuk Eugene Campos dan beliau juga seorang penasihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Kalau ini tidak ada conflict of interest, apa lagi. Saya pun tidak faham definisi conflict of interest ini. Tanah ini begitu mewah, elok dan cantik. Kenapa kita mesti berikan kepada tokoh millionaire? Kenapa tidak kita

boleh buat satu play ground untuk semua kanak-kanak, kakitangan Kerajaan dan rakyat jelata pergi picnic ke sana seperti di Hyde Park di London. Semua orang awam boleh pergi jikalau Kerajaan tidak mahu membangunkan rumah kos rendah di sana. Kenapa? Di Kuala Lumpur di mana lagi kita ada play ground atau tempat di mana mereka boleh pergi picnic pada hari Ahad dan boleh bawa semua ahli keluarga. Saya rasa tidak ada tetapi kalau golf club kita sudah ada berapa golf club sekarang. Minimanya lima golf club, di Bukit Kiara sekarang ada dua golf club. Dari sana turun sedikit ada satu lagi. Saya rasa 2 atau 3 km ada Tropicana pula, itu projek Tan Sri Vincent Tan pula ada iaitu di highway hendak pergi ke Klang dan turun lagi sedikit ada lagi satu golf club. Dalam sekitar 20 km saya rasa kita ada empat golf clubs.

Apa? Kerajaan Barisan Nasional sudah ada golf culture? Kita hendak golf, golf, golf! Kalau kita ada lebih banyak golf mungkin kita boleh sampai tahap negeri Jepun. No way, no chance. Sebab attitude Kerajaan, attitude Menteri Menteri kita tidak sama dengan atittude mereka. Oleh kerana kalau kita tengok Menteri Jepun ada satu plane crash, kapal terbang jatuh, tidak ada sangkut-paut dengan Menteri Pengangkutan, dia terus letak jawatannya. Oleh kerana apa? Oleh kerana dia ada maruah, bertanggung jawab. Seperti Menteri yang begini iaitu Menteri Tenaga, Telekom dan Pos sudah disiasat oleh BPR, sudah diarahkan untuk isytiharkan harta bendanya dan harta anak-anaknya masih duduk di sini.Berani datang di Parlimen lagi.Itu ada maruah?

Seorang Ahli: Malulah!

Dr Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan Ahli dari Bukit Bintang, dalam pengetahuan saya arahan Perdana Menteri mengenai Pandang ke Timur, kalau kita pandang ke Timur kita lihat di negara Jepun kalau ada berlaku skandal-skandal macam ini, Menteri-Menteri terus letak jawatan. Kalau kita pandang Barat, kita pun nampak bila berlaku skandal-skandal macam ini, Menteri-Menteri di sana pun letak jawatan.

Sekarang kalau kita pandang Selatan, kita pun nampak di negeri India bila Menteri Perdagangannya terlibat dalam skandal dia pun letak jawatan.

Kalau kita pandang Utara seperti Canada atau macam negeri Eskimo mereka pun ada standard untuk meletak jawatan serta-merta. Nampaknya Kerajaan kita tidak mengikut apa yang dia kata. Adakah ini benar?

Tuan Wee Chee Keong: Memanglah benar sebab kalau kita lihat dalam perkara yang disebutkan oleh Ahli dari Petaling Jaya, kita lihat di England sahaja dua tiga tahun dahulu ada seorang Pengerusi Conservative Party terlibat dalam satu skandal girlfriend bernama Sarah Kee. Dengan kes itu pun mereka meletak jawatan. Yang satu lagi, Mr. Geoffrey Archer pun letak jawatan. Mereka ambil tindakan sendiri. Oleh kerana apa? Oleh kerana mereka menjaga maruah mereka Jaga maruah Dewan ini. Dan mereka juga ada satu accountability. Tetapi Menteri yang begini, yang cemarkan Dewan yang mulia ini, cemarkan Kerajaan Barisan Nasional, cemarkan Kabinet dan masih beliau dilindungi oleh Perdana Menteri kita dan juga semua ahli-ahli di sini.

Tuan Yim Chee Chong: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat sebentar, dia minta jalan.

Tuan Wee Chee Keong: Ini tidak ada standardlah. Saya tidak mahu layan. Kita bincang kes serius . . . .

Tuan Yim Chee Chong: Mana tidak ada standard. Sini ada. Apa maknanya dia kata tidak ada standard? *(Ketawa)*

Macam mana hendak memutuskan bahawa seseorang Ahli Parlimen tidak ada standard. You dari DAP menghina Ahli Parlimen dalam Dewan yang mulia ini. Ini untuk kepentingan politik DAP sahaja . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat . . . .

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Pertua . . . .

Tuan Yim Chee Chong: Orang yang bercakap itu ada standard atau tidak, saya minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat mengatakan Perdana Menteri melindungi Menteri . . . .

Tuan Wong Wing On: Apa itu, apa itu! Tuan Speaker, halau dia keluar!

Tuan Yim Chee Chong: . . . . minta letak jawatan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak beri jalan.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan soal perletakan jawatan.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Pertua, itulah yang saya kata tidak ada standard itu. Oleh kerana saya tidak beri jalan dia masih hendak bercakap. Kalau dia ada standard, dia tidak diberi jalan, dia duduk. Jadi bolehkah saya teruskan?

Tuan Yim Chee Chong: Point of order 36(6) . . . .

Datin Ling Chooi Sieng: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat mana satu ini? Lumut . . . .

Tuan Yim Chee Chong: Sebab pandangan itu tidak bererti. Lumut you hendak cakapkah? *(Ketawa)* Sudah duduk! *(Ketawa)*

Seorang Ahli: Point of order berapa?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, point of order berapa ini. Point of order yang ke berapa?

Tuan Yim Chee Chong: 36(6), saya diberitahu oleh sahabat saya. *(Ketawa)* 36(6), Teruskan. *(Ketawa)*

Datin Ling Chooi Sieng: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Lumut.

Datin Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, point of order 36(4) . . . . *(Diganggu)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, ini point of order.

Datin Ling Chooi Seng: Adalah salah pada sesuatu mesyuarat bagi seseorang ahli menggunakan bahasa biadap. Itu terkandung dalam 36(4) di mana Yang Berhormat telah menggunakan "insulting language" kepada seorang Ahli Parlimen di sini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, elakkan dari menggunakan perkataan..

Tuan Wee Choo Keong: Perkataan itu kita kata dalam Dewan ini akan tolerant, oleh kerana saya sudah kata kepada dia saya tidak beri jalan. Tetapi dia terus hendak kacau. Memang saya kata dia tidak ada standard.

Tuan Yim Chee Chong: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sekejap. Ada point of order.

Tuan Wee Choo Keong: Sungguhkan ada point of order. Nanti Yang Berhormat cakap yang lain, saya pening juga. *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, menurut Standing Order 36(6) yang berbunyi "bahawa seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat kepada sesiapa ahli yang lain."

Seorang Ahli: No standardlah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat . . . .

Tuan Yim Chee Chong: Ini no standard. Ini sangkaan jahat. Minta tarik balik.

Tuan Wee Choo Keong: Ini bukan satu sangkaan jahat, sangkaan tidak baik. Ini satu fact. Bagaimana kalau satu fact dianggap satu sangkaan jahat? Saya minta kalau saya boleh teruskan kes ini seperti apa yang saya kata tadi seperti Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos terlibat dalam skandal-skandal syer Telekom ini $9 juta melibatkan berapa orang, 66,000 orang kaum India. Sudah isytiharkan semua suratkhabar . . . .

Tuan S. S. Subramaniam: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada satu orang lagi bangun.

Seorang Ahli: MAIKA lagi!

Tuan Wee Choo Keong: Oh, kawan saya hendak mempertahankan member dia. Persilakan.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, Standing Order 36(6) sangkaan jahat terhadap Menteri kita. Saya ingin dapat tahu daripada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang ini, kes ini masih dalam siasatan. Saya ingin beritahu kepada Yang Berhormat janganlah *(Disampuk)* . . . . ini sangkaan jahat terhadap Menteri. Saya ingin mendapat tahu dari Yang Berhormat dari Bukit Bintang ini macam mana Yang Berhormat boleh ambil satu keputusan di atas perkara ini sebelum siasatan diselesaikan.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua . . . .

Seorang Ahli: Duduklah!

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan buat tuduhan yang tidak ada bukti . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat sebentar ya. Ini point of orderkah atau penjelasan?

Seorang Ahli: Belum selesai! Point of order belum selesai.

Tuan Yim Chee Chong: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Penjelasan. Hendak beri jalan?

Tuan Wee Choo Keong: Saya hendak beritahu kawan saya daripada . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia minta penjelasan, beri dia jalan.

Tuan Wee Choo Keong: Dia hendak minta penjelasan? Tidak payahlah. Seperti kawan saya di sebelah sana, any time say beri. Yang itu tidak payahlah.

Seperti apa yang dikatakan tadi, kata ...a menghina seorang Menteri. Ini ...kan soal menghina seorang Menteri. ...aya minta untuk digantungkan tugas ...elian sekarang, untuk suspend, oleh ...erana Kerajaan ada satu standing order ...ntuk pegawai-pegawai mereka semua ...kalau ada satu siasatan seperti ini yang ...BPR termasuk dalam siasatan itu ...nestilah seorang pegawai itu digantung ...lahulu. Dan kalau akhirnya dibuktikan ...idak ada kes, dia boleh jadi Menteri ...emula dan boleh mendapat semua back ...aynya. Bukannya kata gantung supaya ...angan bayar salary atau gaji kepada dia. ...Memang dibayarkan semua gaji.

Tuan S. S. Subramaniam: *(Bangun)*

Tuan Yim Chee Chong: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan ...aji Juhar bin Haji Mahiruddin): ...ang Berhormat dia bangun lagi. ...endak beri jalan?

Tuan Wee Choo Keong: Apa?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan ...aji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia ...ngun. Hendak beri jalan?

Tuan Wee Choo Keong: Boleh, ...leh. Kepada kawan saya di sebelah ...na. Okay. Yang sebelah lagi, tidak ada ...asa.

Seorang Ahli: MCA tidak boleh. ...IC boleh.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan ...ang di-Pertua, masih di dalam 36(6). ...emang Yang Berhormat dari Bukit ...intang sedang melanjutkan apa yang saya telah kata dengan tujuan ...enghinakan Yang Berhormat Menteri ...ita. Kita sehingga masa ini tidak ada ...itu siasatan yang penuh di atas apa yang ...dah berlaku. Saya ingin mengingatkan ...epada Yang Berhormat dari Bukit Bintang, jangan buat satu judgement ...ada masa sekarang. Tunggulah sampai ...dapat judgment, barulah Yang Berhormat boleh dapat tahu apakah keputusan yang kita boleh ambil di atas kes ini. Yang Berhormat jangan "jump the gun", dengan izin.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak 'jump the gun' BPR yang 'jumps the gun'. BPR perg... siasat dan memanggil beliau meng... isytiharkan semua harta benda beliau. Hujah-hujah saya itu ialah mengena... dengan syer-syer yang dikeluarkan dan juga maklumat yang kita dapat bukanlah daripada kakilima dan di pasar, tetapi dapat daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Beliau memberi maklumat ini di dalam Dewan ini. Katanya $9 juta syer Telekom ini dihijack oleh pihak tertentu dan selepas itu mereka membuat siasatan.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan ...Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sebentar, ya! Yang Berhormat tidak beri jalan lagi?

Tuan Wee Choo Keong: Tida... berilah sebab . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan ...Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Di... tidak beri, Yang Berhormat.

Tuan S. S. Subramaniam: Sa... bangun atas point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Wee Choo Keong: Okay, silakan.

Tuan S. S. Subramaniam: Sa... ingin mendapat tahu siapa hijack syer ini? Siapa hijack? Menteri ada kuasa untuk memberi syer ini. Apakah sebab untuk you cakap dia hijack? Macam mana you ambil satu keputusan? Tunggulah sampai ACA buat satu siasatan, baru you boleh kata dia hijack atau tidak hijack. Macam mana you tahu dia ada hijack?

Tuan Wee Choo Keong: Bukan saya seorang sahaja yang tahu, seluruh rakyat Malaysia sekarang sudah tahu, saya rasa sampai England dan Australia pun semua orang tahu. Syer-syer ini kalau dengan simple language dihijack oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos. Ini satu hakikat yang kita semua sudah terima sekarang. Kalau tidak, BPR tidak akan menyiasat dan tidak akan mengarahkan kepada beliau untuk mengisytiharkan harta benda beliau dan Menteri Kewangan juga tidak akan . . . .

Tuan S. S. Subramaniam: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, dia bangun lagi. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Wee Choo Keong: Point of order atau mahu penjelasan?

Tuan S. S. Subramaniam: Point of order.

Tuan Wee Choo Keong: Okay, no problem.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, point of order 36(1), Yang Berhormat dari Bukit Bintang masih melanjutkan satu kegiatan yang tidak berpatutan, iaitu di dalam tajuk Akta Syarikat ini, dia masih sedang mengaitkannya perkara MAIKA ini. Apakah berkaitan masalah MAIKA dengan Akta syarikat ini?

Tuan Wee Choo Keong: Itu simple sahaja. Saya gunakan MAIKA Holdings itu untuk relation dan contoh sahaja. Yang saya katakan tadi ialah mengenai SB Management and Services Sdn. Bhd. dan Clear Way Sdn. Bhd. dan kawan saya di sebelah sana buat tidak tahu mengenai two dollar companies ini—syarikat dengan modal $2 ini. Seperti yang saya kata dalam kes ini, syarikat bermodal $2 inilah yang kita takut, dan kita mengambil perhatian dan membuat satu Akta pindaan untuk mengawal syarikat bermodal $2 ini.

Tuan S. S. Subramaniam: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, dia bangun lagi. Minta penjelasan.

Tuan Wee Choo Keong: Penjelasan atau apa?

Tuan S. S. Subramaniam: Penjelasan.

Tuan Wee Choo Keong: Sila.

Tuan S.S. Subramaniam: Adakah Yang Berhormat tidak sedar ada juga lain-lain syarikat dengan modal $2 yang membuat macam-macam kegiatan yang kita boleh bangkitkan di sini? Apa sebab Yang Berhormat dari Bukit Bintang masih berulang-ulang kali menyentuh MAIKA sahaja?

Tuan Wee Choo Keong: Itulah yang saya katakan tadi, kita mesti mengawal syarikat yang $2 ini. Awak sudah bersetuju dengan saya, dan tolonglah cakap dengan Timbalan Menteri supaya beliau membuat satu pindaan khas untuk mengawal syarikat $2 ini. Memang awak sudah setuju dengan saya. Tadi awak kata, "Adakah Yang Berhormat dari Bukit Bintang sedar atau tidak bahawa ada banyak lagi syarikat $2 ini yang buat sedemikian?" *(Ketawa)* Itu apa? Kawan saya di sebelah sana janganlah putar belit, sebab ini bukannya mesyuarat MIC, ini mesyuarat dalam Dewan Rakyat. Apa-apa yang kita cakap kita mesti sanggup terima. Jangan putar belit-putar belit, tidak bagus.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Bukit Bintang, saya minta teruskan ucapan dalam masa lima minit. Yang Berhormat telah berucap satu jam.

Tuan Wee Choo Keong: Dia kacau saya!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Jangan beri dia jalan kalau dia kacau *(Ketawa)* Teruskan ucapan.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Pertua kata, jangan beri jalan. Sorry saya . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Oleh kerana ucapan ini terlalu panjang, jadi saya minta Yang Berhormat menyudahkan.

Tuan Wee Choo Keong: Dia kacau saya!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Point Yang Berhormat ini berulang-ulang, jadi tidak payah ulanglah. Kita minta Yang Berhormat menyudahkan ucapan pada jam 6.00.

Tuan Wee Choo Keong: Dia kacau saya.

Tuan Yim Chee Chong: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Seremban, duduklah.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, point of order 37. Dia mengganggu orang lain berucap.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dua-dua duduk.

Tuan Ahmad bin Nor: Point of order 37, Tuan Yang di-Pertua. Mengganggu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Lima minit, Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong: Tidak adillah, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana mereka yang kacau saya. Saya bercakap, berbincang tadi dalam keadaan yang baik, bila masuk kepada hal MIC, MCA kacau. UMNO Baru, kawan baik kita, tidak kacau kita.

Tuan Wong Wing On: Tuan Speaker, saya hendak minta penjelasan. Saya terperanjatlah kerana politik MCA telah jatuh sebegitu rendah. Sekarang MCA hendak mempertahankan MIC. Sepatutnya seorang lagi Menteri yang patut letak jawatan ialah Menteri Pengangkutan di mana berpuluh-puluh kemalangan telah berlaku dan ramai orang telah mati tetapi dia masih "char kue tiau" sebagai Menteri—goreng "kue tiau" di seluruh negara sebagai Menteri. Adakah ini betul?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Yin Chee Cheong: *(Bangun)*

Tuan Wee Choo Keong: Memang ini sangat betul. Tolong duduklah, saya tidak ada masa sekarang ini. Itu memangnya benar dan sekarang kita...

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Duduklah, dia tidak beri jalan.

Tuan Wee Choo Keong: Gunakan 44(2), Tuan Yang di-Pertua. Ketua Pembangkang digunakan 44(2). Sekarang gunakan 44(2), halaukan dia keluar kerana tidak mendengar arahan Tuan Speaker.

Tadi saya kata, Menteri yang begini yang terlibat dalam kes skandal, ada rasuah, menyalahgunakan kuasa dan ingredients itu, semua ada tetapi dilindungi oleh Kerajaan Barisan Nasional . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):

Yang Berhormat sebentar. Yang Berhormat mengatakan tentang konduk Menteri—ini jauh remote daripada topik yang dibincangkan.

Tuan Wee Choo Keong: No, no, saya rasa . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat telah menceritakan tentang konduk Menteri. Konduk-konduk Menteri ini tidak ada kena-mengena dengan Akta ini sekarang.

Seorang Ahli: *(Menyampuk)*

Beberapa Ahli: Duduk, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ya, saya sedang memberi peringatan. Yang Berhormat minta menyambung ucapan sampai jam 6.00. Yang Berhormat telah berulang-ulang kali menyentuh tentang Menteri ini, yang tidak ada direct link dengan perkara yang dibincangkan.

Tuan Wee Choo Keong: Mesti ada hubung-kait.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tetapi konduk sebagai Menteri bukan yang kita sebutkan dalam undang-undang ini sekarang.

Tuan Wee Choo Keong: No, sebab ini pindaan syarikat dan terlibat dalam Clearway Sdn. Bhd. dan SB Management and Services Sdn. Bhd. dan dua syarikat ini melalui Menteri mendapatkan $9 juta Telekom syer ini. Jadi tidak boleh kata tidak terlibat langsung. Saya rasa sangat sesuai dan juga tepat bagi kita membangkitkan perkara ini oleh kerana Kerajaan tidak membuat satu pindaan di sini, Kerajaan sengaja tidak membuat satu pindaan untuk mengawal syarikat yang $2 ini oleh kerana mereka tahu MIC dan MCA mungkin hendak menggunakan syarikat $2 dengan begini untuk mendapat syer juga. Kalau tidak mengapa tidak dimasukkan ini, sebab ini satu kes . . . .

Tuan S. S. Subramaniam: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, dia bangun lagi, dia minta jalan.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Speaker kata jangan beri jalan. Jadi saya tidak mahu beri jalan. Sila duduk.

Tuan S. S. Subramaniam: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Standing order.

Tuan Wee Choo Keong: Standing order what?

Tuan S. S. Subramaniam: Standing order 36(6)—sangkaan jahat terhadap MCA dan MIC. Dia kata syarikat-syarikat MCA dan MIC dengan $2 sedang menggunakan. Saya tahu syarikat-syarikat daripada DAP dengan $2 pun ada menggunakan. Adakah Yang Berhormat kata ini benar atau tidak benar?

Tuan Wee Choo Keong: Saya rasa Tan Sri Speaker telah membuat satu ruling dahulu mengatakan kita tidak boleh membuat satu tuduhan kepada seorang Ahli Yang Berhormat. Kepada parti tidak apa. Selalu mereka membuat tuduhan kepada DAP juga, tetapi kita gentleman, tidak buat seperti itu. Kita gentleman, kita boleh sanggup dan mengapa awak tidak sanggup? Siapa makan lada dia rasa pedas. Tidak apalah, itu kita faham.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat ada one minute. Sila teruskan.

Tuan Chor Chee Heong: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, point of order lagi.

Tuan Chor Chee Heong: Tuan Yang di-Pertua, 36(1). Saya berpendapat Ahli dari Bukit Bintang selalu berucap pun 'pi mai-pi mai tang tu' sahaja. Sengaja buang masa. Saya ingat Tuan Yang di-Pertua, terpaksa buat satu ruling, kalau tidak, sampai malam ini tidak akan habis.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, kebetulan rasanya sudah tepat . . . .

Tuan Wee Choo Keong: Saya hendak habis sebentar lagi. Saya akan gulungkan ini. Seperti itu kita mesti ada satu perenggan juga untuk mengawal Kerajaan pula supaya Kerajaan tidak campur tangan di dalam syarikat-syarikat swasta. Seperti kawan saya dari Nilam Puri tadi mengulangkan kes Pergau. Pergau ini satu projek swasta, oleh kerana Tenaga Nasional sudah diswastakan oleh Kerajaan Barisan Nasional, jadinya kenapa masalah antara satu syarikat swasta Tenaga Nasional Berhad dengan Kerajaan Kelantan, Kerajaan Persekutuan berminat dalam perkara ini. Saya tidak pernah dengar lagi sebuah Kerajaan Persekutuan campur tangan dalam satu syarikat swasta seperti Tenaga Nasional, walaupun syarikat ini sudah diswastakan. Saya rasa dalam kes ini Kerajaan memang tepatlah buat satu pindaan dalam ini untuk mengawal Kerajaan supaya Kerajaan tidak mencampur tangan dalam syarikat swasta, oleh kerana ini satu business transaction antara Kerajaan Kelantan dengan Tenaga Nasional. Memanglah sebuah Kerajaan kalau sesiapapun hendak gunakan tanah Negerinya memang kena bayar pampasan atau bayaran, seperti sesiapa hendak gunakan tanah di rumah kita. Seperti kalaulah Kerajaan hendak ambil tanah melalui Land Acquisition Act, tanah saya, Kerajaan pun kena bayar pampasan dalam peruntukan di bawah Akta. Kenapa kita tidak masukkan dalam perenggan ini untuk mengawal Kerajaan supaya Kerajaan tidak menyalahgunakan kuasa kepada syarikat swasta ataupun Kerajaan Tempatan, iaitu yang penting.

Dan juga saya harap Menteri yang berkenaan boleh ambil perhatian dalam perkara Solarwest ini yang diberi tanah rakyat, tanah yang mewah, tanah prime land di Bukit Kiara 225.95 ekar yang akan digunakan membangun kondominium dan juga menahankan mereka ataupun berhentikan mereka supaya mereka tidak isytiharkan di dalam suratkhabar ataupun surat pekeliling untuk mendapat ahli daripada rakyat Malaysia, oleh kerana kita mesti jaga kepentingan rakyat. Jikalau syarikat ini katalah bankrup, dia boleh terus bungkus balik ke Singapura, dan siapa yang dapat kesusahan. Rakyat Malaysia, sebab mereka sudah bayar $70,000 seorang kepada Syarikat Solarwest ini. Dan saya harap Kerajaan boleh ambil tindakan dan juga boleh check perkara ini, dan juga tolonglah check perkara remiser license ini yang dikeluarkan oleh Pendaftar Syarikat dan dua tiga tahun ini kepada remiser sama ada mereka ini layak atau tidak layak buat satu investigation, dengan izin. Dan juga memang MAIKA Holding, saya harap Perdana Menteri juga ambil tindakan untuk janganlah melindungi Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos dalam perkara ini, tolonglah menggunakan standard yang sama yang akan digunakan kepada pegawai Kerajaan bila mereka disyaki terlibat di dalam rasuah ataupun menyalahgunakuasa, iaitu saya harap Kerajaan boleh fikir sekali lagi dan masukkan cadangan saya tadi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

6.05 ptg.

Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar): Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga mengambil bahagian dalam pembahasan pindaan kepada Akta Syarikat 1965 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pada hari kelmarin. Cuma dalam ucapan ini saya hanya memberi sedikit pandangan saya sendiri, dan ingin saya memberi pengakuan saya tidak akan merayau dan keluar dari tajuk seperti Ahli dari Jelutong kelmarin. Fasal soal pita video itu sahaja dia telah membuangkan masa dekat-dekat satu jam. Saya pun tidak tahu sama ada apa yang dilahirkan ataupun apa yang dikatakan oleh beliau adalah membina ataupun berkaitan dengan pindaan kepada Akta Syarikat. Tetapi pada hari ini apabila seorang Ahli daripada Parit Sulong sentuh sedikit tentang apa yang dikatakan oleh Ahli dari Jelutong kelmarin, dia (Jelutong) mengamuk, kata orang buang masa dan ucap keluar tajuk. Ini seolah-olahnya nampak seperti 'a pot calling a kettle black' ataupun dalam bahasa Mandarin 'Co ce hun ce', maksud 'orang yang mencuri mendakwa orang lain pencuri juga'. Ini adalah salah satu tindakan yang kurang memuaskan yang telah berlaku di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Lau Dak Kee: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Ipoh bangun.

Tuan Chor Chee Heung: Saya tak sempat hendak bermula sahaja, dia hendak kacau pula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Point of order?

Tuan Lau Dak Kee: *(Menyampuk)*

Tuan Chor Chee Heung: Tidak payahlah saya ingat, lagi 25 minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, point of order.

Tuan Chor Chee Heung: Point of order, okay!

Tuan Lau Dak Kee: Apa dia sebut kena tepat juga, sebab bahasa Mandarin itu 'Co ce hun ce' dia kata tidak tepat. Mungkin bahasanya tidak begitu baik. Maaf ya.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, ini memang adalah terjemahan saya. Ini bukan point of order, tidak bersangkut langsung. Baiklah, Tuan Yang di-Pertua, balik kepada tajuk, saya pun malas hendak buang masa dengan orang di sebelah situ.

Tuan Yang di-Pertua, memang pindaan-pindaan yang dicadangkan oleh Kerajaan amatlah dialu-alukan dan tepat dari segi masanya. Saya percaya pindaan-pindaan yang dicadangkan, jika diluluskan dalam Dewan yang mulia ini akan melicinkan jentera pentadbiran, dan dari segi penguatkuasaan memang kemudahan akan diberikan kepada Pendaftar Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam dunia korporat pada hari ini adalah makin canggih. Dan dalam cadangan pindaan ini kita dapati ada lebih pada 40 pindaan. Saya harap dengan pindaan-pindaan yang akan diluluskan maka kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh syarikat-syarikat ataupun pegawai-pegawai syarikat dari segi penyelewengan, dari segi penyalahgunaan kuasa yang mengakibatkan keburukan kepada pemegang-pemegang saham akan mendapat perlindungan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita membaca suratkhabar tiap-tiap hari kita juga dapat tahu bahawa dalam dunia ini betapa banyak skandal berkenaan dengan syarikat sering berlaku. Dan satu misalan yang paling tepat adalah Syarikat Carrian di Hong Kong, dan

kedua adalah Syarikat Maxwell ataupun Maxwell Paper Publishing Empire yang mana pegawai-pegawai syarikat telah melalui menyalahgunakan kuasa membuat kesalahan dan pemegang-pemegang saham telah tertipu oleh kelakuan mereka ini. Jika negara kita mempunyai satu Akta Syarikat yang cukup kemaskini yang mana loopholes-loopholes, dengan izin, dapat ditutup, maka kesalahan-kesalahan korporat ataupun kesalahan-kesalahan syarikat dapat juga kita mengelakkan.

Tuan Yang di-Pertua, setelah saya meneliti pindaan-pindaan yang dicadangkan, saya rasa memang adalah baik, akan tetapi dalam Akta Syarikat 1965 ini masih terdapat juga lain-lain kesalahan yang masih belum dikemaskini ataupun dari segi hukuman masih belum cukup berat. Saya telah meneliti Akta Syarikat dan beberapa jenis kesalahan dari segi memfailkan borang dengan Pendaftar Syarikat dan lain-lain lagi, yang mana hukuman cuma setakat $500 hingga $1,000 sahaja. Saya harap Kerajaan selepas pindaan dapat diluluskan, dari masa ke semasa akan juga meneliti dan menghalusi Akta ini hingga pada satu hari kita dapat mengadakan satu akta syarikat yang betul-betul kemas.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kerajaan kita harus senantiasa berwaspada memandangkan jenayah-jenayah kolar putih makin menular, langkah-langkah terpaksa diambil untuk mengetatkan lagi undang-undang berkaitan dengan syarikat khususnya Akta Syarikat 1965. Memang Kerajaan kita juga dalam pindaan kepada Akta Syarikat mempunyai hasrat untuk melindungi pemegang-pemegang saham minoriti ataupun dalam bahasa undang-undang syarikat, 'protection of minority interests'. Kalau kita mempunyai loopholes dalam Akta Syarikat maka pegawai-pegawai atau Pengarah-pengarah Syarikat di mana-manapun boleh melalui loopholes ini dapat menipu dengan mudahnya pemegang-pemegang saham, dan ini adalah salah satu perkara yang kita tidak ingini.

Tuan Yang di-Pertua, satu point lagi yang mana saya ingin membawa kepada kesedaran semua Ahli-ahli Yang Berhormat adalah berkenaan soal menyenaraikan syarikat-syarikat di BSKL. Selepas kita meneliti syarikat-syarikat yang telah disenaraikan di BSKL, pada pendapat saya, ada banyak syarikat dengan begitu mudah disenaraikan di BSKL hanya mengikut track record mereka yang mana hanya mencatatkan keuntungannya dari tiga hingga lima tahun, seolah-olahnya penyenaraian syarikat di BSKL ini adalah macam durian runtuh kepada para Pengarah. Sebab kalau sebuah syarikat telah disenaraikan di BSKL, maka dari segi pinjaman, dari segi perolehan funds, dengan izin, dengan mudahnya didapati melalui public issue, rights issue dan lain-lain lagi.

Dalam tahun ini saya berpendapat begitu banyak syarikat yang telah disenaraikan tetapi sebenarnya masih belum mencapai rekod yang betul-betul cemerlang supaya disenaraikan di BSKL. Tetapi mengikut kajian CIC kita, syarikat-syarikat itu telahpun diberikan masuk dan disenaraikan di BSKL.

Saya harap pihak CIC lebih mengetatkan lagi syarat-syarat yang mana syarikat-syarikat ingin hendak disenaraikan di BSKL kita.

Satu lagi perkara yang mana CIC harus berwaspada ialah terlalu banyak syarikat telah minta kelulusan untuk mengadakan rights issue, dengan izin. Ini memang adalah satu trend sekarang dan saya juga harap pihak CIC dapat mengkaji dengan mendalam sama ada syarikat yang ingin mendapat kelulusan rights issue betul-betul mempunyai kelayakan ataupun patut untuk mengadakan rights issue. Mengikut trend sekarang, kalau kita tengok dari segi rights issue, memang apabila syarikat-syarikat hendak cari sumber

kewangan daripada pemegang saham untuk membeli tanah ataupun harta benda dengan mudahnya dan mereka akan mengeluarkan rights issue kepada pemegang saham. Memang dari segi public atau orang ramai, mereka memang tidak mengetahui sama ada syarikat-syarikat ini dengan secara b tulnya mengeluarkan tawaran rights issue untuk membeli harta demi untuk kebaikan syarikat mereka atau pengarah sebagai individu sahaja. Ini adalah kerja CIC.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan kepada Akta Syarikat ini, Fasal 29 yakni berkenaan dengan setiausaha-setiausaha syarikat. Buat masa ini kita tahu, sesiapa yang ingin menjadi setiausaha sesebuah syarikat, tidak payah mempunyai kelayakan dan mengikut pindaan kepada syarikat ini, memang ini adalah satu peruntukan yang baik yang mana Pendaftar Syarikat dapat mengawal sama ada seseorang itu layak atau berhak untuk memegang jawatan sebagai setiausaha dalam syarikat itu. Jawatan setiausaha dalam sesebuah syarikat adalah sangat penting dan mustahak. Seorang setiausaha kalau beliau mempunyai niat untuk menipu, maka pemegang saham dengan tanpa pengetahuannya kadangkala dapat ditipu oleh kerana setiausaha mengambil kesempatan, sengaja melakukan kesalahan ini.

Dalam pindaan kepada Akta Syarikat ini, kita juga melihat ada satu seksyen yang mana Pendaftar Syarikat dapat mengawal kegiatan-kegiatan syarikat dengan konsep baru mengenai berkongsian masa (time-sharing) dan kelab golf.Ini adalah satu pindaan yang baik dan tepat dari segi masanya sebab konsep time-sharing atau berkongsian masa dan kelab golf ini telah menjadi popular. Dan jika Kerajaan kita tidak mempunyai satu Akta Syarikat yang mana kita dapat mengawal kegiatan-kegiatan syarikat yang menjual konsep time-sharing, dengan izin, atau kelab golf ini, maka saya percaya sekiranya ahli-ahli lembaga pengarah syarikat-syarikat tidak begitu jujur, banyak pemegang saham akan tertipu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat konsep time-sharing ini, sebuah syarikat yang menjual keahlian dalam konsep time-sharing sebelum pindaan ini, dapat melalui *modus operandi* mereka menjual kepada 52 orang pemegang saham atau 52 orang ahli, sebab mengikut konsep time-sharing setiap orang ahli dapat mengguna kemudahan baikpun apartment mahupun lain-lain kemudahan untuk selama 7 hari dalam satu tahun. Jika kita melihat dari sudut ini, maka syarikat tersebut dapat menjual keahliannya kepada 52 ahli. Dan melalui pindaan yang akan diluluskan, saya harap syarikat-syarikat yang menjual keahliannya dalam konsep ini dapat juga dikawal demi melindungi kepentingan pemegang saham.

Selepas saya meneliti pindaan-pindaan dalam bill ini, saya tidak dapat melihat pindaan yang sepatutnya diadakan berkenaan dengan 'insider trading' ataupun perniagaan dalaman. Kalau kita perhatikan dalam dunia ini kesalahan insider trading atau perniagaan dalaman adalah salah satu kesalahan yang cukup susah bagi kita mencari bukti baik untuk tujuan mahkamah mahupun di pihak Polis.

Insider trading pada beberapa tahun kebelakangan ini telahpun menjadi satu trend juga, yang mana orang-orang dalaman yang ada hubungan rapat dengan Pengarah Syarikat dapat dengan mudahnya memperolehi keuntungan yang tidak sihat. Saya harap, pihak Kerajaan akan memberi perhatian soal insider trading ini dan kita harap Kerajaan dapat dari masa ke semasa mengemaskinikan Akta-akta Syarikat hingga kita dapat satu Akta Syarikat yang cukup kemas memandangkan negara kita sedang dalam proses membangun dan jangan kita sampai ke tahap yang mana Malaysia sudah menjadi negara maju, barulah kita

mencari jalan untuk membuat pindaan, untuk mengemaskini Akta Syarikat kita.

Maka dengan kata-kata demikian, saya pohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Batang Lupar.

6.21 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bercakap ini 'slow' sahaja. Sebelum itu saya ucapkan syukur Alhamdulillah kerana selama kawan saya dari Alor Star bercakap tadi, tiada haru-biru, memekik, melolong yang berlaku di Dewan. Jadi, itu menunjukkan yang kita tidak hendak lagi perkara-perkara yang berlaku semalam berlaku lagi pada hari ini. Dengan itu, saya berdoa juga semasa saya bercakap ini tolonglah jangan kacau, jangan bising sangat, sebab saya cakap tidak bising. Kita semalam sudah cakap soal moral, soal demokrasi dan macam-macam kita sudah cakap. Soalan moral patutnya bermula di Dewan yang mulia ini. Di Dewan yang mulia ini adalah lambang kemerdekaan kita, lambang keutuhan dan kedaulatan negara ini dan sepatutnya kitalah sebagai Ahli Parlimen, bukan sahaja dengan perkataan tetapi juga dengan tindakan kita berani menentang sesiapa sahaja yang menghina Dewan ini. Tetapi apa yang berlaku semalam, saya berdoa dan berharap, menjadi satu sejarah sahaja dan hilang pada malam tadi.

Jadi, soalan demokrasi juga dibangkitkan. Demokrasi ini kadang-kadang memang berlaku di Dewan ini tetapi janganlah gunakan demokrasi itu sebagai peluang melepas. Kata P. Ramlee "melepas". Ini bukan melepas cerita P. Ramlee, melepas geram. Jadi, jangan gunakan peluang yang itu, itu peluang kita sendiri. Jadi, kalaulah demokrasi sebegitu kita buatkan, jadi, memang tidak layaklah kita ini menerima demokrasi, kerana di luar Dewan kita hendak guna perkara macam itu, masya Allah, berlakulah perkara haru-biru dan huru-hara negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah 13 tahun menjadi Pegawai Pengaman. Empat tahun berjuang dalam hutan mempertahankam martabat negara ini. Berapa kali badan saya ini, mungkin menjadi sasaran peluru. Belum ada sesiapa pun Ahli Yang Berhormat di sini mempunyai pengalaman yang telah saya alami, sudah pernah pandang kawan mati tertembak di hadapan. Saya tahu macam mana memperjuangkan kedaulatan negara. Jadi, itulah sebabnya bila orang terpekik, terlolong, saya diam sahaja. Ahli Yang Berhomat di sini pun ada tanya, kenapa diam sahaja. Saya kata, "saya tidak mahu campur". Kalau di kawasan saya mungkin kita beri kepada "Bujang Senang", tarik dia ke dalam laut. "Bujang Senang" belum mati lagi, Tuan Yang di-Pertua, jadi sebelum orang di sebelah sana anggap dan kata saya ini mengeliru, pergi ke sana ke mari, biarlah saya sentuhkan soalan yang di hadapan kita ini iaitu soalan pindaan Rang Undang-undang Akta Syarikat 1965.

Dalam pindaan Rang Undang-undang ini ada dua tiga perkara yang sangat penting iaitu yang pertama, yang besar, untuk mengawal, memberi kuasa kepada Pendaftar menyiasat, menyelidik dan menggelidah mana-mana pejabat kalau disyaki ada mana-mana syarikat melakukan kesalahan. Maknanya kita beri satu kawalan yang begitu ketat, kuasa yang begitu banyak kepada Pendaftar Syarikat. Jadi, kuasa ini memang patutlah, dan saya percaya pihak Pendaftar Syarikat akan menggunakan dengan begitu baik dan teliti. Tetapi di dalam kita menaja satu undang-undang untuk mengawal Pendaftar, memberi kuasa kepada Pendaftar untuk mengawal Pengarah-pengarah Syarikat, kita sendiri di sini tidak mengawal bahasa kita, budi pekerti kita. Siapa kita ini? Suruh orang buat baik tetapi kita sendiri yang jahat.

Anak saya, dia ajar saya, jangan menyumpah, kata yang baik, jangan kata yang jahat, gunakan perkataan yang baik, jangan yang jahat. Kalau saya sendiri macam ketam, ajar anak yang tidak betul. Jadi, saya ini kalau bercakap bunyi suara kasar sedikit, besar sedikit, tetapi menggunakan peribahasa yang baik. Insya Allah kalau ditetapkan iman saya matipun guna bahasa yang baik nanti. Jadi, kalau kita menunjukkan contoh yang tidak baik, jangankan kata Pengarah dalam Syarikat, jangankan kata Pendaftar Syarikat, mana-mana insan dan manusia di luar itu pun akan berperangai seperti Ahli Parlimen dia juga. Kita ini ketua (leader). Kita kata "menurut teladan", tetapi kita sendiri juga yang patut menunjukkan teladan yang baik kerana kita ini leader. Saya bukan Menteri, bukan Timbalan Menteri, bukan Setiausaha Parlimen, tetapi sebagai ketua di kawasan saya, maka saya menunjukkan kepada orang di kawasan saya bahawa saya ini juga patut dicontohi. Saya berharaplah kepada mana-mana pihak yang ada berperasaan, bersentimen, bertemperament, mengurangkan sedikit tempo itu supaya kita boleh menubuhkan satu masyarakat yang berbudi bahasa. Masyarakat yang betul-betul bercorak masyarakat Malaysia yang ingin kita binakan dengan harapan pada tahun 2020 nanti bukan masyarakat yang memaki hamun 'one another', dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, soalan Pendaftaran Syarikat. Pendaftaran Syarikat pada masa sekarang adalah dicentralizekan ataupun di pusatkan di ibu Pejabat, di Kuala Lumpur. Pencarian nama semuanya di sini, sama ada lulus atau pun tidak lulus didaftarkan. Jadi, ini kadang-kadang mendatangkan masalah terutama sekali kalau bagi negeri-negeri yang jauh, saya bersimpatilah dengan negeri seperti Kelantan, seperti Yang Berhormat dari Jerai tadi sebut, yang jauh-jauh terpaksa pergi ke Pulau Pinang. Dari Sarawak kita terpaksa cari nama di Kuala Lumpur. Merentas laut Cina Selatan 500 batu lebih baru sampai sini. Sekarang MAS pun sudah naik harga.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah cukup untuk hari ini, boleh sambung esok.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasihlah. Insya Allah, saya akan sambung esok kalau dipanjangkan umur. *(Ketawa)*

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

> Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 16(3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

KENAIKAN TAMBANG KAPAL TERBANG DALAM NEGERI

6.31 ptg.

Tuan Liew Ah Kim (Seputeh): Tuan Yang di-Pertua, kenaikan tambang kapal terang antara 15% hingga 20% bagi perkhidmatan dalam negeri sekarang menimbulkan banyak tandatanya tetapi Yang Berhormat Menteri Pengangkutan menyembunyikan segala jawapan di dalam sakunya.

Sekalipun Yang Berhormat Menteri Pengangkutan bermain silap mata atau black magic dengan kenaikan tambang kapal terbang ini tetapi beliau tidak mampu menjadi pemain silap mata profesional untuk mengelirukan lebih 17 juta rakyat Malaysia.

Apakah benar kenaikan tambang kapal terbang bagi penerbangan dalam negeri ini disebabkan MAS menghadapi kerugian dengan projek yang menelan belanja $200 juta? Bagaimana dengan penjualan 72 pesawat lama atau second hand, dengan izin, dikatakan berjumlah $77.5 juta?

Tuan Yim Chee Chong: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sebentar ya. Dia bangun.

Tuan Liew Ah Kim: Bagaimana dengan saham baru sebanyak 350 daripada MAS yang dicadangkan?

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat tidak cukup kuorum.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sebentar.

Tuan Liew Ah Kim: One for one's right dengan $1 tiap-tiap satu yang hanya dilaburkan . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sebentar Yang Berhormat. Tidak berapa jelas, apa dia?

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat tidak cukup kuorumlah sekarang ini.

Tuan Liew Ah Kim: You sit down!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, kita kena ikut Peraturan Mesyuarat. Kira.

Tuan Liew Ah Kim: Dicadangkan satu untuk satu . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sebentar.

Beberapa Ahli DAP: Sudah habis, sudah habis. Sekian, sekian, terima kasih!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Timbalan Menteri hendak jawab atau hendak kira kuorum?

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Ikut peraturanlah, ikut kuorum.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira: 18 Ahli hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kita sudah kira. Ahli-ahli Yang Berhormat yang hadir pada ketika ini hanya 18 orang. Kita memerlukan 26 mengikut Peraturan Mesyuarat. Oleh kerana kuorum tidak cukup, kita kena tangguhkan Mesyuarat pada hari ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana tidak cukup kuorum mengikut Peraturan Mesyuarat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.37 petang.